



**Kenali
Negara
Kitani**

KNK
Negara Brunei Darussalam

KOMPILASI RENCANA KNK 2015

Terbitan:
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2018

Penyelaras:
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Taip Set/Kompilasi/Susunan:
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir
Muhammad Fawzan bin Abu Kasim
Muhammad Nazih bin Haji Zaini

Reka Letak/Kulit luar:
Syahi bin Haji Ludin

Penyemak:
Ramlah binti Md.Nor
Norhafilah binti Rosli
Nurafizah@Nurul Shadah Samat

J
a
n
u
a
r
i

SABTU, 10 JANUARI 2015

Menyusur Kampung Sungai Teraban

Rencana dan foto:
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli



JALAN menuju ke Kampung dan Masjid Sungai Teraban, antara kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

PROGRAM Sua Muka Jabatan Penerangan telah menyelusur ke Kampung Sungai Teraban yang terletak dalam Mukim Kuala Belait. Jarak dari Pekan Belait ke Kampung Sungai Teraban lebih kurang 15 kilometer. Rombongan pegawai dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri Cawangan Daerah Belait yang diketuai oleh Pemangku Ketua Penerangan Belait, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail tiba di rumah Ketua Kampung Sungai Teraban, Awang Mohd. Mersidi bin Haji Mohd Shara yang siap menanti dan mengalru-alukan rombongan dengan mesra.

Kampung Sungai Teraban terletak di Tebing Barat Muara Sungai Belait. Kampung ini bersempadan Laut China Selatan sebelah Utara, Sungai Belait ke Timur, Rasau ke Selatan dengan kampung-kampung di Kampung Sungai Tiga dan sempadan Malaysia di Sungai Tujuh sebelah Barat.

LATAR BELAKANG

Kampung Sungai Teraban pada mulanya dikenali sebagai ‘Kampung Seberang’ dan penduduk asli yang tinggal di situ merupakan Puak Melayu Belait yang kebanyakan nelayan. Menurut ketua kampung, nama kampung berasal dari bahasa Puak Belait ‘Terabin’ bermaksud tempat berehat dan perhentian menunggu kapal, perahu atau bot kerana Pusat Pentadbiran Kuala Belait pada zaman dahulu letaknya di Kuala Balai dan orang pertama yang datang ke kampung tersebut berasal dari Melanau, Sarawak dan juga Puak Belait yang membuka kampung berkenaan.



PEMANGKU Ketua Penerangan Belait, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail bersama rombongan ketika berkunjung ke rumah Ketua Kampung Sungai Teraban, Awang Mohd Mersidi bin Haji Mohd Shara.

Awang Mohd Mersidi, 55, dilantik sebagai Ketua Kampung pada 2 April 2002 merupakan generasi keempat dalam keluarga beliau menjawat sebagai Ketua Kampung Sungai Teraban. Sebelum dilantik menjadi Ketua Kampung, Awang Mohd. Mersidi berkhidmat sebagai tentera laut, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selama lebih kurang 19 tahun.

Kampung Sungai Teraban berkeluasan 22km persegi bermula dari Tol Jambatan Rasau hingga kawasan Sungai Tujuh. Ketika ini, kata Awang Mohd. Mersidi, jumlah penduduk berkurangan dari 1,300 orang kepada 1,100 orang kerana mereka telah berpindah ke Rancangan Perumahan Negara (RPN) di Panaga, Lumut dan Seria serta ke daerah-daerah lain. Meskipun demikian, dijangka akan ada kemasukan baru dengan pembinaan rumah-rumah pangsa dan apartmen yang dibina di kawasan tadahan kampung berkenaan.

HASIL UTAMA KAMPUNG

Memandangkan kampung tersebut kampung nelayan yang diwarisi dari sejak dulu hingga sekarang dan terus berkembang menjadi kampung nelayan hingga ketika ini, hasil utama kampung sudah tentu perikanan dan produk yang mereka perkenalkan juga berasaskan sumber laut seperti snek ikan yang diusahakan oleh Biro Wanita melalui projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P) selain mengusahakan dodol.

Majoriti penduduk kampung beragama Islam dan bangsa Melayu yang berasal dari Melanau, Sarawak dan sudah lama menjadi warganegara Brunei paling ramai tinggal di kampung tersebut diikuti bangsa Cina dan sebilangan kecil bangsa asing seperti Indonesia, Thailand, Bangladesh dan India. Selain bergiat sebagai nelayan, ada juga yang berkhidmat dengan kerajaan, Brunei Shell Petroleum (BSP) dan syarikat-syarikat swasta yang lain.



DEMONSTRASI membuat snek ikan oleh Biro Wanita Kampung Sungai Teraban.

Kampung Sungai Teraban boleh dilalui menggunakan bot merentasi Sungai Belait dan jalan darat melalui Jambatan Rasau yang menghubungkan Kampung Sungai Duhon ke Rasau. Sebelum jambatan tersebut dibina, penduduk kampung dan orang ramai yang hendak pergi ke negara jiran Miri, Sarawak, menggunakan perkhidmatan feri, satu-satunya laluan bagi kenderaan darat. Bagaimanapun sejak pembukaan Jambatan Rasau, sistem pengangkutan feri tidak lagi beroperasi kerana penggunaannya menurun, orang ramai lebih gemar memilih melalui jambatan berkenaan yang menjimatkan masa dan cepat tiba menuju ke destinasi.

Kampung tersebut tidak ketinggalan menerima kemudahan asas daripada pihak kerajaan seperti bekalan elektrik, air, telefon, jalan raya, sekolah rendah dan masjid.

SEKOLAH

Sekolah Rendah Sungai Teraban dibina di atas tanah seluas 10 ekar. Bangunan awal sekolah berkeluasan lima ekar dibina oleh penduduk kampung dan pada awal tahun 1968, bangunan sementara dibina dan diganti dengan bangunan kekal yang mula digunakan sepenuhnya pada tahun 1981 sehingga sekarang. Bangunan tersebut telah digunakan secara rasmi pada awal tahun 1983. Sistem persekolahan hanyalah pada sesi pagi dan digunakan oleh sekolah agama pada waktu petang.

MASJID

Masjid Kampung Sungai Teraban dibina pada tahun 1994 dan siap dua tahun kemudian dengan kos sebanyak BND266,378.22. Kapasiti masjid boleh menampung kira-kira 1,400 orang jemaah. Di antara kemudahan yang terdapat di masjid tersebut seperti bilik menyempurnakan jenazah dan bilik kutubkhanah.

TEMPAT SANTAI

Tidak jauh daripada balai raya, telah dibina tiga buah pondok yang diusahakan secara gotong-royong oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Teraban dengan bantuan kerjasama Jabatan Daerah Belait yang digunakan sebagai tempat rehat dan melaksanakan sebarang projek dan aktiviti kampung serta bagi menceriakan lagi balai raya yang menjadi tumpuan utama masyarakat kampung menjalankan projek dan aktiviti mereka serta mengeratkan lagi perpaduan masyarakat kampung. Pondok berkonsep tradisional itu diperbuat daripada bahan pohon nibong, papan dan zink dengan kos pembinaan dari hasil sumbangan penduduk kampung dan syarikat swasta yang bertapak di kampung itu sementara Jabatan Daerah membantu dari segi moral dan peralatan.

KOPERASI KAMPUNG SUNGAI TERABAN (KKST)

Koperasi Kampung Sungai Teraban (KKST) Berhad merupakan koperasi yang Ke-164 didaftarkan di bawah Akta Koperasi Penggal 84 pada 27 Julai 1998 yang pada mula asal penubuhannya dikenali sebagai Koperasi Peladang. Antara aktiviti niaga yang dijalankan meliputi pengendalian stesen minyak, jualan minyak pelincir, jualan minuman, pendapatan tandas berbayar dan pendapatan komisen atas jualan.

MASALAH YANG DIHADAPI

Kampung Sungai Teraban yang menerima pelbagai kemudahan asas tidak terlepas daripada menghadapi masalah umpamanya lampu jalan raya terutama menuju ke masjid tidak mencukupi dan ada yang tidak berfungsi meskipun sudah dilaporkan kepada pihak-pihak tertentu. Begitu juga jalan raya banyak yang sudah rosak dan apabila musim tengkujuh jalan raya dan rumah-rumah penduduk kampung mudah dimasuki air.

PENUTUP

Melalui Program Sua Muka, segala maklumat yang diperolehi terutama masalah yang dibangkitkan oleh ketua kampung akan disampaikan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan untuk tindakan lanjut. Itulah salah satu fungsi Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri selaku mata, telinga dan lidah kerajaan bagi meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat serta rakyat dan kerajaan selain membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung melalui akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI dan menyampaikan maklumat serta isu-isu semasa dan dasar kerajaan.



SABTU, 24 JANUARI 2015

Bakal lahirkan pelapis muda pertanian

Oleh: Haniza Abdul Latif Siti Surdani Haji Tahamid, Nurul
Syakirah Zaini, Rahimah Haji Tamin (Mahasiswa UBD)

Foto: Haniza Abdul Latif

KAMPUNG Limau Manis terletak kira-kira 25 kilometer dari Bandar Seri Begawan dan termasuk dalam Mukim Pengkalan Batu Daerah Brunei dan Muara, walaupun mengikut cerita orang tua-tua sebelum ini Kampung Limau Manis adalah sebuah mukim sehingga sekitar tahun awal 1960an.

Kampung ini dikelilingi oleh bukit-bukit iaitu Bukit Basungan dan Bukit Bandung (kawasan Kuala Lurah), Bukit Kota (sempadan Limau Manis dan Batu Ampar) dan Bukit Gadong (ke sebelah kampung Ipai Limbang) dan yang tertinggi ialah Bukit Kota dengan ketinggian 133 meter (436 kaki). Antara kampung di sekitarnya ialah Kampung Kuala Lurah, Jalan Sekolah Limau Manis dan Jalan Junjongan.

Ketua Kampung Limau Manis ialah Awang Haji Mohimin bin Haji Johari yang sudah berkhidmat selama hampir 10 tahun hingga sekarang. Penduduk kampung yang di bawah jagaannya ialah seramai lebih kurang 2,000 orang dan rumah yang didirikan adalah sekitar 220 buah.

Mengikut catatan sejarah penduduk asal Kampung Limau Manis terdiri daripada puak Murut dan Bisaya dan kemudiannya puak Kedayan. Pada masa kini penduduk kampung ini terdiri dari pelbagai puak, terutama puak Melayu Brunei, Dusun, Iban, bangsa Cina dan India yang berniaga.



PROGRAM Sua Muka ke Kampung Limau Manis bersama Ketua Kampung Awang Haji Mohimin bin Haji Johari.

SEJARAH RINGKAS

Menurut cerita lisan Kampung Limau Manis ini telah wujud sekitar 200 ke 250 tahun. Kampung ini mendapat nama daripada sepohon pokok Limau Manis yang besar dengan buahnya yang sangat manis dan tiada bandingan pada zaman tersebut. Pokok Limau itu tumbuh di tebing sungai (tapak tempat Pengkalan Pengalu) yang kemudiannya dipanggil Pengkalan Limau Manis. Perkampungan ini kemudiannya dinamakan sebagai Kampung Limau Manis bersempena dengan pengkalan tersebut.

Menurut catatan sejarah pada tahun 1906 Kampung Limau Manis dan sekitarnya merupakan satu dari enam daerah dalam Negara Brunei Darussalam yang dikenali sebagai Daerah Limau Manis atau dikenali Daerah Ulu Brunei.

Pada awal 1950an keluasan kawasan Kampung Limau Manis adalah lebih daripada apa yang ada sekarang, ia sebahagian daripada kampung Batu Ampar (sehingga satu tempat dikenali sebagai Durian Mahligai), sebahagian Kampung Wasan (sempadan awal ialah Sungai Tajau), kawasan Jalan Junjongan (Sungai Mengatai, sekarang ini penempatan yang berasal dari Kampung Burung Pingai Air (sekarang termasuk dalam Kampung Junjongan).

Pengkalan Limau Manis adalah pusat perniagaan utama (pengalu) yang berfungsi sebagai ulu Sungai Brunei dengan perhubungan utama melalui Sungai Limau Manis ke Pusat Bandar.

PROJEK TANAMAN PADI LAILA

Pada tahun 2013 Projek tanaman Padi Laila seluas 50 hektar di kawasan Tapak Padi Bunga Cawan telah dilaksanakan. Ladang tanaman padi Majlis Perundingan Kampung (MPK) Limau Manis terletak di tapak GAZET Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPA) berkeluasan 50 hektar dan diusahakan oleh 21 orang pengusaha.

MPK Limau Manis telah mendaftar dengan JPA pada awal Oktober 2013 dan memulakan kerja-kerja pembersihan ladang hingga 9 November 2013 yang mana Majlis Pelancaran Penanaman Padi berkenaan telah diadakan pada 11 November 2013.

Pemantauan status dan perkembangan ladang diadakan di sepanjang musim penanaman sehingga pengeluaran hasil di mana sebelum memulakan projek ini, ahli-ahli baru dan pelapis muda MPK Limau Manis telah menghadiri kursus asas pengurusan penanaman padi (RFFS) di JPA.

Hasil dari Sekolah Perladangan Padi (SPP) ini telah dapat menyumbangkan peningkatan ilmu pengurusan padi yang baik selain MPK Limau Manis juga telah berhasil melaksanakan program pelapis muda pertanian melalui projek penanaman padi di tapak Kawasan Kemajuan Pertanian.

TANAMAN Padi Laila di Kampung Limau Manis yang diusahakan oleh peladang muda kelihatan subur dan menghijau.



Pada bulan Disember 2012, seramai empat orang belia telah dibimbing dan dilatih melalui SPP yang dianjurkan oleh Unit Pengembangan Pertanian Daerah Brunei dan Muara, JPA.

Daripada empat orang belia tersebut, seramai tiga orang belia telah ditawarkan tapak sendiri di KKP Limau Manis untuk perusahaan tanaman padi dan mereka ini telah dijadikan contoh kepada belia yang lain.

Rancangan pelapis muda ini masih diteruskan bagi memperbanyakkan peserta belia menceburি perusahaan pertanian di masa akan datang dengan diberikan latihan, khidmat nasihat mengenai pengurusan ladang/tanaman padi dari peringkat penyediaan ladang hingga ke peringkat penuaian hasil, pemantauan berterusan, taklimat serta muzakarah bersama JPA untuk membantu ahli MPK ke arah pengeluaran hasil padi yang tinggi dan berkualiti.

Hasil padi daripada ladang MPK Limau Manis adalah dianggarkan sekitar 150 tan metrik setahun yang mana hasil ladang ini setentunya dapat menyumbang kepada jumlah hasil keseluruhan padi negara. Perusahaan ini juga akan dapat membantu pengusaha-pengusaha ladang meningkatkan sumber pendapatan mereka.

F
e
b
r
u
a
r
i

SABTU, 7 FEBRUARI 2015

Rumah Inap Desa Kampung Bebuloh

Rencana dan Foto: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md.
Noor, Rahimah Haji Tamin, Nurul Syakirah Zaini

KAMPUNG Bebuloh merupakan salah sebuah kampung yang terletak di Daerah Brunei dan Muara. Kampung ini ditadbir oleh Ketua Kampungnya, iaitu Awang Haji Said bin Tundak, beliau mula menjawat jawatan tersebut pada tahun 1997 hingga sekarang. Selain daripada itu juga Kampung Paya Karangan, Durian Suluk dan Tedungan juga termasuk dalam pentadbiran Kampung Bebuloh.

Asal usul nama kampung ini diambil daripada sebatang pohon besar yang ganjil, dijumpai di tengah-tengah kampung. Batang pohon tersebut seakan-akan memiliki bulu yang lebat. Maka daripada itu, penduduk kampung tersebut menamakan kampung ini, Kampung Bebulu. Namun disebabkan kampung tersebut banyak buluh tumbuh, akhirnya nama kampung tersebut secara rasmiya menjadi Kampung Bebuloh.

Kampung ini mempunyai keramaian penduduk lebih 900 orang dan hanya 594 orang yang menetap.

Antara kemudahan-kemudahan awam yang terdapat di kampung ini antaranya, sekolah rendah, surau, bekalan elektrik dan air serta perkhidmatan telefon.

Sementara itu Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bebuloh aktif mengadakan pelbagai aktiviti dan program. Antara program yang diadakan ialah Bengkel Kebudayaan dan Bengkel Kraf Tangan.

BENGKEL KEBUDAYAAN

Di bawah bengkel ini, aktiviti-aktiviti kebudayaan masyarakat Kampung Bebuloh dikenangkan antaranya; tarian dan musical tradisional. Mereka menjalani latihan setiap malam Khamis. Bengkel ini lebih kepada pengenalan tentang tradisi dan budaya masyarakat Bisaya khususnya. Mereka mengadakan tarian ini untuk persembahan-persembahan semasa perayaan dan sebagainya.

BENGKEL KRAF TANGAN DAN ANYAMAN

Satu Kampung Satu Produk adalah inisiatif kerajaan bagi meningkatkan ekonomi dalam kalangan masyarakat kampung dan secara tidak langsung mampu meningkatkan lagi ekonomi negara. Usaha-usaha sebegini mampu mengembangluaskan produk-produk kampung sehingga ke arah penghasilan skala yang besar, di samping untuk dijadikan sebagai tarikan pelancong. Salah satu produk Kampung Bebuloh ialah anyaman bakul, takiding, beg, topi, bubu dan sebagainya. Anyaman-anyaman ini dilakukan oleh kaum perempuan baik yang tua maupun yang muda. Aktiviti ini di bawah Bengkel Kraf Tangan dan Anyaman yang diungkayahkan oleh Biro Ekonomi, MPK.

PENANAMAN PADI

Hasil perekonomian utama kampung ini ialah penanaman padi. Padi yang telah dikatam akan dijual dengan harga BND1.60 sekilo. Padi ini akan dihantar ke Jabatan Pertanian untuk diproses menjadi beras.

INAP DESA

Program Homestay di Kampung Bebuloh adalah salah satu contoh projek berskala besar yang sedang diusahakan oleh penduduk kampung selepas penanaman padi yang telah diusahakan lebih awal dalam sama-sama mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Program Satu Kampung Satu Produk yang dinamakan ‘Program Rumah Inap Desa Kampung Bebuloh’.



Rumah Inap Desa Kampung Bebuloh telah dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman pada 20 Disember 2012. Ia dibina oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan menelan kos sekitar BND163,000 dengan reka bentuk berkonseptan kayu moden. Terletak 20 kilometer atau 45 minit perjalanan dari Bandar Seri Begawan, Rumah Inap Desa Kampung Bebuloh sememangnya saujana mata memandang berlatarbelakangkan sawah-sawah padi yang luas terbentang yang menarik bagi penginap yang gemarkan suasana alam sekitar yang masih terjaga dengan hutan yang menghijau dan juga suasana sekeliling yang tenang.

Ia mempunyai beberapa buah bilik termasuk sebuah bilik ibadat yang lengkap untuk kemudahan penginapan dengan sebuah menara setinggi enam meter bagi yang ingin menyaksikan keadaan sawah-sawah padi di sekeliling Rumah Inap ini daripada aras tinggi. Selain dibina di dalam kawasan penanaman padi, Rumah Inap Desa ini memperkenalkan pada orang ramai khasnya penginap dengan nama-nama padi yang dihasilkan di kampung ini dan dipilih sebagai nama bilik seperti Bilik Adan, Bilik Laila dan Bilik Bario yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas yang lain antaranya bekalan api elektrik dan bilik air malah basikal sewa juga disediakan bagi penginap yang ingin menikmati suasana kampung sambil melihat sendiri cara peladang mengusahakan tanaman padi mereka.

Penyewaan bilik adalah mengikut pakej yang ditetapkan oleh MPK Bebuloh selaku penyelaras Rumah Inap Desa, antaranya pakej cuti sekolah, cuti umum selain hari-hari bekerja iaitu hari Isnin hingga Khamis.

Rumah Inap Desa ini bukan saja memperkenalkan Kampung Bebuloh sebagai satu tempat tarikan pelancong malah ianya juga boleh dijadikan tempat menimba ilmu bagi yang ingin mempelajari cara-cara penanaman padi terutama sekali bagi pelancong-pelancong luar yang ingin melihat sendiri cara-cara para peladang mengusahakan penanaman padi mereka memandangkan Rumah Inap Desa ini adalah terletak di dalam kawasan sawah-sawah padi.

Penempatan program Inap Desa berhampiran dengan penanaman padi ini yang pastinya akan membuka peluang bagi generasi-generasi muda yang ingin mengetahui dengan lebih jelas lagi mengenai aktiviti penanaman padi di negara ini.





*M
a
c*

SABTU, 2 MAC 2015

Panchor Murai giat sertai aktiviti sukan

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Jabatan Penerangan

KAMPUNG Panchor Murai adalah sebuah kampung yang terletak di Daerah Brunei Muara di dalam Mukim Pengkalan Batu. Kampung ini terletak kira-kira 22 kilometer dari Bandar Seri Begawan dengan seluas 529.74 hektar daripada 9618.78 hektar bagi Mukim Pengkalan Batu.

Sebanyak 99 buah rumah yang terdapat di kampung yang dihuni oleh 450 orang penduduk ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 220 penduduknya terdiri daripada lelaki dan 230 perempuan. Sementara itu, seramai 39 orang terdiri daripada warga emas. Sejumlah 92 kelamin yang tinggal di kampung ini, yang kebanyakannya bekerja dengan kerajaan, sektor swasta dan bekerja sendiri. Kebanyakan yang bekerja sendiri merupakan pekebun.

Kampung ini juga tidak terkecuali menerima beberapa kemudahan asas seperti elektrik, air, telefon, jalan raya, sebuah sekolah agama iaitu Sekolah Ugama Panchor Murai, sebuah sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Panchor Murai, manakala klinik pula penduduknya berkunjung ke klinik Mukim Pengkalan Batu. Sebuah gelanggang sepak takraw turut disediakan untuk kemudahan penduduk kampung ini beriadah.

ASAL USUL NAMA

Menurut Ketua Kampung Panchor Murai, Awang Haji Matassan bin Haji Salleh, setakat ini belumlah lagi diketahui tarikh kampung ini dibuka mahupun pengasas kampung ini. Namun menurut penduduk awal yang mendiami kawasan kampung ini, penduduknya dipercayai berasal dari kalangan mereka yang suka berpindah randah kerana hendak mendapatkan pekerjaan atau mata pencarian. Setelah mereka bergiat dalam pertanian seperti bercucuk tanam, berpadi dan berternak binatang, maka kawasan yang diusahakan itu lama kelamaan menjadi tempat perkampungan dan ianya mula berkembang maju.

Katanya, pada waktu dahulu, Kampung Panchor Murai pernah dikenali sebagai tumpuan para peniaga (pengalu) yang datang dari bandar melalui Sungai Imang, yang dikenali sebagai Pengkalan Imang.

Jelasnya, menurut para pengisah yang ditemui, asal usul nama Kampung Panchor Murai adalah berpunca daripada kisah seorang tuan puteri yang bernama Puteri Bongsu Kembang Kiapu yang mempunyai seorang pengawal bernama Samurai. Menurut cerita, Puteri Bongsu Kembang Kiapu dikatakan tinggal di Luagan.

Pada suatu hari Puteri Bongsu Kembang Kiapu berhajat hendak minum dan mandi di pancur. Lalu Puteri Bongsu Kembang Kiapu telah menitahkan Samurai untuk membina sebuah pancur. Maka Samurai pun melaksanakan perintah tersebut. Dia bersama kawan-kawannya mencari kawasan yang sesuai untuk membina pancur dan setelah ditemui, mereka membina pancur seperti yang dikehendaki oleh Tuan Puteri. Setelah ia siap dibina, Samurai pun menyembahkan hal itu kepada Puteri Bongsu Kembang Kiapu.

Maka berdasarkan cerita Samurai membina pancur itu akhirnya telah menjadi pertuturan dan buah mulut orang-orang kampung sehingga kampung ini disebut Kampung Panchur Samurai dan lama kelamaan sebutannya berubah menjadi Kampung Panchor Murai.



PANCHOR MURAI ... Inilah keadaan pancur yang tertimbus terletak berhampiran dengan rumah ketua kampung.

TEMPAT MENARIK

Kampung Panchor Murai belumlah mempunyai tempat menarik yang menonjol namun kampung ini mempunyai satu tempat yang berpotensi menarik untuk dikunjungi, iaitu Wasai Abdul. Setakat ini wasai tersebut belumlah lagi dimajukan. Selain itu, terdapat juga sebuah empangan air yang dinamakan Empangan Air Imang. Empangan ini digunakan untuk pengairan padi dan kebun buah-buahan. Empangan yang dibina lebih 10 tahun ini pula menjadi tarikan bagi para pengail untuk menangkap ikan.

PRODUK

Terdapat penduduk kampung yang membuat kerisik secara kecil-kecilan yang mana pembuatannya adalah berdasarkan kepada tempahan orang ramai. Walau bagaimanapun pembuatan kerisik ini belumlah lagi diedarkan di kedai-kedai tempatan.

AKTIVITI

Penduduk kampung ini juga aktif dalam kegiatan kemasyarakatan seperti perlawanan bola sepak. Antara kejayaan yang dicapai, pada 19 April 2013, pasukan Panchor Murai muncul juara Liga Bola Sepak Daerah Brunei dan Muara 2012/2013 selepas berjaya mengumpulkan mata tertinggi di sepanjang kejohanan liga tersebut, iaitu sebanyak 12 mata. Perlawanan tersebut berlangsung di Balapan dan Padang Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



PASUKAN Panchor Murai muncul juara Liga Bola Sepak Daerah Brunei dan Muara 2012/2013.

PEMAIN dari pasukan Panchor Murai FC (jersi hijau) cuba untuk melarikan bola daripada pemain pasukan Kota Rangers (jersi hitam/merah).





BENGKEL Kemahiran Belia ‘Membaik Pulih Badan Kenderaan’ di Masjid Kampung Panchor Murai pada 14 Disember 2011.

Selain itu, kampung ini juga pernah menganjurkan Bengkel Kemahiran Belia ‘Membaik Pulih Badan Kenderaan’ di Masjid Kampung Panchor Murai pada 14 Disember 2011. Seramai 20 ahli Kumpulan Belia Masjid tersebut menyertai bengkel yang diadakan selama enam bulan lalu dengan tunjuk ajar daripada tiga pembimbing yang berkemahiran dalam bidang itu.

Demikianlah serba sedikit mengenai profil Kampung Panchor Murai. Kita doakan semoga kemakmuran yang dinikmati di kampung ini akan berkekalan pada masa akan datang.



SABTU, 14 MAC 2015

Keunikan Kampung Danau

Oleh: Noraisah Muhammed
Foto: Ihsan Awang Haji Abdullah Haji Tahir

KAMPUNG Danau di bawah Mukim Telisai di Daerah Tutong ini merupakan sebuah kampung berdekatan dengan pantai Laut China Selatan. Keluasannya kira-kira 6.5023 kilometer persegi dan jauhnya 20km dari Pekan Tutong. Manakala keramaian penduduknya 1,100 orang.

Selain kampung ini, terdapat lagi empat kampung, iaitu Kampung Danau, Kampung Tempuan Ugas, Kampung Keramut dan Kampung Penapar. Sementara penduduknya terdiri daripada puak Melayu Brunei dan Dusun, sedikit berbangsa Cina serta keturunan India Muslim. Mereka dipercayai puak pendatang dari luar kampung yang akhirnya menetap di kampung ini. Hampir keseluruhan penduduknya beragama Islam.

Kampung yang dipimpin oleh Ketua Kampung Danau, Awang Haji Ashak bin Hj Juhari, berserta Ahli Jawatankuasa MPK Danau serta orang-orang kampung akan mengadakan kegiatan-kegiatan yang boleh mendatangkan faedah untuk penduduk kampung tersebut.

Sejarah awal kependudukan di kampung ini sebahagiannya mendiami di sebuah kawasan bernama Kampung Penyatang sebelah darat dan sebahagian lagi di kawasan tepi pantai dan tebing sungai. Pekerjaan mereka sebagai nelayan, melukan, mengunau, bertanam padi serta mengambil kayu bakau untuk dijadikan kayu api dan dijual kepada peraih yang memerlukannya. Dengan kedudukannya berhampiran pantai ada di antara penduduknya mengusahakan pembuatan garam laut dengan membakar batang-batang hanyut dan mengambil abunya untuk dijadikan garam setelah disiram dengan air laut yang masin menjadi beku untuk kegunaan sendiri.

Menyentuh mengenai penduduk kampung yang tinggal di pesisir tebing sungai, apabila musim air pasang rumah-rumah yang didirikan di tebing ini kelihatan seperti dibina di atas sungai. Kebanyakannya mereka itu mendiami di sepanjang tebing Kampung Kelabit dan sedikit di tebing Kampung Danau dan pekerjaan mereka menangkap ikan dengan menggunakan andang, rambat, rawai, bubu dan pengguyut selain pancing dan ambur.



RUMAH-RUMAH yang dibina di tebing sungai di Kampung Kulabit, Danau sehingga akhir tahun 1960an. Kelihatan jambatan tempat menaik dan menurunkan kenderaan yang akan diangkut oleh bantun untuk dibawa ke Kuala Tutong.

Pada akhir tahun 30an, selain menjalankan perniagaan, terutama pedagang-pedagang India ada antara penduduknya bekerja di sektor kerajaan sebagai guru, polis dan di Jabatan Kerja Raya. Sekarang penduduknya telah bekerja dan menjawat beberapa pekerjaan di sektor kerajaan, swasta/syarikat seperti BSP Co., LNG, polis dan tentera.

Kampung Danau diambil sempena nama sebuah takungan air, iaitu luagan. Mengikut cerita, kampung ini didatangi oleh seorang ulama dari Sumatera yang pernah menjadi imam di masjid kampung ini.

Ulama tersebut menamakan luagan tersebut sebagai Danau. Maka sebutan danau itu kekal dan akhirnya lahirlah nama Kampung Danau. Danau atau luagan ini masih boleh dilihat hingga sekarang walaupun sedikit berubah oleh faktor masa dan keadaan.

Ia terletak tidak jauh dari Sungai Danau, iaitu berdekatan dengan Tugu Peringatan Kampung Danau yang ada sekarang. Airnya tidak pernah kering. Dulu luagan ini luas dan dalam. Di dalamnya terdapat berbagai-bagai ikan sungai kerana air sungai akan masuk ke luagan ini terutama bila sungai pasang.

Mengimbau kenangan lalu yang berakhir pada awal tahun 60an, Kampung Danau merupakan perhentian kenderaan dari Bandar Brunei ke Daerah Belait, dan dari Pekan Belait ke Bandar Brunei, kerana kenderaan-kenderaan tersebut akan dibawa/diangkut menaiki bantun untuk diseberangkan ke Kuala Tutong dan sebaliknya melalui jambatan yang dibina untuk penurunan kereta ke bantun.



DANAU yakni luagan ini menjadi nama bagi Kampung Danau.

Nostalgiknya, kedai-kedai yang terdapat dekat kawasan jambatan ini akan menjadi meriah dan ramai dengan kehadiran kenderaan yang membawa ramai penumpang menunggu untuk diangkut ke Kuala Tutong atau kenderaan yang terkandas disebabkan air laut pasang, kerana laluan untuk pergi ke Daerah Belait menggunakan pantai. Pada masa itu terdapat deretan kedai sebanyak empat pintu kedai runcit dan kedai makan dan minum selain tiga buah kedai yang berasingan yang sering dikunjungi untuk menikmati minum pagi atau petang yang terkenal dengan cucur kacang dan kelupisnya.

Keadaan ini berakhir apabila Jambatan Telisai dibina dan jalan raya dari Telisai ke Pekan Tutong telah mula digunakan pada akhir tahun 50-an.



KEDAI yang tertua beroperasi di Kampung Danau.

Seperti halnya dengan kampung-kampung lain di negara ini, Kampung Danau juga menerima arus perubahan, kemajuan dan pembangunan. Pembinaan jalan raya yang moden (berturap tar) yang dibina pada pertengahan tahun 50-an menjadikan kemudahan kepada penduduk kampung untuk menikmati perjalanan dengan selesa. Mereka yang berkemampuan membeli kenderaan sendiri atau sekurang-kurangnya memiliki motosikal dan basikal.

Sekarang ini selain pembinaan sebuah masjid, sekolah serta balai raya yang serba sederhana telah dibaiki, diubah suai bahkan ditambah menjadikannya lebih baik dan bersesuaian dengan keadaan masa sekarang. Keperluan-keperluan asas seperti elektrik, air dan telefon telah lama disediakan. Terdapat sebuah dewan kemasyarakatan yang baru yang boleh menampung tiga ke empat ratus orang dan di dalamnya tersedia gelanggang badminton.



MASJID Kampung Danau merupakan masjid pertama dibina di Negara Brunei Darussalam pada era bermula perkembangan Islam.

Pembinaan rumah kediaman semakin bertambah. Reka bentuk rumah juga sudah berubah. Kalau dulu rumah-rumah beratapkan daun nipah atau kayu (kapang) berlantaikan nibung dan papan serta berdindingkan kulit kayu dan papan, bertiang kayu, tetapi sekarang telah berubah. Sebahagian besarnya dibina dengan bahan konkrit yang lebih baik dan tahan. Ukuran dan keluasan rumah serta bilik yang selesa dan mewah. Ada terdapat hampir 200 buah telah terbangun di kampung ini.

Berdekatan pantai memang banyak rumah kediaman dibangunkan. Kebimbangan penduduk sedikit sebanyak berkurangan dari dilanda oleh hakisan pantai terutama di musim tengkujuh pada bulan Disember dengan adanya tindakan kerajaan membina tembok batu bagi menghadang pukulan ombak. Pembinaan tembok batu ini bermula pada awal tahun 90-an. Demikian juga hakisan yang berlaku di tebing sungai berdekatan dengan Masjid Kampung Danau dan jambatan batu lama, telah dipasang gabion.

Dalam bidang perusahaan dan perekonomian terdapat kolam menternak udang yang boleh dianggap luas dan diusahakan oleh rakyat Brunei bertempat di Kampung Keramut. Kolam udang ini telah beroperasi pertengahan tahun 90-an.

KEGIATAN

Melalui pertubuhan dan badan-badan yang terdapat di kampung ini seperti persatuan, Majlis Perundingan Kampung dan Jawatankuasa Takmir Masjid, beberapa kegiatan telah berjaya diadakan sebagai usaha bagi mengukuhkan lagi perpaduan dan keharmonian penduduk kampung dengan menanam sikap bekerjasama dan bergotong-royong.

Menjadi kebanggaan bagi penduduk kampung yang setiap tahun dapat mengungkayahkan kegiatan beribadah korban pada bulan Zulhijjah. Kegiatan ini telah hampir 20 tahun dilaksanakan yang mengorbankan tidak kurang daripada enam ekor kerbau setiap tahun. Kegiatan ini dikendalikan bersama MPK Danau dan Jawatankuasa Takmir Masjid Danau.

Kegiatan Sambutan Hari Kebangsaan juga hampir setiap tahun diadakan dengan acara menaikkan bendera negara. Sambutan Hari Kebangsaan yang masih dalam ingatan penduduk kampung pertama kalinya diadakan ialah Manifestasi Kemerdekaan yang diadakan pada 10 Mei 1998.

MPK Danau dengan kerjasama Persatuan Angkatan Melayu Danau telah juga mengungkayahkan satu lagi kegiatan nostalgianya, iaitu Pesta Pantai Danau Untuk VBY 2001, sempena Tahun Melawat Brunei 2001.

Majlis-majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung, Kempen Membersihkan Tanah Perkuburan, Majlis Ramah Mesra Aidilfitri adalah kegiatan setiap tahun diadakan. Pada tahun 2014 telah diadakan Kegiatan tiga dalam satu yang diadakan dalam seminggu, iaitu Sambutan Hari Keluarga, Majlis Memperingati Penubuhan Masjid dan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-30 Negara Brunei Darussalam.



SABTU, 28 MAC 2015

Kerepek pisang trademark Kampung Kapok

Oleh: Norliah Md. Zain
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said



JALAN masuk ke Taman Riadah Bukit Tempayan Pisang.

RUANGAN Kenali Negara Kitani kali ini memaparkan sebuah kampung yang telah memenangi Anugerah Perak bagi Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan Ke-3 Tahun 2014, iaitu Kampung Kapok yang terletak di Mukim Serasa.

Kampung Kapok merupakan sebuah kampung dalam Mukim Serasa terletak di antara Bukit Tempayan Pisang dengan Laut Cina Selatan kira-kira 23 kilometer dari Bandar Seri Begawan dan empat kilometer dari Pekan Muara. Kampung-kampung yang terdapat di bawah Kampung Kapok adalah Kampung Kapok Kanan, Kampung Kapok Kiri, Kampung Pengalayan, Kampung Bukit Kebun dan Kampung Meragang.



Kampung ini diketuai oleh Awang Haji Marali bin Haji Ahmad, 57 tahun, sejak 28 Mei 2008. Kampung Kapok berkeluasan 1,241.01 hektar mempunyai 561 buah rumah dengan keramaian 4,337 penduduk terdiri daripada 2,266 lelaki dan 2,071 perempuan.

Kampung ini juga tidak terkecuali menerima pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti sekolah, masjid, elektrik, air, jalan raya, telefon dan sebagainya. Kampung ini juga terkenal dengan sebuah taman rekreasinya iaitu Taman Rekreasi Bukit Tempayan Pisang yang telah menerima banyak kunjungan orang ramai dari segenap lapisan masyarakat di negara ini dan tidak terkecuali para pelancong dari luar negeri.

Selain kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan, kampung ini juga terdapat sebuah pusat sumber yang terletak di rumah ketua kampung bagi menjana budaya membaca dalam kalangan penduduk kampung. Selain itu, terdapat juga sebuah stesen minyak dan kedai-kedai untuk kemudahan penduduknya.



ASAL NAMA KAMPUNG

Asal usul nama Kampung Kapok yang dituturkan oleh orang-orang tua adalah bermula dari seohon Pokok Kapok yang mempunyai saiz besar dan berbeza dari pohon Pokok Kapok yang berada sekelilingnya. Pada ketika itu, para penduduk di kawasan berkenaan mendapat faedah daripada buah-buah Kapok untuk dijadikan bantal selain dari lumut. Perkataan Kapok itu juga diguna pakai oleh orang-orang yang sama ada berasal dari kawasan berkenaan mahupun mereka yang hendak pergi ke kawasan tersebut dengan menyatakan mereka ‘dari Kapok’ dan ‘hendak pergi ke Kapok’. Maka dari situ, penggunaan nama Kapok terus melekat dan kampung tersebut dinamakan sebagai Kampung Kapok.



PRODUK

Kampung ini terkenal dengan produk kerepek pisang yang mempunyai enam rasa, iaitu rasa asli, durian, milo, jagung, pandan dan kopi.

Walau bagaimanapun, menurut Awang Haji Marali, kerepek pisang rasa kopi jarang dikeluarkan memandangkan sambutannya yang kurang menggalakkan, namun penduduk kampung bersedia membuatnya jika ada tempahan daripada orang ramai.

Produk ini akan divariasikan lagi dengan beberapa corak dan rasa yang lebih menarik pada masa yang akan datang. Proses pembuatan produk pada masa kini semakin canggih dan moden. Justeru, penghasilan produk yang menggunakan mesin telah melipatgandakan hasil produk.

Dari segi pemasaran pula, para ahli melakukannya melalui jualan langsung, internet, menyertai ekspo, secara tempahan pelanggan dan sebagainya. Kaedah ini didapati memberikan pulangan hasil yang cepat berbanding dengan jualan menggunakan kaedah menghantar ke kedai-kedai runcit.

Kehalalan dan kebersihan yang terjamin sepanjang pembuatan dan pembungkusan kerepek yang menarik menjadi daya tarikan para pelanggan membuatkan produk ini menjadi sinonim bagi kampung ini.



SEBAHAGIAN daripada kerepek pisang dengan pelbagai perisa.

Pembuatan kerepek pisang tersebut dilaksanakan di rumah ketua kampung dan dikendalikan oleh Biro Ekonomi dan Biro Wanita serta belia dan belianwanis dengan bilangan ahli 90 orang. Pembuatan produk ini adalah secara gotong-royong bagi menanamkan semangat kerjasama dan mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan ahlinya.

Mesyuarat Majlis Perundingan Kampung pada 22 April 2012 telah bersetuju menetapkan yuran sebanyak BND10.00 dikenakan bagi setiap ahli, sehingga terkumpulnya wang permulaan sebanyak BND 900.00. Maka dengan hasil kutipan yuran ahli-ahli itu telah dijadikan modal permulaan bagi menjalankan projek membuat kerepek pisang. Sumber bahan mentah pula diperolehi daripada tanaman penduduk kampung. Namun sekiranya tidak mencukupi, barulah para ahli akan cuba mencari bahan mentah di luar kawasan kampung.

Penyertaan penduduk kampung terhadap projek perekonomian MPK ini amat menggalakkan, yang mana ahli-ahlinya sepakat mempunyai pemikiran dan perubahan sikap ingin maju dan proaktif di dalam reka cipta produk kampung. Ini penting bagi menjana pendapatan dalam kalangan penduduk kampung.

Kesepakatan dan perpaduan yang dimiliki oleh penduduk kampung ini telah membawa hasil dengan memenangi Anugerah Perak bagi AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3 Tahun 2014. Sikap saling memeduli, tolong-menolong, tidak camah mata dan aktif dalam pelbagai aktiviti kampung juga membuatkan kampung ini bertambah makmur.

Ketua kampung yang ditemui turut melahirkan rasa syukur kerana mempunyai penduduk yang bersedia memberikan kerjasama apabila diperlukan dalam apa jua kegiatan dan aktiviti kampung ini.

Semoga kemakmuran dan kesepakatan yang dimiliki di kampung ini akan berkekalan terutama untuk generasi akan datang.

SABTU, 18 APRIL 2015

Kampung Saba simpan pelbagai lagenda

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Ihsan HM Yusof, PERKASA, Arkib Negara
dan Unit Kemasyarakatan, Bahagian Kenegaraan dan
Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan

A
p
r
i
l



KAMPUNG Saba sekitar tahun 1949.

KAMPUNG Saba Darat ‘B’ merupakan sebuah kampung yang terletak di Kampong Ayer yang ditadbir oleh seorang Ketua Kampung, iaitu Awang Haji Mayalin bin Haji Saat yang juga memangku Kampung Saba Darat A dan Saba Laut.

Kampung Saba Darat B mempunyai 800 lebih orang penduduk, manakala lebih 500 orang penduduk yang tinggal di Kampung Saba Darat A dan perumahan. Kampung Saba Darat B mempunyai 84 buah rumah, sementara 55 buah rumah yang terdapat di Kampung Saba Darat A.

Menariknya, Kampung Saba ini mempunyai beberapa buah rumah perumahan serba moden, di samping rumah-rumah penduduk kampung yang sedia ada. Rumah-rumah di kampung ini tidak dinafikan mendapat perubahan dari segi strukturnya kerana perubahan zaman. Kebanyakan penduduk di kampung ini bekerja sebagai penambang, pelaut dan bekerja sendiri seperti pembancuh simen.

ASAL NAMA

Asal nama Kampung Saba ialah Kampung Pabalat. Kampung Pabalat dikenali juga sebagai Kampung Nelayan, mereka menggunakan balat (kilong, lintau dan kabat) sebagai alat menangkap ikan. Pada awalnya Kampung Pabalat mempunyai kawasan yang luas dan terdapat banyak nama-nama kampung di dalamnya seperti Kampung Padian, Kampung Peminyak, Kampung Pedaun, Kampung Perambat, Kampung Setia Pahlawan, Kampung Khatib Sulaiman, Kampung Peramu dan lain-lain.

Dikatakan apabila sebahagian penduduk bertanya “Kan ke mana kau?” mereka akan menjawab “Kan ke Saba ku (Maksudnya mereka hendak pergi ke kuala sungai untuk mendapatkan ikan dan barang-barang keperluan harian dari kaum nelayan). Lama kelamaan kampung ini pun dipanggil Kampung Saba.

Menurut ketua kampung, SABA juga adalah akronim yang bermaksud Saya Anak Brunei Asli. Kampung ini tidak terkecuali mengalami kebakaran membuatkan kampung ini menyimpan pelbagai lagenda antaranya ialah Sekolah Lela Menchanai. Kampung ini juga banyak melahirkan tokoh-tokoh agama, para qari dan qariah di negara ini.



PEMANDANGAN Kampong Ayer dari Jambatan Kastam Kampung Saba Darat dan kelihatan juga bangunan Sekolah Lela Menchanai yang telah dibuka rasmi sekitar tahun 1960-an.

GELANGGANG sepak takraw.



KEMUDAHAN

Antara kemudahan yang terdapat di Kampung Saba Darat B ialah sekolah rendah, iaitu Sekolah Rendah Saba Darat B, Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, gelanggang sepak takraw, balai ibadat dan sebuah dewan iaitu Dewan Muafakat.

Kampung ini juga aktif dalam aktiviti kampung antaranya mengadakan Dikir, mengaji Al-Quran, Tausyeh, Majlis Doa Arwah Semukim, mengadakan Dikir Maulud dari rumah ke rumah dan membersihkan tanah perkuburan.

Mengenai produk, terdapat juga beberapa penduduk kampung ini yang membuat produk secara persendirian yang sinonim sebagai pengeluar bahan makanan laut seperti udang kering selain membuat kuih-muih.



TERDAPAT sebuah balai ibadat untuk kegunaan penduduk kampung dan sekitarnya.



DEWAN Muafakat antara kemudahan yang terletak di Kampung Saba Darat B.

PERAHU LAIE-LAIE

Perahu laie-laie (sebahagian ada yang menyebut labi-labi atau perahu gubang) merupakan sebuah perahu yang digunakan untuk membangkit bintur yang hanya mampu menampung beberapa orang penumpang. Suatu ketika dahulu, ia biasanya dimainkan oleh golongan kanak-kanak.

Namun perahu laie-laie ini nampaknya sudah semakin dilupakan kerana adanya perubahan zaman seperti perahu yang menggunakan enjin yang dilihat penggunaannya lebih efisien.

Apa yang menarik perahu laie-laie ini dikayuh menggunakan tangan sama ada menggunakan pinggan atau pengayuh yang diperbuat hanya sebesar tapak tangan iaitu dalam lingkungan empat inci. Sudah tentu banyak tenaga yang perlu dikerah untuk menjalankan pengangkutan ini. Perahu laie-laie juga turut dijadikan satu perlumbaan bagi melihat tahap kekuatan dan kepantasan penduduk kampung mengayuh perahu tersebut. Bagi menambah tarikan kepada perahu laie-laie yang digunakan untuk perlumbaan, para peserta akan mewarna perahu mereka mengikut cita rasa masing-masing.

Kali terakhir lumba perahu ini diadakan ialah pada acara Sukan Air sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram anjuran bersama Persatuan Kampung Saba (PERKASA) dan Biro Kawalan Narkotik pada 28 Jun 2010.

Acara tersebut diadakan di kawasan lapang berhampiran dengan Balai Ibadat Kampung Saba Darat B.



PERTANDINGAN tarik kalat menggunakan perahu laie-laie yang pernah dipertandingkan pada Sukan Air sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram.



SEBAHAGIAN peserta perlumbaan perahu laie-laie beradu tenaga bagi meraih kemenangan pada acara Sukan Air tersebut.

Antara acara yang turut diadakan pada pertandingan lumba perahu laie-laie ialah tarik kalat menggunakan perahu tersebut. Ketika itu pihak penganjur menyediakan pengayuh sebesar tapak tangan, iaitu kira-kira empat inci. Hadiah berupa wang tunai turut disediakan bagi para pemenang.

Menurut Ketua Kampung Saba Darat B, Awang Haji Mayalin, penduduk kampung ini bersedia untuk menganjurkan lagi perlumbaan seumpama ini sekiranya ada peruntukan bagi menyediakan hadiah-hadiah perlumbaan tersebut.




PERAHU laie-laie yang semakin dilupakan... Perahu ini lazimnya dimainkan oleh kanak-kanak.

Perahu laie-laie yang suatu ketika dulu terkenal di Kampung Saba ini sememangnya antara imej Kampong Ayer yang patut dipelihara sebagai sebuah warisan dan khazanah yang dapat dibanggakan dan berdaya tahan bagi generasi-generasi yang akan datang. Mengadakan perlumbaan untuk perahu ini juga boleh dilihat sebagai satu usaha untuk memperkenalkan perahu yang kian pupus ini. Keberadaan perahu ini menunjukkan bagaimana tahap pemikiran orang zaman dahulu terhadap pembuatannya, di samping menunjukkan tahap kekuatan tenaga kanak-kanak ketika itu.

SABTU, 2 MEI 2015

Keindahan Kampung Batong berlatarbelakangkan sawah padi

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto: Jabatan Penerangan



KEINDAHAN sawah padi yang terdapat di Kampung Batong.



HIDUP dalam masyarakat sememangnya bukan sesuatu yang mudah jika tidak ada kesefahaman dan saling hormat-menghormati dalam kalangan mereka. Namun, Kampung Batong, Mukim Pengkalan Batu merupakan salah satu dari 38 mukim yang terdapat dan terletak di Daerah Brunei dan Muara, Brunei tetap aman dan menyenangkan meskipun ia terletak di kawasan menghijau dan cantik pemandangannya berlatarbelakangkan sawah padi sama seperti kampung-kampung di bawah Mukim Pengakalan Batu.

Dengan keluasan 978.07 hektar, Kampung Batong mempunyai penduduk seribu empat ratus lima puluh tiga orang (1,453 orang) dengan jumlah bangsa Melayu dicatatkan 1,200 orang dan selebihnya bangsa Iban, Bisaya dan Cina. Daripada jumlah tersebut seramai 68 orang menerima Pencen Tua, empat orang menerima bantuan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), dua orang menerima bantuan fakir miskin, tujuh orang menerima bantuan anak-anak yatim manakala dua orang lagi menerima bantuan orang mengalami gangguan mental.

Kampung Batong dipimpin oleh seorang ketua kampung yang penuh dedikasi terhadap tugas dan tanggungjawabnya, iaitu Awang Haji Saban bin Lamat sejak 3 Januari 2012. Bagi mengetahui perkembangan dan permasalahan yang dihadapi oleh para penduduk di mukim tersebut, serombongan pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah berdudun ke kediaman ketua kampung berkenaan di bawah Program Sua Muka.

KEMUDAHAN ASAS

Semasa kunjungan tersebut, kampung berkenaan menerima kemudahan-kemudahan asas yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti bekalan air, tenaga elektrik mahupun telefon dan jalan raya.

Sebuah masjid tersgam indah juga dibina di kampung ini, iaitu Masjid Jefri Bolkiah yang mula dibina bermula pada November 2011 dan siap sepenuhnya tahun ini di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012 dengan menelan belanja hampir BND2.1 juta.

Pada 26 Julai 2013, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat menunaikan Solat Fardu Jumaat yang pertama di masjid berkenaan.

Keseluruhan kapasiti masjid boleh menampung lebih kurang 800 orang jemaah, antara kemudahan yang tersedia ialah dewan sembahyang lelaki dan perempuan, bilik muzakarah, bilik Pegawai Hal Ehwal Masjid/Imam/Bilal, bilik tetamu khas, perpustakaan dan IT, bilik kuliah, bilik PA Sistem, stor, bilik pengurusan jenazah, dapur, tandas lelaki dan perempuan serta tempat berwuduk berasingan lelaki dan perempuan.

Bagi kemudahan para penduduk mukim untuk mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan, takmir masjid berlangsung di Masjid Jefri Bolkiah dan di rumah ketua kampung berkenaan. Sementara itu bagi melaksanakan aktiviti kesukanan pula, penduduk kampung tersebut dengan kampung-kampung lain di bawah Mukim Pengkalan Batu berkongsi padang sukan Sekolah Rendah Panchor Murai.



SABTU, 2 MEI 2015

Mukim Serasa berpotensi untuk kemajuan

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Foto: Jabatan Penerangan

MUKIM Serasa merupakan salah satu dari 38 mukim yang terdapat dan terletak di Daerah Brunei dan Muara dan adalah sebuah mukim yang sangat berpotensi untuk kemajuan yang bertaraf antarabangsa di masa depan dan dalam kajian pelan jumlah penduduk Mukim Serasa dijangka akan bertambah lebih dua kali ganda dalam masa 14 tahun, iaitu 16,242 orang dalam tahun 2011 ke 39,300 orang pada tahun 2025.

Perkara ini pernah disentuh dalam Taklimat Peringkat Draft Terakhir Pelan Perancangan Setempat Mukim Serasa di Majlis Taklimat Pelan Terakhir Mukim Serasa yang berlangsung di Pantai Serasa, Brunei dan Muara pada 7 Disember 2013, bertujuan untuk membarigakan kepada *stakeholder* dan orang ramai mengenai cadangan-cadangan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang yang telah dikenal pasti di mukim ini.

Proses penyediaan pelan setempat Mukim Serasa semasa jerayawara kepada pemegang teras penduduk setempat, iaitu penghulu, ketua-ketua kampung dan penduduk-penduduk Mukim Serasa khususnya. Pelan-pelan perancangan bagi jangka sederhana ialah Pelan Daerah yang mengandungi cadangan-cadangan kemajuan bagi pembangunan daerah-daerah bagi tempoh 10 tahun ke atas.

Mukim Serasa mengandungi Kampung Kapok, Kampung Serasa/Perpindahan Rancangan Perumahan Serasa, Kampung Sabun, Pelumpong, Masjid Lama dan Pekan Muara yang mempunyai penduduk tiga belas ribu tiga ratus lima belas orang (13,315 orang) terdiri dari 7,284 orang lelaki dan 6,031 orang perempuan. Jumlah umat Islam adalah hampir 10 ribu manakala bangsa Melayu dicatatkan 6,875 orang, 267 orang puak Dusun dan Bisaya, 468 orang berbangsa Cina dan 5,705 orang warga asing.

Daripada jumlah tersebut seramai 329 orang menerima Pencen Tua, 68 orang menerima bantuan dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), 44 orang menerima bantuan fakir miskin, 38 orang menerima bantuan anak-anak yatim manakala tujuh orang menerima bantuan orang cacat dan kurang upaya.



PENGHULU Mukim Serasa, Mejar (B) Haji Johari bin Haji Abdul Razak ketika mengongsikan pandangan dalam Program Sua Muka.

Peningkatan penduduk ketika ini mencapai lebih 26 ribu dengan adanya Rancangan Perumahan Negara di Meragang yang mengandungi lebih tiga ribu buah rumah yang disediakan oleh kerajaan.

Mukim Serasa dipimpin oleh seorang penghulu yang penuh dedikasi terhadap tugas dan tanggungjawabnya, iaitu Mejar (B) Haji Johari bin Haji Abdul Razak yang bermula pada 5 Februari 2008. Bagi mengetahui perkembangan dan permasalahan yang dihadapi oleh para penduduk di mukim tersebut, serombongan pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengunjungi ke kediaman Penghulu berkenaan di bawah Program Sua Muka di Lot 2045, Simpang 240-86 Jalan Meragang, Kampung Kapok, Mukim Serasa.

Semasa perjumpaan tersebut Penghulu Mukim berkenaan mengongsikan mengenai profil mukim termasuklah terdapatnya 1,381 buah rumah persendirian, 12 buah rumah panjang dan 44 buah bangunan Kerajaan (berasingan/flat), pencapaian-pencapaian, perkembangan dan pembangunan yang terdapat di mukim berkenaan.

Mukim ini juga melahirkan tokoh-tokoh cemerlang seperti Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad bin Haji Jumat yang telah dikurniakan dengan Anugerah Pendidikan Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-24 dan 100 Tahun Pendidikan Formal Negara Brunei Darussalam pada 9 Oktober 2014.

Yang Dimuliakan merupakan seorang tokoh negara yang banyak menabur bakti dalam perkembangan bidang pendidikan dan merupakan antara beberapa orang tokoh dan negarawan yang telah sama-sama menerajui usaha-usaha awal dalam melakar, mengembangkan dan seterusnya memajukan bidang pendidikan di negara ini. Jawatan terakhir sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 2008 sehingga bersara pada tahun 2010 dan sejak penghujung tahun 2011 hingga sekarang, tokoh ini telah dilantik sebagai Ahli Negara Brunei Darussalam bagi ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR). Di samping itu, mukim ini juga melahirkan para terpelajar dan tokoh-tokoh usahawan.

KEMUDAHAN ASAS

Semasa kunjungan tersebut, penghulu juga menyentuh menerima kemudahan-kemudahan asas yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti bekalan air, tenaga elektrik, telefon, pejabat pos, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis dan Polis Marin, di samping terdapatnya masjid, sekolah, pasar, pusat kesihatan, klinik.

Bagi kemudahan para penduduk mukim untuk mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan, takmir masjid berlangsung di masjid utamanya Masjid Setia Ali, Kampung Kapok, dan Perpindahan Serasa.

Kesibukan Mukim Serasa semakin rancak pembangunannya dengan tertubuhnya Pusat Tingkatan Enam Meragang; Pelabuhan Muara, Serasa Ferry Terminal yang membawa penumpang keluar masuk ke pelbagai destinasi seperti Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah, Sundar dan Lawas.



PROJEK Jejambat di Persimpangan Lebuhraya Muara - Perumahan Meragang.

Antara projek yang kini dilaksanakan, iaitu menaik taraf dan membina tambahan kemudahan-kemudahan Taman Rekreasi Pantai Serasa pada tahun 2014 sebagai destinasi riadah yang mempunyai pembangunan berdaya tahan yang akan setentunya dapat memberikan peluang dan ruang bagi mengadakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian, pemeliharaan yang efektif dan berterusan bagi memastikan alam persekitaran yang bersih, indah, selamat dan teratur.

Di samping itu beberapa pembinaan lebuh raya juga sedang rancak dijalankan bagi menampung kesibukan lalu lintas dan peningkatan penduduk di mukim berkenaan.



SABTU, 9 MEI 2015

Kenali Kawasan 1 RPN Lambak Kanan

Oleh: Norliah Md. Zain
Foto: Zul-Izzi Durahman, Md Mahdi Haji Marsidi



BALAI Bomba Lambak Kanan.

KAWASAN 1 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan adalah salah satu daripada lima kawasan RPN Lambak Kanan dan mula wujud sekitar tahun 1990an.

Kawasan ini ditadbir oleh seorang ketua kampung, iaitu Awang Mohammad bin Haji Tahir yang juga memangku jawatan ketua kampung bagi Kampung Sungai Hanching dan Salambigar. Beliau merupakan ketua kampung yang pertama bagi kawasan ini dan mula menjawat jawatan tersebut pada tahun 1997.

Kawasan ini dihuni oleh 4,000 ke 5,000 penduduk yang terdiri daripada 266 orang warga emas, 42 anak yatim. Kampung ini mempunyai 648 buah rumah.

Kawasan ini tidak terlepas menerima beberapa kemudahan asas yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti bekalan elektrik, air dan telefon di samping kemudahan-kemudahan lain seperti Sekolah Rendah Jalan 49, Sekolah Ugama Lambak Kanan dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Masjid Lambak Kanan, balai bomba dan bidan kerajaan.



SEKOLAH Rendah Jalan 49 Lambak Kanan.



BIDAN Kerajaan juga terdapat di Lambak Kanan.



MASJID Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan terletak di Kawasan 1 RPN Lambak Kanan.

Gerai Jualan Kawasan 3 RPN Lambak Kanan:

JANA EKONOMI PENDUDUK

HIDUP dalam keadaan aman damai dan tenteram menjadi idaman dan harapan setiap orang apabila tinggal di sesebuah kampung. Lebih-lebih lagi jika penduduk kampung saling tolong-menolong, pemedulian dan hidup bermuafakat antara satu sama lain setentunya menambahkan lagi keharmonian hidup sekampung. Peranan pemimpin akar umbi yang berwibawa juga adalah perlu agar kebajikan penduduk kampung sentiasa terjamin.

Keluasan Kampung Kawasan 3 Perumahan Negara Lambak Kanan ialah 139.66 hektar dengan jumlah rumah lebih 350 buah. Seramai lebih 3,300 penduduk yang tinggal di kampung ini yang mana termasuk 391 orang warga emas.

GERAI JUALAN HASIL MUAFAKAT

Walaupun Kampung Kawasan 3 Perumahan Negara Lambak Kanan merupakan sebuah kampung yang baru, namun ia tidak menghalang penduduk kampung untuk hidup saling bermuafakat. Buktinya, hasil kerjasama penduduk Kampung Lambak Kanan, ketua kampung dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 3 Perumahan Negara Lambak Kanan, mereka telah berjaya mengadakan Gerai Jualan yang diadakan di kawasan lapang Dewan Kemasyarakatan 1, Jalan 1, Perumahan Negara Lambak Kanan, setiap hari Jumaat hingga Ahad, dari 3 petang hingga 10 malam.

Gerai yang mula beroperasi pada 9 Januari 2015 ini dirasmikan setelah lebih sebulan beroperasi, iaitu pada 22 Februari 2015 oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara ketika itu, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abd. Karim berinteraksi dengan seorang penjual di gerai jualan yang dirasmikan pada 22 Februari 2015.

Ia merupakan projek kedua hasil kerjasama bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 3 Perumahan Negara Lambak Kanan dan Penduduk-penduduk Kampung Kawasan 3.

Ketua Kampung Kawasan 3 Perumahan Negara Lambak Kanan yang juga selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung, Awang Haji Mahir bin Mohd. Yusuf berkata, gerai jualan menambah kegiatan perekonomian kampung khususnya golongan belia. Beliau turut melahirkan rasa syukur kerana gerai ini mendapat kunjungan yang sangat menggalakkan.

Pada masa ini, sebanyak 24 petak jualan telah disediakan khusus kepada penduduk Kampung Lambak Kanan dan sekitarnya yang berdaftar untuk berniaga di gerai jualan tersebut pada setiap hujung minggu. Orang ramai adalah dialu-alukan bagi mengunjungi gerai jualan tersebut yang menawarkan pelbagai jenis makanan dan minuman.



KLINIK Kesihatan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan.



PEJABAT Lambak Standby Base, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

KEGIATAN

Kampung ini juga aktif dalam beberapa kegiatan keagamaan antaranya mengadakan pertandingan dikir antara mukim-mukim dan kampung-kampung, mengadakan kutipan bulanan kepada penduduk kampung yang berhasrat mengadakan ibadat korban, mengadakan dikir 12 malam berturut-turut sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di masjid-masjid, bertahlil di tanah perkuburan serta sering diundang bagi acara-acara kebesaran Islam peringkat kebangsaan di negara ini.

Selain itu, Bahagian Keagamaan Majlis Perundingan Kampung ini juga berhasrat untuk menubuhkan kelas dikir bagi mengajar penduduk kampung.

Sempena bulan Ramadan, kampung ini juga aktif mengadakan Gerai Ramadan setiap hari bagi memudahkan orang ramai dan penduduk kampung mendapatkan juadah berbuka puasa.

Walaupun kawasan ini adalah sebuah kawasan perumahan yang terdiri daripada penduduk yang berhijrah dari pelbagai kampung, namun berkat kesefahaman yang erat, mereka juga mampu bermuafakat untuk sama-sama memajukan ekonomi penduduk kampung demi menjana pendapatan.

Semoga kampung ini sentiasa dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala dan hidup aman dan makmur.



BANGUNAN Sekolah Rendah Dato Marsal.



SABTU, 9 MEI 2015

Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong: Wujudkan semangat bekerjasama

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Ihsan MPK Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun
dan Pelumpong

KAMPUNG Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong terletak di hujung Timur Brunei dan di Utara Laut China Selatan. Kampung ini juga bersempadan dengan Selatan Muara iaitu Kampung Serasa dan Barat Muara, iaitu Kampung Kapok. Keluasan Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, dan Pelumpong mempunyai keluasan 332.18 hektar. Manakala keluasan Kampung Sabun pula ialah 134.47 hektar. Kampung ini mempunyai rangkaian kemudahan perhubungan jalan raya dan penggunaan Lebuhraya Muara dan Tutong. Ia terletak kira-kira 27 kilometer dari ibu negara Bandar Seri Begawan.

SEJARAH

Berdasarkan cerita orang tua-tua dan mantan ketua kampung, terdapat penduduk Muara yang berumah daripada kampung yang dinamakan Kampung Dadap yang membawa maksud sejenis pokok besar yang mempunyai bunga berwarna merah. Semasa perang Jepun, para penduduk ini berpindah-randah, ada yang membina rumah dan masjid di tepi Kuala Sungai yang dipanggil Sungai Biawak.

Setelah berakhirnya perang Jepun pada tahun 1945, masjid yang terdapat di perkampungan Sungai Biawak telah banyak yang rosak. Untuk mengambil kenangan, maka penduduk kampung mengubah nama Kampung Sungai Biawak menjadi Kampung Masjid Lama sehingga sekarang. Memandangkan pembangunan pelabuhan semakin berkembang, oleh itu para penduduk telah dipindahkan ke kawasan Kampung Serasa yang dikenali sebagai Kampung Perpindahan Rakyat Jati Serasa. Manakala Kampung Sabun pula mengambil nama sempena nama pokok yang bernama sabun dan daunnya seakan-akan kelapa.

MASJID Setia Ali Pekan Muara merupakan masjid utama yang terletak di dalam kawasan Kampung Sabun dan dapat menampung 700 jemaah.



KETUA KAMPUNG

Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong ialah Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Dilahirkan pada 29 November 1952 dan dilantik sebagai ketua kampung pada 11 Jun 2009. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pereka di Jabatan Radio Televisyen Brunei.

KERAMAIAHAN PENDUDUK

Jumlah keramaian penduduk di Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Pelumpong ialah seramai 3,240 orang, manakala jumlah penduduk di Kampung Sabun ialah seramai 918 orang.

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG

Biro-biro yang terdapat di dalam Majlis Perundingan Kampung (MPK) Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong ialah Biro Penerangan, Biro Kebudayaan/Sukan, Biro Infrastruktur, Biro Keselamatan, Biro Wanita, Biro Kebajikan, Biro Ugama, Biro Pendidikan dan Biro Ekonomi.



AHLI-AHLI MPK Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong bagi sesi 2011 hingga 2016.

PROJEK, AKTIVITI DAN PRODUK

Dalam usaha menyahut seruan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk merealisasikan hasrat 'Satu Kampung Satu Produk', MPK kampung ini berusaha dan mewujudkan projek yang menjurus hasil ikan laut, iaitu Projek Snek Lumai Ikan. Projek ini bermodalkan kutipan daripada ahli dan penduduk kampung sebanyak BND10 seorang dengan keramaian 32 orang.

Fasa penghasilan produk Snek Lumai Ikan ini termasuklah penyediaan dan pembelian barang keperluan, pengambilan bahan mentah, membersihkan ikan aur-aur, menjemur, proses memasak, proses pembungkusan dan pemasaran.

MPK akan berusaha untuk mempelajari lagi untuk meningkatkan kualiti pembuatan produk Snek Lumai Ikan sehingga mencapai tahap kecemerlangan yang sangat-sangat menggalakkkan.



SNEK Lumai Ikan produk Majlis Perundungan Kampung (MPK) Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong.

Dalam aspek pendidikan, Biro Pendidikan kampung ini mengadakan kelas-kelas bimbingan bagi murid-murid dan penuntut yang memerlukan. Biro ini bertanggungjawab dalam mengadakan bengkel kesedaran, pendidikan dan juga motivasi kepada remaja dan para belia. Dengan bantuan daripada guru-guru atau sesiapa sahaja yang mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam pendidikan.

Antara aktiviti pendidikan yang diadakan ialah Kelas Bimbingan Muqaddam dan Al-Quran, bengkel (guling tangan, dastar dan sinjang), mengadakan kemotivasi dan sebagainya.

Selain daripada itu, para penduduk kampung ini juga turut menjalankan kegiatan-kegiatan keagamaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kesukunan. Beberapa kegiatan yang telah dilaksanakan termasuklah Perbarisan Maulidur Rasul, Kempen Kebersihan Pekan Muara, Majlis Keluarga, Jualan Gerai Ramadan dan banyak lagi.

Manakala dari aspek sukan dan kebudayaan pula, di antara aktiviti yang dijalankan seperti Sukan Ria sempena Hari Keluarga dan Perlawanan Tarik Kalat.

Sementara itu, dari aspek keagamaan, kebajikan dan kemasyarakatan pula adalah seperti Sambutan Maulidur Rasul, membersihkan tanah perkuburan Islam, meraikan warga emas, Sambutan Hari Keluarga, Ceramah Muslimah Ugama Masjid dan Derma Anak Yatim.

Dalam menjaga kebersihan dan keindahan kampung, beberapa usaha diteruskan dengan mengadakan kempen-kempen kebersihan, kempen-kempen khas seperti Kempen Hijau Persekutaran Kampung dan Kempen Kebersihan Pantai.



SALAH satu daripada aktiviti keagamaan yang diungkayahkan oleh MPK Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong ialah membersihkan tanah perkuburan orang Islam.

PROJEK EKO-PELANCONGAN PESTA SANTAI MUARA

Matlamat utama Pesta Santai Muara ialah untuk menaikkan taraf pengenalan Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong bukan saja kepada penduduk tempatan malahan juga kepada pelancong-pelancong asing.

Ia juga bertujuan untuk menambah pendapatan perekonomian MPK agar dapat menjalankan aktiviti-aktiviti kemajuan ekonomi serta memberi bantuan kepada penduduk kampung seperti anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal, di samping mengeratkan silaturahim dan mewujudkan persefahaman semangat bekerjasama dalam kalangan ahli-ahli MPK dan anak-anak buah kampung bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak syarikat swasta yang berkepentingan di Mukim Serasa.

Selain itu, ia juga memberikan peluang kepada agensi-agensi kerajaan berkenaan untuk menyampaikan maklumat penting kepada penduduk tempatan dan mempromosikan produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan.



SABTU, 23 MEI 2015

Penduduk Kampung Menengah hidup bersatu padu

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim

PERPADUAN merupakan proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat di sesebuah tempat supaya setiap anggota masyarakat hidup dalam aman, stabil, makmur dan maju. Amalan terpuji sedemikianlah yang sering diperaktikkan oleh para penduduk Kampung Menengah, Mukim Bangar di mana mereka hidup dengan penuh harmoni dan saling bersatu padu terutamanya tatkala melakukan pelbagai acara atau projek seperti Makan Doa Arwah, mengadakan majlis korban sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha, aktiviti sukan dan sebagainya. Perkara itu dijelaskan oleh Ketua Kampung Menengah, Mejar (B) Ampuan Hussain bin Ampuan Mattahir dalam pendekatan bersama pewarta PELITA BRUNEI.

Apa pun aktiviti yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK), ujarnya masyarakat dan penduduk kampung akan saling bersatu padu untuk ikut serta dalam aktiviti-aktiviti berkenaan ke arah memeriahkan sambutan. Penglibatan mereka itu setentunya mencerminkan semangat perpaduan yang kental dalam kalangan masyarakat kampung.

Namun begitu, Ketua Kampung Menengah juga melahirkan harapan agar golongan belia di kampung berkenaan akan sedar dan ikut sama berkecimpung dalam mengendalikan projek kampung dan tidak memencarkan diri daripada kerja-kerja gotong-royong ataupun mengeratkan silaturahim di antara penduduk kampung kerana belia-belia ini adalah aset negara dan bakal pengganti kepada pemimpin yang ada sekarang.

SEJARAH KAMPUNG MENENGAH

Mengimbasi kembali sejarah Kampung Menengah, Mejar (B) Ampuan Hussain bin Ampuan Mattahir berkata, Kampung Menengah bukanlah sebuah kampung yang lama di mana kampung tersebut dibuka pada tahun 1950-an. Kampung berkenaan ujarnya, pada asalnya ialah Kampung Kastam Lama. Pada tahun 1940, katanya lagi pusat pentadbiran Pekan Bangar yang bertempat di Kampung Kastam Lama telah berpindah ke Pekan Bangar, dan oleh itu penduduk yang tinggal di Kampung Kastam Lama pun mulailah berpindah menghampiri Pekan Bangar. Antara kampung-kampung yang dikenal pasti pada awal perpindahan penduduk itu ialah Kampung Parit Menengah, Kampung Parit Puak, Kampung Sungai Tanam, Kampung Sungai Tanit dan Kampung Sungai Suluk manakala di seberang sungainya pula adalah Kampung Gadong, Kampung Batang Tulit dan Kampung Baru.



KETUA Kampung Menengah, Mejar (B) Ampuan Hussain bin Ampuan Mattahir.

Menurut Ketua Kampung Menengah lagi para penduduk yang tinggal di kawasan Kampung Kastam Lama dan sekitarnya berpindah menghampiri Pekan Bangar dan antara kampung-kampung tersebut yang dibuka atau disediakan tanah untuk dibahagikan kepada penduduk kampung ialah Kampung Parit Menengah yang diungkayahkan oleh ketua kampung yang juga selaku Penghulu Mukim Bangar ketika itu, iaitu Allahyarham Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Daud. Allahyarham merupakan orang pertama yang menjadi Ketua Kampung Menengah setelah lot-lot tanah dibahagikan kepada para penduduk kampung, iaitu Kampung Sungai Tanam, Kampung Sungai Tanit, Kampung Menengah hingga ke Kampung Sungai Sulok dan ditambah lagi yang baru dalam tahun 1970-an ialah Kampung Parit Belayang.

Ketika ini Kampung Menengah hanya mempunyai lebih 800 penduduk sahaja lagi walaupun satu masa dahulu jumlahnya melebihi dua ribu orang. Perkara itu terjadi jelas Ketua Kampung Menengah adalah disebabkan faktor penghijrahan para penduduk kampung ke Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Mukim Bokok.



KAWASAN penurunan/penaikan perahu Kampung Menengah Temburong yang disediakan oleh kerajaan.

PEMEDULIAN KERAJAAN

Sepertimana di kampung-kampung lain di negara ini, Kampung Menengah tidak ketinggalan untuk menerima kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Pada tahun 2010, jalan raya di kampung berkenaan telah dinaik taraf dengan disediakan sistem anti banjir memandangkan kawasan Kampung Menengah terletak pada kawasan rendah. Projek penaikan taraf jalan raya itu selesai pada tahun berikutnya. Selain itu, kampung tersebut juga menerima bekalan elektrik, air dan telefon. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui jabatan-jabatan yang berkenaan juga membina balai raya dan jambatan tempat penurunan perahu bagi kemudahan para nelayan di kampung berkenaan. Namun memandangkan lokasinya begitu berdekatan dengan Pekan Bangar, maka kampung berkenaan tidak diberikan prasarana seperti masjid dan sekolah.



SEBUAH balai raya yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi kemudahan para penduduk Kampung Menengah mengadakan pelbagai aktiviti.

PRODUK KAMPUNG

Karipap Mini MPK Menengah sememangnya satu produk kampung yang tidak asing lagi di daerah ini. Dihasilkan pada tahun 2009 di bawah projek ‘Satu Kampung Satu Produk’, Karipap Mini MPK Menengah sehingga kini sudah mencapai keuntungan di antara BND16,000 hingga BND17,000 yang dibahagikan kepada ahli-ahli MPK yang terlibat dalam pembuatan Karipap Mini berkenaan termasuklah mereka yang memberikan saham sejak awal projek itu dikendalikan. Bagi yang berhasrat untuk mendapatkan produk Karipap Mini MPK Menengah bolehlah mengunjungi kediaman Ketua Kampung Menengah atau menghubungi Pengurus Biro Wanita & Produk Karipap Mini MPK Menengah, Dayang Hajah Samsiah binti Haji Pandin melalui talian 5222222.

Selain Karipap Mini, Kampung Menengah juga mempunyai dua lagi produk sokongan yang diungkayahkan oleh pihak individu kampung seperti pembuatan kraf tangan daripada manik. Bahan-bahan untuk pembuatan produk tersebut jelas Mejari (B) Ampuan Hussain lagi, didapatkan sendiri oleh individu yang mengusahakannya. Pihak MPK katanya lagi hanya membantu dari segi publisiti produk berkenaan.



ANTARA produk yang dihasilkan ialah Karipap Mini Daging oleh MPK Menengah.

Sementara itu, bagi mengembalikan nostalgia Daerah Temburong terkenal dengan udang galahnya, MPK Menengah telah membuat percubaan untuk memelihara udang galah dalam sangkar. Mejar (B) Ampuan Hussain menjelaskan bahawa setelah dicuba dalam tiga peringkat nampaknya percubaan tersebut masih lagi memerlukan masa untuk melihat sama ada percubaan tersebut boleh diteruskan dan diusahakan atau mendatangkan keuntungan ataupun tidak. Penternak udang galah dalam sangkar jelas Mejar (B) Ampuan Hussain lagi sememangnya berdepan dengan masalah antaranya benih-benih anak udang galah.



SABTU, 30 MEI 2015

Sungkai sekampung keunikan Kampung Mata-Mata

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



BALAI Ibadat Kampung Mata-Mata menjadi tumpuan bagi para penduduk kampung untuk mengadakan acara Sungai Sekampung yang menjadi salah satu keunikan di kampung itu.

KIRA-KIRA lapan kilometer perjalanan dari ibu negara, Bandar Seri Begawan, terletaknya Kampung Mata-Mata yang merupakan salah satu kampung di bawah Mukim Gadong ‘B’ selain dari Kampung Beribi, Kiarong, Kiulap, Perumahan Mata-Mata, Batu Bersurat, Menglait I dan Menglait II.

Keluasan kampung berkenaan ialah 48,121 hektar dengan jumlah binaan rumah sebanyak 1,392 buah dengan jumlah penduduknya seramai 6,699 orang terdiri daripada 3,387 lelaki dan 3,312 perempuan termasuk 254 warga emas. Jumlah tersebut termasuk kira-kira 20 peratus daripada masyarakat Cina.

Program Sua Muka yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan terus giat dengan membuat pendekatan bersama Ketua Kampung, Awang Haji Metali bin Haji Kamis pada 18 April lalu dalam inisiatifnya bagi menjalinkan kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.

KEMUDAHAN/KEBAJIKAN

Kampung Mata-Mata juga tidak kurang seperti kampung-kampung lain dengan menerima dan sama-sama menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh kerajaan antaranya kemudahan air, elektrik, jalan raya, sekolah, balai ibadat dan sebagainya.

Selain daripada 254 warga emas menerima bantuan Pencen Tua sebanyak BND250 sebulan, bantuan kebajikan juga diberikan kepada sebahagian mereka yang kurang upaya termasuk orang buta, cacat dan gila.

Penerima kebajikan bulanan juga diberikan kepada enam orang anak yatim di kampung berkenaan dan 20 penerima lain termasuk ibu tunggal serta mereka yang menjalani hidup susah yang memerlukan bantuan.



JALAN Mata-Mata yang menjadi salah satu jalan akses menuju ke Kampung Mata-Mata.

ASAL-USUL DI SEBALIK NAMA MATA-MATA

Semasa pendekatan tersebut, Awang Haji Metali sempat menceritakan asal usul nama kampung tersebut yang kononnya mengikut cerita orang-orang dahulu sering terserempak sebiji mata bersaiz besar di atas tanah dan dari kejadian itu nama Mata-Mata terus diberikan pada kawasan berkenaan yang secara kebetulan pada ketika itu kampung tersebut belum lagi mempunyai nama pada sekitar tahun 1880.

*LOKASI yang dipercayai
bahawa orang-orang
dahulu sering terjumpa
mata di kawasan ini
sehingga terciptanya nama
kampung itu.*



AKTIVITI KAMPUNG

Keunikan kampung tersebut ialah apabila menjelangnya bulan Ramadan, penduduk kampung akan mengadakan sungkai sekampung setiap malam Jumaat di balai ibadat yang merupakan tradisi dari turun-temurun lagi.

Jalinan kemesraan juga semakin erat dengan adanya Majlis Doa Arwah Sekampung yang melibatkan semua penduduk dalam mengungkayahkan kerja bergotong-royong termasuk acara tahunan lain seperti Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

J
u
n

SABTU, 6 JUN 2015

Dermawan pembinaan masjid sentiasa dikenang

Oleh: Norliah binti Md. Zain

Foto: Azmah Haji Ahad

KAMPUNG Manggis yang terletak di Mukim Berakas ‘B’ Daerah Brunei Muara antara kampung yang beruntung kerana mempunyai kedudukan strategik yang mana lokasinya berhampiran dengan bangunan-bangunan kerajaan, sekolah-sekolah dan gedung-gedung perniagaan.

Dengan kedudukannya yang strategik itu, maka Kampung Manggis kini padat dengan pembangunan seperti rumah-rumah persendirian, kedai-kedai supermarket, sekolah-sekolah dan sebuah masjid. Kampung yang mempunyai keramaian penduduk lebih 3,000 orang ini turut tidak terlepas menerima kemudahan asasi yang disediakan oleh pihak kerajaan antaranya jalan raya, bekalan elektrik, telefon, air, Gerai Pancha Harapan.

ASAL NAMA

Nama Kampung Manggis adalah berasal dari sebatang pokok manggis yang besar yang terletak di rumah mantan ketua kampung suatu ketika dahulu. Dianggarkan kawasan tersebut adalah kawasan pusing keliling Kampung Manggis ketika ini.



MASJID Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit yang dibina di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012 dengan biaya pembinaannya dari pihak kerajaan, agensi-agensi swasta dan sumbangan orang ramai.

Kutipan dana bagi membina masjid ini tidak terhenti dengan kembalinya kerahmatullah mantan ketua kampung itu. Ia tetap diteruskan apabila kampung ini ditadbir oleh Pengiran Haji Idros setelah menjawat jawatan sebagai ketua kampung yang baru bagi kampung ini.

Semasa Pengiran Haji Idros mentadbir kampung ini, sebaik sahaja salah satu majlis penyerahan derma bagi pembinaan masjid ini mendapat liputan media tempatan, kata Pengiran Haji Idros, lebih banyak dermawan-dermawan dalam kalangan penduduk tempatan seluruh negara termasuk agensi swasta seperti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Bank Islam Brunei Berhad (BIBD) tampil memberikan sumbangan. Perkara ini juga menarik minat seorang guru dari Palestin untuk sama-sama menghulurkan sumbangan.



KETUA Kampung Manggis I dan II
Pengiran Haji Idros bin Pengiran
Haji Mahmud.

Selain pihak media tempatan, penduduk kampung juga turut berperanan sama dalam menyebarkan mesej melalui aplikasi media sosial ketika itu.

Lama kelamaan dana yang dikumpul ini mencapai dua juta ringgit. Satu jawatankuasa juga telah ditubuhkan yang dipanggil sebagai Jawantankuasa Pemegang Amanah Masjid Baru Kampung Manggis dan Madang. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga penduduk kampung berkenaan.

Menurut ketua kampung lagi, walaupun ada cadangan untuk membina masjid terlebih dahulu dengan peruntukan yang ada, namun kebanyakan penduduk lebih selesa bakal masjid baru yang akan dibina itu terus dapat menampung lebih 2,000 orang jemaah.

Berkat cita-cita murni dan persepakatan para penduduk kampung dan sokongan orang ramai melalui sumbangan wang ringgit, akhirnya pada 12 Julai 2012, kerja-kerja pembinaan bangunan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit telah dimulakan di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012.



SEKOLAH Rendah Dato Marsal.

Biaya bagi pembinaan bangunan masjid ini adalah dari pihak kerajaan dan sebahagiannya adalah hasil sumbangan seperti yang dijelaskan sebelumnya. Kos keseluruhan pembinaan masjid ini ialah BND4,851,135.20 dan dibina oleh Selapon Sdn. Bhd.

Keseluruhan kapasiti masjid ini boleh menampung lebih kurang 2,400 orang jemaah yang menyediakan kemudahan-kemudahan seperti Dewan Sembahyang Utama bagi lelaki dan perempuan, Bilik Mesyuarat, Bilik Pegawai Hal Ehwal Masjid, Bilik Imam/Bilal, Dewan, Bilik Tetamu Khas/VIP, Bilik Serbaguna, Bilik Kuliah, Bilik Perpustakaan dan IT, Bilik PA System, Bilik Stor, Bilik Pengurusan Jenazah, Bilik Dapur, Bilik Air dan tempat berwuduk bagi jemaah lelaki dan perempuan yang berasingan.

Pada 18 Julai 2014, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat pertama di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis/Madang.



SEKOLAH Membaca Al-Quran Iqra melahirkan ramai pelapis qari dan qariah.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel.

Dengan adanya masjid baru ini diharap akan dapat memberikan kemudahan-kemudahan seperti mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan khususnya kepada para jemaah yang tinggal di kawasan Kampung Manggis 1 dan 2 serta Madang dan penduduk sekitarnya.



SUASANA sekitar Kampung Manggis.



SABTU, 13 JUN 2015

Asal usul Kampung Perpindahan Mata-Mata

Oleh: Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto: Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



MASJID Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong, Daerah Brunei dan Muara untuk kegunaan umat Islam mengerjakan ibadah.

SEBAGAI usaha berterusan di dalam membantu penduduk kampung dan juga ketua-ketua kampung di negara ini terutama sekali di dalam mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara keduanya, di samping mendengar apa jua masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung di negara ini Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) meneruskan Program Sua Muka atau ‘Personal Contact’ ke kediaman Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Abd. Rahman.

Dalam pertemuan tersebut, Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata turut meluahkan perasaan berbesar hati beliau di atas keprihatinan jabatan ini membuat dan meneruskan perkara berkebajikan dalam usaha memperkenalkan Kampung Perpindahan Mata-Mata dan sekali gus memberikan penerangan asal usul penduduk yang mendiami kampung tersebut serta aktiviti dan juga beberapa kemudahan yang terdapat di kampung berkenaan.

Asal usul penduduk Perpindahan Mata-Mata berasal dari berbilang kampung ialah Kampung Sumbiling Lama; Kampung Sumbiling Baru; Kampung Baru-Baru; Kampung Pulau Berbunut; Kampung Sungai Kedayan (kebakaran); Kampung Sultan Lama (kebakaran) dan Kampung Bunut (kebakaran).



ANTARA kemudahan yang terdapat di Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong.

Menurut Pengiran Haji Mohd. Salleh, penduduk-penduduk yang mula berpindah ke kampung berkenaan pada awal tahun 1983 adalah secara berperingkat-peringkat.

“Keramaian perumahan di Kampung Perpindahan Mata-Mata adalah sebanyak 210 buah dan ini tidak termasuk Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ Mata-Mata) yang mana saya ditugaskan untuk memata-matai dan membuat pengurusan kebijakan yang bersangkut paut dengan tugas yang diberikan kepada saya,” tambahnya.

Keramaian penduduk mengikut Banci Penduduk pada tahun 2011 adalah seramai 2,241 penduduk dan jumlah penerima pencehancuran di kampung berkenaan sebanyak 281 termasuk penerima Orang Kurang Upaya (OKU) dan pesakit jiwa serta mereka yang menerima kebijakan sejumlah 105 penerima.

Kemudahan yang terdapat di kampung berkenaan termasuklah Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar. Sekolah ini dibina pada bulan Mac 1990 dengan keluasan tanah 15.037 ekar. Dengan pembinaan sebanyak BND3.8 juta dan siap dibina pada bulan Ogos 1992. Pada 1 September 1992 sekolah ini mula beroperasi dengan nama Sekolah Rendah Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong.

PENAMAAN

Pada 23 Julai 1996 bersempena dengan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-50 Tahun, Sekolah Rendah Kampung Perpindahan Mata-Mata telah ditukar nama kepada Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, sempena nama salah seorang guru berbakti, iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Md. Daud.

Kemudahan lain termasuk masjid; Klinik Ibu-Ibu dan Kanak-Kanak (tetapi sekarang sudah berpindah klinik di Kampung Rimba); padang permainan (sekarang belum lagi dapat digunakan) dan jalan-jalan raya yang sudah dinaiktarafkan serta saluran najis yang juga turut dinaiktarafkan dan Kedai Syarikat Koperasi (ahli-ahlinya terdiri daripada anak-anak kampung sendiri).

Dalam pertemuan tersebut, Pengiran Haji Mohd. Salleh yang dilahirkan di Kampung Sumbiling pada 1 November 1948 dan menjadi Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata pada 11 Julai 2009 hingga kini turut memohon agar kampung berkenaan turut mengadakan aktiviti permainan untuk generasi sekarang seperti permainan tinting, simban, kuit, pasang, congkak dan tarian asli selain dapat aktif dalam membuat pertukangan tangan/kraf tangan sebagai aktiviti sampingan kampung tersebut.

Beliau juga turut mencadangkan supaya nama-nama jalan akan dapat diubah/dibubuh kepada nama-nama kampung asal seperti Jalan Sumbiling Lama, Sumbiling Baru atau Jalan Berbunut dan sebagainya agar generasi baru akan tahu asal usul penduduk yang menduduki kampung berkenaan.

Sebelum menjadi Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata sebelumnya terdapat tiga orang ketua kampung yang mentadbir perpindahan ini, iaitu dari Kampung Sumbiling Baru Ketua Kampungnya Allahyarham Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Ahmad, Kampung Berbunut/Baru-Baru Ketua Kampungnya Allahyarham Awang Haji Hamid bin Rais dan Kampung Sultan Lama Ketua Kampungnya Allahyarham Awang Omar bin Duah. Selepas itu, lantikan secara undi Ketua Kampung Haji Anuar bin Tahir, setelah beliau bersara jawatan ketua kampung dipangku sementara oleh Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Yakub dan Allahyarham Pengiran Haji Abd. Latif bin Pengiran Haji Tajuddin dan Ketua Kampung Tungku, Awang Haji Ismail bin Rejab sehingga tahun 2009.

Selain itu, penduduk kampung ini juga turut mengikuti beberapa aktiviti seperti aktiviti mengutip derma anak-anak yatim, lawatan-lawatan ke luar negeri seperti ke Malaysia, Indonesia, Singapura, China dan baru-baru ini ke Viet Nam.

Dalam kesempatan ini, Pengiran Haji Mohd. Salleh juga turut memohon beberapa kemudahan untuk kampung berkenaan seperti tempat beriadah, gerai jualan hasil usaha anak-anak kampung, pondok polis, perhentian bas untuk anak-anak sekolah serta penduduk kampung, dewan serbaguna, permohonan memperbaiki padang dan tempat pembuangan sampah khas dan lain-lain kemudahan yang bersesuaian.



SABTU, 20 JUN 2015

Menyusur ke Kampung Mulaut

Oleh: Musa Mohidin
Foto: Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Dengan keluasan keseluruhan 681.03 hektar, Kampung Mulaut adalah salah sebuah dari 12 kampung yang terkandung di dalam Mukim Sengkurong.

Menurut Ketua Kampung Mulaut, Awang Haji Mohammad Jait bin Hitam @ Zaeed, kampung tersebut mempunyai 4,105 penduduk pada masa ini.

Sebahagian besar jumlah penduduknya yang bekerja adalah berkhidmat di sektor awam manakala selebihnya adalah sama ada menjalankan perniagaan sendiri atau berkhidmat dengan sektor swasta.

Dari segi aspek perusahaan swasta, Kampung Mulaut adalah tuan rumah bagi beberapa perniagaan kecil dan runcit seperti pembuatan keropok dan penanaman tebu (gelagah).

Menurut salah seorang warga Kampung Mulaut, sekolah yang paling awal dibina di situ ialah Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti.

Ketika kawasan Kampung Mulaut baru dibangunkan dengan pembinaan jalan-jalan raya dan sekolah, apabila seseorang berdiri di atas bukit di situ dan melihat ke arah kawasan rata di bawahnya, orang berkenaan terlihat seolah-olah kawasan rata di bawah bukit diselimuti oleh laut.

Berasaskan pemandangan itulah yang menjadi ilham bagi menamakan kampung ini sebagai Kampung Mulaut.



Ketua Kampung Mulaut, Awang Haji Mohammad Jait bin Hitam @ Zaeed bersama para Ahli Majlis Perundingan Kampung Mulaut bergambar ramai bersama rombongan dari Jabatan Penerangan.

Salah seorang warga Kampung Mulaut bernama Haji Awang Mohammad Haji Timbang, berjaya mengharumkan nama kampung kerana beliau bukan saja penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (Southeast Asia Writers' Award) bagi Kategori Sastera pada tahun 1997, tetapi beliau juga adalah pemenang Anugerah RTB 2010 bagi Penulisan Skrip Drama Radio pada tahun 2010.



HAJI Awang Mohammad Haji Timbang, berjaya mengharumkan nama kampung kerana beliau bukan saja penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (Southeast Asia Writers' Award) bagi Kategori Sastera pada tahun 1997, tetapi beliau juga adalah pemenang Anugerah RTB 2010 bagi Penulisan Skrip Drama Radio pada tahun 2010.

Di samping itu, Haji Awang Mohammad juga dinamakan sebagai Sasterawan Mukim Sengkurong pada tahun 2011.

Terdapat dua wanita yang menjadi Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Mulaut, iaitu Hajah Asmah Haji Talip dan Laminah Haji Mohammad.



AHLI Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Mulaut, iaitu Hajah Asmah binti Haji Talip (tengah).



SABTU, 27 JUN 2015

Dato Ratna Haji Muhammad Jaafar Tokoh Kampung Kiarong sentiasa dikenang

Oleh: Norliah Md. Zain
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

KAMPUNG Kiarong terletak di Mukim Gadong ‘B’ yang mempunyai keluasan 383.43 hektar dengan keramaian penduduk 5,556 orang. Kampung ini ditadbir oleh seorang ketua kampung, iaitu Awang Haji Omarsidi bin Haji Ahmad.

Kampung ini turut menerima beberapa kemudahan asas yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti air, elektrik, telefon, jalan raya, sekolah dan sebagainya.

Antara institusi pendidikan yang terletak di dalam kampung ini ialah Sekolah Perdagangan, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Antara cerita menarik yang boleh dikongsikan mengenai kampung ini ialah mengenai seorang tokoh, iaitu Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar bin Jamaludin yang merupakan jasawan penduduk asli kampung tersebut. Malah nama sekolah rendah di kampung ini telah diambil sempena nama beliau, iaitu Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar Kiarong.



SUASANA Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong, Brunei III.

PROFIL TOKOH

Merujuk galeri Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar Kiarong, Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar bin Jamaludin dilahirkan pada tahun 1909 di Kampung Kiarong dan kembali ke rahmatullah pada 30 September 1976 ketika berusia 67 tahun. Beliau telah berkahwin dengan Pengiran Hajah Tengah binti Pengiran Butir dan dikurniakan seorang anak lelaki bernama Awang Nordin.

Beliau mengikuti pengajian Sekolah Melayu sehingga Darjah 5. Seawal usia 17 tahun, iaitu pada tahun 1926, beliau telah mula berkhidmat dengan kerajaan, iaitu sebagai anggota Polis Diraja. Dengan kewibawaan, pengalaman dan kepercayaan dari orang kampung, beliau telah dilantik menjadi Ketua Kampung Kiarong dan seterusnya diberi kepercayaan untuk menjawat jawatan Penghulu Mukim Gadong yang pertama. Tidak hanya setakat itu, beliau juga pernah menjadi ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat.

Beliau telah dianugerahkan gelaran ‘Dato Ratna’ (Menteri Darat) oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien pada 9 Mac 1951. Setentunya lebih bermakna lagi, bilamana beliau telah dianugerahkan Pingat Perjuangan pada tahun 1963 dan Pingat Omar ‘Ali Saifuddien pada tahun 1966. Kemudian pada tahun 1974, beliau telah dianugerahkan Pingat PSB, iaitu Darjah Setia Negara Yang Amat Berjasa Darjah Keempat.

JASA DAN SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT



KETUA Kampung Kiarong, Awang Haji Omarsidi bin Haji Ahmad.

Setentunya Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar bukanlah calang-calang orang dalam kalangan penduduk Kampung Kiarong sehingga beliau diangkat sebagai seorang tokoh di kampung ini.

Dalam bidang pendidikan, Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar merupakan seseorang yang berfikiran jauh ke hadapan tentang kepentingan pendidikan penduduk Kampung Kiarong. Ini terbukti bila mana beliau yang ketika itu menjawat jawatan ketua kampung merupakan antara pengasas terhadap penubuhan sekolah sementara Kampung Kiarong.

Sekolah Rendah Kiarong yang sebelumnya dikenali sebagai Sekolah Melayu Kiarong ditubuhkan pada tahun 1964. Asalnya, sekolah ini dibina di tapak lama berhadapan dengan Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar pada masa ini.

Sekolah yang dibina atas kerjasama Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar dengan penduduk kampung ketika itu, hanyalah beratapkan daun nipah, berdindingkan kulit kayu nipah (kajang) dan tidak berlantai. Perjuangan beliau tidak terhenti di situ malah beliau tanpa mengenal erti jemu terus sahaja berjuang untuk penubuhan sekolah kekal di Kampung Kiarong.

Sekitar tahun 1970-an, semasa pentadbiran Cikgu Jumaat bin Haji Tudin, sekolah ini telah diubah suai oleh Kementerian Pendidikan. Bangunannya diperbuat daripada kayu, berdindingkan papan, berlantaikan papan dan beratapkan zink serta bertiang kayu. Sekolah ini mempunyai sebuah bangunan yang merangkumi lima buah bilik darjah, iaitu dari Darjah Pra hingga Darjah 4 sahaja.

Memandangkan keramaian murid yang semakin bertambah, maka pada tahun 1984, bangunan kekal Sekolah Rendah Kiarong yang baru telah dibina di atas tanah berukuran 15 ekar yang terletak berhadapan dengan tapak sekolah yang lama.



KOMPLEKS Kiarong yang terdapat di Kampung Kiarong.

Selain berjasa dalam bidang pendidikan, beliau juga mempunyai jasa-jasa yang lain. Antaranya beliau merupakan penasihat kepada anak buah kampung untuk tidak melibatkan diri dalam aktiviti yang melanggar undang-undang negara seperti pemberontakan, terlibat secara langsung dalam membuka (merantis) bagi Kampung Kiarong dan beliau juga antara orang yang awal melibatkan diri dalam aktiviti penanaman getah di Gadong Estate.

Antara yang turut menjadi ingatan, semasa perang Jepun, beliau merupakan orang yang berani berjuang mempertahankan anak Kampung Kiarong untuk tidak dibawa ke Labuan oleh tentera Jepun untuk dijadikan buruh paksaan.

Atas sumbangaan dan jasa bakti yang ditabur oleh beliau sepanjang hayatnya, maka sesuailah beliau menjadi tokoh yang diingati di kampung ini dan seterusnya menjadi contoh ikutan bagi generasi yang akan datang. Semoga roh beliau dicucuri rahmat, Amin. Al-Fatihah.



MAKTAB Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.



SEKOLAH Perdagangan.

J
u
l
a
i

SABTU, 4 JULAI 2015

Kampung Pandai Besi yang permai

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

PROGRAM Sua Muka yang dijalankan pada 9 Mei 2015 cuba mengetengahkan Kampung Pandai Besi ‘A’ dan ‘B’ dengan mengupas serba sedikit sejarah, aktiviti, perkembangan, isu semasa dalam inisiatifnya bagi mengeratkan lagi hubungan di antara kedua belah pihak.

Kedatangan rombongan kami yang diketuai oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizi bin Haji Ramlli/Haji Ramli, disambut dengan penuh mesra oleh Ketua Kampung Pandai Besi ‘A’ dan ‘B’, Pengiran Haji Ayub bin Pengiran Sulaiman yang juga memangku Penghulu Mukim Burong Pingai Ayer dan Ketua Kampung Pekan Lama/Kampung Pengiran Setia Negara.

PENGENALAN

Kampung Pandai Besi ‘A’ dan ‘B’ merupakan antara salah sebuah kampung yang terdapat di bawah Mukim Burong Pingai Ayer. Jumlah rumah yang terdapat di kampung itu ialah sebanyak 56 buah dengan keramaian penduduk lebih kurang 460 orang.

ASAL USUL NAMA KAMPUNG

Semasa program berkenaan, Pengiran Haji Ayub juga ada menceritakan kepada kami asal nama kampung itu mengikut cerita orang-orang tua dahulu, terdapatnya aktiviti pertukangan besi yang dijalankan pada waktu itu dan mereka mahir dengan membuat peralatan seperti pemarang, keris serta alat lain. Berikutan aktiviti ketika itu, lalu nama ‘Pandai Besi’ pun diberikan kepada kampung itu dan malangnya pertukangan itu sudah tidak wujud lagi sekitar tahun 1970-an.

KEMUDAHAN



KETUA Kampung Pandai Besi 'A' dan 'B', Pengiran Haji Ayub bin Pengiran Sulaiman.

Rakyat dan penduduk di negara ini sememangnya bertuah kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam demi kesejahteraan bersama dan ini juga tidak terkecuali kepada penduduk kampung yang tinggal di atas air.

Bukan sahaja itu, kemudahan lain termasuk jambatan bagi kegunaan para penduduk kampung sebagai jalan penghubung sesama mereka dan sebagai penghubung antara kampung ke kampung yang berdekatan.

Keperluan penduduk kampung cukup seperti bekalan air, api elektrik, sekolah, surau dan juga tidak kurang pengangkutan sampah dari rumah ke rumah tanpa dikenakan sebarang bayaran pun.

TANGGUNGJAWAB SEPADU

Namun tidak disangkal, Kampung Pandai Besi 'A' dan 'B' juga ada mengalami permasalahan dan apa yang membimbangkan ialah *vandalisme* oleh sebahagian mereka yang tidak bertanggungjawab dan justeru itu, Majlis Kejiranan Kampung ditubuhkan dalam sama-sama berganding bahu bersama pemimpin akar umbi mereka untuk memantau kegiatan yang tidak bermoral di kampung itu demi keharmonian bersama.

Pengiran Haji Ayub juga berharap agar keamanan kampung selalu dititikberatkan dan menasihatkan anak buah kampungnya untuk sentiasa bersatu teguh, bersepakat sesama sendiri agar kampung sentiasa bersefahaman dan bersepadu terutama dalam menangani dan membasmi sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.



SEBAHAGIAN rumah yang terdapat di kampung tersebut termasuk pembinaan jambatan kayu merupakan alat penghubung bagi kemudahan orang kampung bagi menjalankan aktiviti harian.



AKTIVITI

Pengiran Haji Ayub juga menjelaskan sebahagian golongan belia juga sangat aktif dalam pelbagai bidang antaranya sukan seperti ping pong, bola jaring dan permainan dart di salah sebuah dewan yang sederhana besarnya dan mereka kerap menyertai pertandingan-pertandingan anjuran kampung lain.

Selain acara majlis tahlil sekampung, kampung itu juga ada menyertai lain-lain peraduan seperti perbarisan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



SABTU, 11 JULAI 2015

Menyusur Kampung Bukit Beruang

Rencana dan Foto: Noraisah Muhammed

KAMPUNG Bukit Beruang pada asalnya dinamakan Tepangan Beruang, yang membawa makna ‘Sepohon pokok tempat sarang beruang’. Beruang dipercayai bersarang di atas pokok dan pokok itulah yang dipanggil tepangan.

Ketika itu, kampung tersebut terlalu banyak beruang. Setiap kali masuk ke dalam hutan pasti berjumpa binatang tersebut terutama oleh beberapa orang penduduk dari Kampung Penyatang dan Kampung Danau yang menggunakan perahu melalui Sungai Penyatang dan Sungai Uropyang. Sungai-sungai ini digunakan sebagai laluan untuk mereka berulang alik melakukan aktiviti bercucuk tanam dan bertamu (berjual beli).

Apa yang menarik lagi dalam sejarah Kampung Bukit Beruang ialah pertemuan di antara penduduk di sebelah darat, iaitu Kampung Bukit Udal dan sekitarnya serta dari kampung sebelah laut seperti Kampung Penyatang, Kampung Danau dan Kampung Telisai.

Dengan menggunakan perjalanan sungai sambil berdagang dan bertamu di satu tempat yang dinamakan Tamuan Lawai, penduduk di sebelah laut membawa barangan seperti ikan kering, belacan dan sebagainya sementara penduduk di sebelah darat membawa hasil cucuk tanam mereka seperti padi, beras, ubi kayu, tebu dan sebagainya. Sejarah tersebut mula tercatat sekitar tahun 1940-an dan 1950-an.



PUSAT Tingkatan Enam, Tutong.



BANGUNAN Jabatan Kemajuan Perumahan, Cawangan Tutong.

PROFIL KAMPUNG

Keramaian penduduk Kampung Bukit Beruang berjumlah 358 orang sementara jumlah penduduk Kampung Bukit Beruang dan Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang seramai 3,221 orang. Manakala jumlah penduduk bukan beragama Islam seramai 159 orang yang membawa jumlah keseluruhan penduduk seramai 3,738 orang.

Kampung Bukit Beruang mempunyai dua buah sekolah menengah, iaitu Sekolah Menengah Sayyidina Othman dan Pusat Tingkatan Enam Tutong, yang menampung pembelajaran anak-anak penduduk di kampung berkenaan ke peringkat tinggi.

Sebuah masjid telah dibina bagi kemudahan penduduk untuk menunaikan solat berjemaah di samping terdapat sebuah dewan yang dibina bagi kemudahan hal ehwal kemasyarakatan semukim.



PERUMAHAN negara kategori teres yang baru siap dibina di Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang.

Kampung itu juga terdapat sebuah Balai Bomba sebagai persediaan terhadap sebarang kebakaran berlaku. Sebuah bangunan Jabatan Perumahan turut dibina sebagai pusat sebarang urusan orang ramai setempat untuk berurusan hal-hal perumahan.

Bagi mengisi waktu bersama keluarga, di kawasan Perumahan Bukit Beruang juga telah dibina sebuah Taman Riadah dan Permainan untuk penduduk yang dilengkapi dengan beberapa kemudahan riadah seperti tempat permainan kanak-kanak, gelanggang futsal dan gelanggang bola jaring.

Dengan tersedianya taman rekreasi tersebut ia boleh menyumbang dan memperkasa amalan cara hidup sihat dan dapat menjana semangat kemasyarakatan yang harmoni khususnya penduduk yang tinggal di kawasan RPN Bukit Beruang.

Prinsip masyarakat yang dipupuk oleh Ketua Kampung, Ahmad bin Aman melalui semangat kerjasama di antara semua pihak khususnya pada kalangan penduduk di kawasan berkenaan dalam sama-sama memelihara kesefahaman bersatu hati dan bertanggungjawab.



SABTU, 18 JULAI 2015

Mendekati Mukim Gadong B

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Mohd. Mahdi Haji Marsidi

RUANGAN Kenali Negara Kitani kali ini memfokuskan Mukim Gadong B di bawah pentadbiran Penghulu Mukim Gadong B, Mejar (B) Awang Haji Bakar bin Sapar.

SEJARAH NAMA

Menurut seorang penduduk warga emas, dikatakan Gadong berasal dari ayat “Tujuh Gedong di Laut dan Tujuh Gedong di Darat”. Katanya lagi, pada waktu dahulu ada beberapa orang yang sedang menggali untuk bercucuk tanam dan mendapati satu tajau yang besar bibir mulut yang bersaiz satu tapak setengah kaki orang (kurang lebih 12 inci) berisi dengan emas dan lain-lain, di kawasan Bukit Kampung Rimba. Mereka tidak meneruskan penggalian tersebut dan terkejut dengan keberadaan tajau bermulut besar itu. Maka bertemu lah cerita tersebut dengan kisah Tujuh Gedong di Laut dan Tujuh Gedong di Darat, dan itulah sebabnya ia dipanggil Gadong.



SALAH satu kawasan perniagaan yang terdapat di Mukim Gadong B.

PROFIL

Mukim Gadong B adalah sebuah mukim daripada 17 mukim di dalam Daerah Brunei dan Muara yang terletak di tengah dan bersempadan di antara Mukim Gadong A, Mukim Berakas A, Mukim Kianggeh, Mukim Kilanas dan Mukim Sengkurong.

Keluasan mukim ini ialah 2459.62 hektar dengan dihuni oleh 31,084 orang penduduk. Sebanyak 4,989 buah rumah yang terdapat di mukim ini.



PENGHULU Mukim Gadong B Mejar (B) Awang Haji Bakar bin Sapar.

Pentadbiran dan pengurusan Mukim Gadong dipecahkan kepada dua bahagian oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara, iaitu A dan B bermula pada 21 November 2005. Mukim-mukim ini terletak di Daerah Brunei dan Muara dan masing-masing mempunyai penghulu dan beberapa ketua kampung.

Bagi Mukim Gadong B, kampung-kampung yang termasuk di dalam mukim ini ialah Kampung Menglait dan kawasan sekitarnya, Kampung Kiulap, Kampung Kiarong, Kampung Beribi, Kampung Mata-Mata, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-Mata, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Mata-Mata Katok B.



SUASANA waktu tengah hari di luar pekarangan Sekolah Menengah Menglait yang terletak di Mukim Gadong B.

Mukim ini tidak terlepas menikmati keperluan asas seperti bekalan elektrik, air, jalan raya termasuk *flyover*, lebuh raya, lampu isyarat, jejantas, jambatan, terowong dan telefon.

Selain itu, bangunan-bangunan kerajaan yang terdapat di mukim ini ialah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Klinik Kiarong, Klinik Perpindahan Mata-Mata, Pusat-pusat Pengajian Tinggi, Sekolah-sekolah Kerajaan dan Swasta, Ibu Pejabat Polis Gadong, Janakuasa Elektrik, Balai Bomba Beribi dan Pejabat-pejabat Pos.

Kawasan ini sememangnya agak pesat membangun dan menjadi tumpuan perniagaan. Bangunan pasar raya dan kedai-kedai sememangnya tumbuh bagi cendawan. Oleh itu, kawasan ini agak sibuk kerana sering menjadi tumpuan orang ramai.

SABTU, 25 JULAI 2015

Menyelusuri Kampung Burong Pingai Ayer

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto: Mohd. Mahdi Haji Marsidi



KETUA Kampung Burong Pingai Ayer, Awang Abdul Rahman bin Haji Omar.

TERLETAK di hulu Sungai Brunei, di sitolah Kampung Burong Pingai Ayer yang kini mempunyai 82 buah rumah dengan keramaian penduduk 587 orang yang terdiri daripada 288 lelaki dan 299 perempuan termasuk 52 warga emas. Kampung tersebut merupakan salah sebuah kampung di bawah Mukim Burong Pingai Ayer.

Ketua Kampung berkenaan, Awang Abdul Rahman bin Haji Omar menyatakan perkara tersebut semasa Program Sua Muka yang disertai rombongan warga Jabatan Penerangan pada 5 Mei lalu.

ASAL USUL DI SEBALIK NAMA KAMPUNG

Semasa pendekatan bersama Awang Abdul Rahman, beliau sempat menceritakan asal nama kampung tersebut diambil daripada satu kisah cerita nenek moyang pada zaman dahulukala kononnya ada satu rombongan Kesultanan Melayu dari negara seberang singgah berlabuh di sungai kawasan kampung itu dan ketika itu juga para penduduk kampung berasa keanehan apabila seekor burung pandai berkata-kata dengan perkataan ‘pingai’.

Oleh sebab kejadian itu, maka kawasan itu diberikan nama ‘Kampung Burong Pingai’ pada ketika itu.

Sementara tambahan nama ‘Ayer’ dibubuh sekitar tahun 1960-an bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat kerana terdapatnya dua nama kampung yang sama cuma beza nama di penghujungnya.

KEMUDAHAN

Dalam keprihatinan pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk di negara ini, kampung itu juga diberikan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, api elektrik, jambatan, jeti, masjid, sekolah dan sebagainya. Dalam menitikberatkan semangat muafakat sesama sendiri, Dewan Serbaguna Mukim Burong Pingai dibina pada tahun 2014 bertujuan untuk mengadakan majlis kenduri, keraian yang boleh menampung sehingga 800 orang.



KEMUDAHAN seperti Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti dibina bagi kegunaan beribadat dan aktiviti keagamaan.

AKTIVITI KAMPUNG

Walaupun jumlah penduduk yang sedikit, kampung berkenaan juga mewujudkan Ahli Kejiran Kampung dan Sukarelawan Bomba dan Penyelamat.

Keaktifan penduduk kampung juga dapat dinilai daripada pencapaian melalui pertandingan-pertandingan termasuk Pertandingan Bercucul bagi Kategori Rumah-Rumah Kediaman Kampung Ayer, Darat dan Mukim/Kampung sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pertandingan Perarakan Maulud Nabi bagi Kategori Kampung-Kampung, di samping penyertaan peraduan acara keagamaan yang lain.



RUMAH kayu masih lagi dikekalkan cuma tiang rumah diperbuat daripada konkrit (simen), sementara jambatan adalah jalan penghubung bagi kegunaan harian penduduk kampung.

KELAHIRAN ASAL ORANG BERGELAR

Menurut cerita orang-orang dulu, kampung berkenaan tempatnya dilahirkan seorang yang alim sehingga diberikan gelaran Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti dan sehubungan itu, masjid yang terdapat di kampung itu mengambil suku daripada nama bagi mengenang kewibawaan beliau itu.

Selain itu, kampung itu juga menjadi asal usul beberapa orang yang diberi gelaran antaranya Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

TRAGEDI

Kampung Burong Pingai Ayer juga tidak dapat disangkal daripada tragedi yang tidak diingini kerana kampung berkenaan pernah mengalami kejadian kebakaran pada awal tahun 2000 yang meranapkan sembilan buah rumah dan manakala pada awal tahun 2001 Sekolah Rendah Dato Ahmad pula dilanda insiden berkenaan diikuti tiga buah rumah pada tahun 2006.

SABTU, 1 OGOS 2015

O
g
o
S

Bedudun ke Kampung Kiulap, RPN Lambak Kanan

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Norliah Md. Zain

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



KAMPUNG Kiulap merupakan sebuah kampung yang terletak di Daerah Brunei dan Muara yang rancak dengan pembangunan infrastruktur terutama bangunan-bangunan komersial seperti kedai-kedai, gedung-gedung perniagaan dan bank-bank. Oleh itu, kawasan ini sememangnya agak sibuk lebih-lebih lagi pada musim penerimaan gaji. Kampung ini ditadbir oleh seorang ketua kampung iaitu Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar.

Sepertimana kampung yang lain, kampung ini tidak terlepas menerima beberapa kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan telefon. Setentunya kemudahan yang paling menonjol di kampung ini ialah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Selain itu, terdapat juga sebuah sekolah rendah yang juga digunakan untuk sekolah agama pada sesi petang, Pusat KACA, Sekolah IGS dan Sekolah Nusa Laila Puteri.



KETUA Kampung Kiulap, Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar.

Tempat ini juga menjadi tumpuan para pelancong memandangkan terdapatnya beberapa buah gedung perniagaan dan juga hotel di kawasan ini.


Menurut Ketua Kampung Kiulap, Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar, Kiulap berasal daripada perkataan Sulap. Kampung ini mula wujud sekitar tahun 1930-an.

Keluasan Kampung Kiulap ialah 176.53 hektar dengan keramaian penduduk 1,788. Sebanyak 315 buah rumah yang terdapat di kampung ini.

ROMBONGAN Program Sua Muka atau *Personal Contact* kali ini meneruskan misinya ke kediaman Ketua Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, Mukim Berakas ‘B’, Awang Haji Jumat bin Nasir dengan hasrat meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat, rakyat-kerajaan.

Program berkenaan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dalam usaha untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat hal ehwal kemasyarakatan.

Di samping tujuannya untuk membina minda kesedaran sivik masyarakat yang menjurus ke arah cintakan agama, bangsa, Raja dan negara selaras dengan aspirasi kerajaan dan rakyat, ia juga dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat antara kerajaan dan rakyat.



KETUA Kampung Kawasan 4, RPN Lambak Kanan, Mukim Berakas ‘B’, Awang Haji Jumat bin Nasir.



KETUA Kampung Kawasan 4, RPN Lambak Kanan, Mukim Berakas ‘B’, Awang Haji Jumat semasa menghadiri salah satu aktiviti MPK kampung berkennaan.



SALAH satu aktiviti yang dianjurkan ialah Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi mengeratkan silaturahim.

Dalam perjumpaan itu, Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Lambak Kanan, Awang Haji Jumat antara lain menyentuh mengenai profil kampung berkenaan termasuk jumlah penduduk seramai lebih 6 ribu orang yang kebanyakannya berasal dari Kampong Ayer. Kawasan perpindahan ini mula didiami pada tahun 1990-an. Hadir sama ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 4 RPN Lambak Kanan yang turut mengongsi pandangan dan idea bagi mengembangkan kawasan berkenaan.

Bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan, ketua kampung berkenaan menyentuh mengenai Majlis Sambutan Ramah Mesra Aidilfitri setiap tahun dengan dimeriahkan beberapa persembahan nyanyian lagu Hari Raya, peraduan pakaian fesyen lelaki dan perempuan.

Ketua kampung juga menghargai Jawatankuasa MPK Kawasan 4 RPN Lambak Kanan yang telah menunjukkan keharmonian hidup dalam sebuah kampung dan bermasyarakat serta memupuk hubungan kejiraninan dengan saling hormat-menghormati antara satu dengan yang lain.

Pada akhir perjumpaan, beliau juga mengingatkan kepada warga kampung untuk sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen kepada ketua kampung dalam menghubungkan kesalingfahaman, kejiraninan, permuafakatan, gotong-royong dan seterusnya menyumbang buah fikiran dan tenaga bagi sama-sama berganding bahu memelihara kesejahteraan kampung dengan mewujudkan perpaduan hidup bermasyarakat.



SABTU, 8 OGOS 2015

Apa rahsia di sebalik nama ‘Jaudong’

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

KAMPUNG Jerudong memiliki kawasan sebesar 32.9740 kilometer persegi tersenarai di bawah Mukim Sengkurong, mempunyai lebih 11,000 penduduk termasuk 400 lebih warga emas dan 50 lebih anak yatim.

Sebanyak 23 buah kampung kecil yang termasuk di dalam Kampung Jerudong, iaitu Kampung Angor, Kampung Sungai Limau, Kampung Pancuran, Kampung Sungai Penipahan, Kampung Pulau Kubu, Kampung Pulau Mamut, Kampung Peninjau, Kampung Bukit Bunga, Kampung Bukit Kaboh, Kampung Bukit Seniwasa, Kampung Telaga Tabam, Kampung Temiang Lada, Kampung Kepayas Akar, Kampung Luahan, Kampung Mejawa, Kampung Durian Selangan, Kampung Tandueh Besar, Kampung Tandueh Kecil, Kampung Merasak, Kampung Menunggul, Kampung Siacang, Kampung Lampaki dan Kampung Siandang.



KETUA Kampung Jerudong, Awang Haji Mohd. Rais bin Haji Ishak.

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai kampung ini, penulis telah berpeluang bertemu dengan Ketua Kampung Jerudong, Awang Haji Mohd. Rais bin Haji Ishak di kediamannya di Kampung Bukit Bunga.

Apabila ditanyakan mengenai asal usul nama Jerudong, Awang Haji Mohd. Rais mengukirkan senyuman dan terus bercerita dengan ringkas cerita orang tua-tua dulu yang mana pada mulanya Kampung Jerudong tidak mempunyai sebuah nama khusus sehinggalah nama Kampung Jerudong terjadi hasil daripada perjumpaan seorang lelaki dan seorang perempuan yang datang dari berlainan kawasan dan seterusnya memberi nama kampung berkenaan.

Menurutnya, si perempuan membawa seekor kerbau peliharaannya di kawasan yang berumput dan memberi makan kerbaunya itu. Kemudian datang seorang lelaki yang tidak dikenali asal usulnya dan bertanya apakah nama kampung yang disinggahinya itu.

“Lalu si perempuan menjelaskan kepada lelaki tersebut kampung berkenaan belum mempunyai nama dan lelaki itu terus bercadang untuk memberikan nama. Mereka berdua bersetuju untuk memberikan nama ke atas kampung itu yang mana lelaki tersebut menyarankan agar si perempuan menyambung perkataan yang akan diucapkannya iaitu ‘JA’ dan si perempuan menyambungkannya dengan perkataan ‘DONG’,” jelasnya.

Maka, ujar Ketua Kampung Jerudong, nama kampung tersebut terbit dari cantuman perkataan ‘JADONG’ dan lelaki berkenaan juga berpesan kepada si perempuan agar menjaga nama kampung yang telah mereka ciptakan itu. Perkataan tersebut sentiasa di bibir-bibir perempuan itu sehingga kerbau miliknya itu pun diberi nama JAUDONG.

MASJID Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.



DESTINASI PELANCONGAN

The Empire Hotel & Country Club yang terletak di Kampung Jerudong adalah merupakan sebuah hotel bertaraf lima bintang yang diliputi oleh kawasan yang luas dan hijau, dikelilingi oleh persekitaran alam semula jadi yang indah mirip sebuah taman yang besar serta sebuah pantai peribadi berhadapan lautan biru.

Hotel ini juga adalah merupakan salah satu kebanggaan penduduk Kampung Jerudong selain daripada adanya beberapa buah hotel yang lain seperti Parkview Hotel, Star Lodge Hotel, Park Garden Hotel dan Jeruton Hotel.

Memandangkan banyak kemunculan hotel-hotel di kampung ini maka Kampung Jerudong juga merupakan salah satu destinasi pelancongan yang sering dikunjungi pelancong kerana mempunyai pelbagai kemudahan seperti stesen minyak, hospital, sekolah, masjid, taman rekreasi, rumah tumpangan, taman permainan, padang golf, balai bomba, restoran, kedai runcit, pasar ikan dan sayur dan tanah perkuburan.



JERUDONG Park Playground adalah sebuah taman permainan yang dilengkapi dengan permainan menghiburkan.

Majoriti penduduk Kampung Jerudong beragama Islam dan masjid yang dibina di kampung ini diberi nama Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam berfungsi sebagai tempat menunaikan solat, beramal ibadat dan upacara pernikahan.

Di kampung ini juga adalah merupakan di mana terletaknya Istana Nurul Izzah, iaitu istana kedua terbesar selepas Istana Nurul Iman milik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai taman permainan yang terdapat di kawasan ini, Jerudong Park Playground adalah sebuah taman permainan yang dilengkapi dengan permainan-permainan seperti Double Decker Carousel, Junior Coaster, Ferris Wheel, Lazer Maze, di samping kawasan permainan kanak-kanak yang sememangnya memberikan keseronokan dan keselesaan.



THE Empire Hotel & Country Club bertaraf lima bintang yang terletak di Kampung Jerudong.

Taman permainan itu juga mempunyai kemudahan lain seperti kiosk makanan, kedai barang dan kemudahan lain bagi memenuhi keperluan pengunjungnya.

Selain itu, Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC) Sendirian Berhad, iaitu sebuah hospital pakar swasta juga terletak di kampung berkenaan yang dilengkapi dengan klinik, kedai farmasi dan pusat kesihatan.

Satu lagi taman rekreasi yang agak terkenal yang sering dikunjungi orang ramai ialah Taman Rekreasi Bukit Shahbandar. Di taman ini terdapat trek bagi mereka yang suka mendaki bukit dan melakukan aktiviti sukan seperti berlari serta beriadah.

Sesebuah kampung biasanya mempunyai Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang memainkan peranannya dengan baik sebagai badan penggerak kemasyarakatan yang dilihat sebagai mampu untuk menjadi pemangkin kepada kepimpinan peringkat akar umbi.



TAMAN Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar sering dikunjungi orang ramai.

Tidak kurangnya dengan MPK Jerudong dengan moto mereka ‘Ke Arah Pemedulian Penduduk dan Kemajuan Kampung’, yang sudah sebanyak empat kali menerima Anugerah Kampung Cemerlang, sentiasa bergerak maju dan berusaha mengembangkan lagi aktiviti-aktiviti keagamaan, kemasyarakatan, sukan dan sosial.

MPK Jerudong juga menghasilkan beberapa produk di bawah Projek Perekonomian 1 Kampung 1 Produk (1K1P) yang memfokuskan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana serta penduduk kampung yang berminat. Antara produk-produk yang diperkenalkan ialah kraf tangan, kuih-muih dan pertanian.

Visi MPK Jerudong adalah ‘Menuju Ke Arah Kampung Yang Cemerlang dan Gemilang’ manakala misinya adalah ‘Menyediakan Kemudahan-Kemudahan Yang Sempurna Bagi Melahirkan Segolongan Penghuni Kampung Yang Prihatin, Jelekat dan Berpandangan Jauh ke Hadapan’.



SABTU, 17 OGOS 2015

Kampung Kulapis sesuai untuk bertani

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Koleksi MPK Kulapis

KAMPUNG KULAPIS atau dahulunya dikenali dengan nama Kampung Damuan terletak di bawah Mukim Sengkurong, Daerah Brunei dan Muara kira-kira 21 kilometer melalui Jalan Tutong ke Bandar Seri Begawan bersempadan dengan lima buah kampung, iaitu Kampung Katimahar, Kampung Tanjong Nangka, Kampung Mulaut, Kampung Bebatik dan Kampung Batong.

Kampung ini berbukit bukau, berhutan, bertanah pamah dan berpaya sesuai untuk bertani. Di kampung ini juga terdapat sebatang sungai, iaitu Sungai Damuan yang mengalir dari hulu sungai Kulapis ke sungai Kampong Ayer di Bandar Brunei.

Sungai Damuan adalah sebuah mekanisme perhubungan yang amat popular digunakan oleh para peniaga Brunei pada abad Ke-10 hingga ke pertengahan abad Ke-19.

Kira-kira pada pertengahan abad Ke-19, nama ‘Damuan’ telah ditukar kepada ‘Kulapis’ dan kekal hingga ke hari ini. Kulapis adalah mengambil sempena nama ‘anak ikan bekalang’ yang digelar orang kedayan Kampung Damuan pada ketika itu.

Pada zaman itu, satu peristiwa telah berlaku di hulu sungai Kampung Damuan di mana sekumpulan besar ikan kulapis telah pun dibawa oleh arus air pasang masin ke hulu Sungai Damuan sehingga menghalang para peniaga Kampung Damuan yang hendak menuju ke ‘Pangkalan Damuan’.

Sekumpulan besar ikan kulapis ini telah ditemui pada waktu Dhuha oleh beberapa orang peniaga Damuan yang hendak pergi ke pangkalan-pangkalan perniagaan. Ikan-ikan kulapis itu hampir menutup permukaan sungai hingga sukar untuk dilalui oleh perahu para peniaga dan mereka terpaksa membatalkan hajat mereka untuk pergi ke dua buah pangkalan Kampung Damuan selama tiga hari.



PONDOK sementara dibina oleh penduduk kampung yang dijadikan tempat untuk mereka berjual buah-buahan hasil tanaman mereka.

Keluasan Kampung Kulapis ialah 486.71 hektar dan hampir separuh dari keluasan itu masih kekal dengan kekayaan alam semula jadi.

Kemudahan dan perkhidmatan asas seperti kemudahan pengangkutan teksi dan bas awam dari Kampung Kulapis ke Bandar Seri Begawan berjalan mengikut jadual setiap hari. Jalan raya berturap memudahkan warga kampung berhubung ke tempat-tempat penting atau ke tempat-tempat kerja masing-masing.

Anak-anak penduduk kampung ini bersekolah di Sekolah Rendah Awang Haji Mohammad Yussof Katimahar dan pelajar menengah menuntut di Sekolah Menengah Masin dan Sekolah Menengah Saiyiddina Hussin di Jerudong.

Manakala pelajar-pelajar yang cemerlang dan meneruskan pelajaran mereka ke peringkat seterusnya menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan di universiti-universiti luar dan dalam negeri.



KETUA Kampung Kulapis, Awang Haji Timor bin Haji Limbang.

Klinik Sengkurong adalah pusat kesihatan bagi penduduk Kampung Kulapis selain daripada penduduk-penduduk kampung lain. Bekalan elektrik, air, dan telefon adalah kemudahan asas paling penting bagi meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup penduduk di sini.

Warga kampung yang bekerja dengan sektor awam juga menikmati kemudahan pinjaman wang dengan kerajaan untuk digunakan membuat rumah dan membeli kereta. Bank-bank swasta juga memberi khidmat pinjaman wang bagi membantu kemudahan warga kampung untuk keperluan peribadi.

Pada zaman yang serba moden ini, masyarakat kampung terutamanya generasi baru juga tidak ketinggalan menikmati kemajuan dan perkembangan

‘Teknologi dan Informasi’. Ramai warga Kampung Kulapis mempunyai komputer peribadi bagi memudahkan mereka menjalankan tugas-tugas penting dan menggunakan komputer sebagai alat mencari bahan dan menambah ilmu.

Jumlah penduduknya pada ketika ini ialah kira-kira 1,706 orang termasuk 99 orang warga emas dan 28 orang anak yatim. Etnik Kampung Kulapis adalah etnik Kedayan dan pekerjaan mereka kebanyakannya adalah bertani dan menternak.

Apabila tiba musim buah, ramai warga Kampung Kulapis mendirikan pondok-pondok kekal atau sementara untuk dijadikan tempat menjual buah-buahan hasil tanaman mereka. Buah-buahan dipetik atau dipungut dari pulau buah (dusun-dusun buah) milik persendirian yang berhampiran dengan rumah mereka dan juga hasil dari tanaman mereka di Bukit Panjang.

Ketua Kampung Kulapis pada masa ini ialah Awang Haji Timor bin Haji Limbang. Prinsip beliau lebih menumpukan perhatian kepada kesejahteraan warga kampung terutamanya anak-anak yatim, warga miskin dan orang berkeperluan khas. Warga yang kurang bernasib baik ini diberi bantuan mengikut kutipan dana yang ada.

Beliau merupakan Ketua Kampung yang pertama menganjurkan majlis derma anak yatim di Kampung Kulapis. Beliau juga mengutamakan kesihatan warga kampung dengan menganjurkan aktiviti senamrobik, *walkathon*, dan basikalton.



ACARA Basikalton yang pernah dianjurkan oleh MPK Kulapis.

Awang Haji Timor sering mengepalai kerja-kerja kebajikan dan majlis-majlis kebajikan kampung seperti kerja-kerja pembersihan perkuburan Islam, majlis tahlil, doa selamat, majlis pernikahan dan bersanding. Pendek kata, beliau terlibat langsung dan menghadiri dalam hal ehwal majlis suka duka masyarakat kampung.

Celik komputer membantu beliau lebih efisien dan kompeten dalam menangani kerja-kerja dan urusan-urusan untuk kepentingan masyarakat kampung dan Kampung Kulapis khasnya.

Menurut beliau lagi, perancangan di masa akan datang ialah membuka ladang buluh yang akan diungkayahkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kulapis.

MPK Kulapis begitu terkenal dengan penghasilan ubat-ubatan tradisional.

Di bawah MPK Kulapis juga melahirkan Biro Wanita yang diiktiraf sebagai muslimah masjid dan penubuhan Kawalan Kejiranran Kampung juga tersenarai di bawah MPK ini.

Selain itu, pembinaan masjid, iaitu berupa wakaf dan sekolah juga akan dibina dalam masa terdekat ini bagi memudahkan lagi para penduduk yang tinggal di kawasan ini.



SABTU, 22 OGOS 2015

Sungai Akar juara kampung teladan

Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Jabatan Penerangan

ASAL NAMA KAMPUNG SUNGAI AKAR

KAMPUNG Sungai Akar terletak di bawah Mukim Berakas ‘B’ dan mengikut cerita orang tua-tua kampung ini dahulunya terdapat banyak ular, terutama di sungai-sungai sama ada ular kecil mahupun yang besar seperti ular penelan. Orang tua-tua mengertikan ular itu sebagai ‘akar’, maka timbulah gelaran Kampung Sungai Akar kerana jika diberi nama Kampung Sungai Ular sudah tentu ia tidak elok didengar.

PROFIL KAMPUNG

Ketua Kampung Sungai Akar ialah Awang Haji Ramlee bin Haji Mohd Zain yang telah berkhidmat sebagai ketua kampung selama 7 tahun, iaitu bermula 17 Mei 2008 hingga sekarang.

Mengikut banci penduduk yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi pada tahun 2011, jumlah penduduk di Kampung Sungai Akar ini ialah seramai 6,336 orang, iaitu 3,788 lelaki dan 2,458 perempuan.

Beberapa pejabat-pejabat kerajaan yang terdapat di kampung ini seperti Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Pengangkutan Darat dan Unit Simpanan Gurkha. Selain itu juga terdapat sekolah menengah dan sekolah rendah, iaitu Sekolah Freda Radin, Stella School, Sekolah PGGMB dan Sekolah Menengah Arab.



MASJID Rashidah Sa'adatul Bolkiah.



BANGUNAN RTB tersergam indah terletak di kampung ini.

Pada 19 Julai 2013, Kampung Sungai Akar telah mempunyai masjidnya tersendiri. Masjid yang dinamakan Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda juga telah berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di masjid tersebut.

Pembinaan Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah telah bermula pada bulan Mac 2011 dan siap sepenuhnya tahun ini di bawah Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012 dengan kos hampir BND3.2 juta. Kapasiti masjid boleh menampung lebih kurang 1,000 jemaah, antara kemudahan yang disediakan ialah dewan sembahyang lelaki dan wanita, Bilik Pegawai Hal Ehwal Masjid, bilik serbaguna, bilik tetamu khas, bilik perpustakaan dan IT, bilik kuliah, bilik PA Sistem, stor, bilik pengurusan jenazah, dapur, bilik air tempat berwuduk yang berasingan bagi jemaah lelaki dan wanita. Di kawasan masjid disediakan ruang letak kereta yang boleh memuatkan hampir 100 buah kereta dengan mempunyai dua pintu masuk keluar bagi memudahkan pergerakan keluar masuk kenderaan.

AKTIVITI-AKTIVITI MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG



BERAT sama dipikul ringan sama dijinjing. Begitulah konsep bekerjasama yang menjadi amalan kampung tersebut.

Kampung Sungai Akar juga merupakan sebuah kampung yang kerap melaksanakan aktiviti-aktiviti dan program-program yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) tersebut. Antaranya ialah mengadakan majlis-majlis tahlil dan doa arwah sekampung dan penyampaian derma kepada anak-anak yatim, warga-warga emas yang berumur 75 tahun ke atas dan orang-orang yang kurang berupaya.

Selain itu juga turut diadakan kursus fardu kifayah dan kelas-kelas dikir bagi penduduk kampung tersebut, di samping kempen-kempen membersihkan tanah perkuburan Islam dan majlis-majlis bertadarus semasa bulan Ramadan juga turut diadakan.

PENCAPAIAN KAMPUNG

Pada 19 Februari 2010, Kampung Sungai Akar telah diumumkan sebagai juara dan menjadi sebuah kampung teladan dalam Peraduan Kebersihan dan Keindahan bagi kampung-kampung di bawah Mukim Berakas ‘B’.

Selain itu, kampung ini juga telah berjaya mengutip derma sebanyak BND1,459 bagi kutipan derma gempa bumi Indonesia dan ribut Filipina yang mana kutipan telah diadakan selama sebulan iaitu bermula 19 November 2009 sehingga 19 Disember 2009.

Muslimah Masjid kampung ini juga telah berjaya menjadi johan dalam Peraduan Murattal Al-Quran berpasukan bagi Muslimah Masjid-Masjid Daerah Brunei dan Muara pada 9 Februari 2015.



SABTU, 29 OGOS 2015

Kenali Kampung Lambak ‘B’

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto: Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Hernie Suliana Haji Othman

SEPERTI juga kampung-kampung yang lain di negara ini Kampung Lambak ‘B’ tidak terlepas dari menghadapi pelbagai perubahan dan kemajuan dengan menikmati pelbagai keperluan asas yang diberikan oleh pihak kerajaan sesuai dengan keperluan semasa.

Meninjau perkembangan kampung tersebut ruangan Kenali Negara Kitani pada kali ini akan menyorot serba sedikit mengenai kampung berkenaan.

Kampung yang ditadbir oleh Mejar (B) Haji Mohammad Jair bin Haji Abdul Wahab, selaku Ketua Kampung sejak Februari 1997 kini mempunyai keramaian penduduk yang semakin bertambah dari setahun ke setahun sehingga melebihi 4,000 orang dengan majoritinya berbangsa Melayu dan diikuti oleh berbilang bangsa.

Termasuk sebagai salah sebuah kampung di Mukim Berakas ‘A’, Kampung Lambak ‘B’ yang berkeluasan kira-kira 10 kilometer persegi mempunyai 120 simpang jalan terus mengalami pertumbuhan pesat dalam sektor perumahan yang semakin meningkat dengan mencatatkan sejumlah 715 buah rumah iaitu dalam jarak kira-kira 12km dari ibu negara.

MASJID Lambak Berakas.



Antara kemudahan asas yang ada di kampung tersebut termasuklah sebuah sekolah milik kerajaan dan sebuah sekolah swasta, kompleks-kompleks perniagaan, stesen minyak, bengkel kenderaan, kompleks perindustrian dan sebuah tapak perkuburan Islam.

Menyentuh tentang kompleks perindustrian tersebut ia pernah menjadi kunjungan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beberapa tahun lepas setelah beberapa buah syarikat berjaya membuktikan kejayaan mereka dalam urusan perniagaan.

Namun dalam memastikan kesejahteraan penduduk kampung terus terjamin tidak ketinggalan yang turut menjadi perhatian Ketua Kampung Lambak ‘B’ ialah keprihatinan beliau dalam membantu serta memeduli orang-orang kurang berkemampuan termasuk anak-anak yatim, balu dan warga emas.

KOMPLEKS membeli-belah.




Manakala dalam memastikan rancangan pentadbiran, pengurusan dan aktiviti kampung berjalan lancar seperti yang dirancang, Mejar (B) Haji Mohammad Jair turut dibantu oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung yang dilantik.

Bagi membantu pengurusan pentadbiran, MPK Lambak ‘B’ ini telah membentuk beberapa biro dalam membantu melaksanakan fungsi dan aktiviti MPK berkenaan sebagaimana yang telah ditentukan antaranya Biro Agama dan Belia, Biro Wanita, Biro Sukan dan Kegiatan, Biro Kebudayaan dan Lawatan serta Biro Ekonomi.

Dalam bidang kegiatan pula, kampung ini aktif dalam melakukan berbagai-bagai aktiviti seperti majlis menaikkan bendera negara di peringkat kampung, penyertaan dalam sambutan perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, selain aktif menganjurkan kegiatan-kegiatan seperti Kejohanan Bola Sepak, Perlawanan Dart, Sambutan Hari Keluarga, Pertandingan Dikir dan sebagainya termasuk kegiatan yang dikendalikan bersama dengan Majlis Perundingan Mukim Berakas ‘A’.

Sementara kegiatan-kegiatan yang lain, MPK Lambak ‘B’ juga tidak terlepas daripada sama-sama melibatkan diri dalam pelbagai kempen



**KETUA Kampung Lambak ‘B’,
Mejar (B) Haji Mohd. Jair bin
Haji Abdul Wahab.**



SUASANA kompleks perindustrian yang terletak di Kampung Lambak 'B' (atas dan bawah).



SEKOLAH Tunas Jaya PGGMB.



SEKOLAH Rendah Datu Mahawangsa Lambak, Jalan Pasir Berakas.

seperti kempen kebersihan bagi membisaikan kampung.

Namun dalam menikmati pelbagai kemajuan, kampung ini tidak terlepas daripada mengalami beberapa isu yang sering ditimbulkan, iaitu masalah pembuangan sampah.

Mejar (B) Haji Mohammad Jair semasa ditemui mengulangi saranan beliau agar masyarakat kampung peka akan kebersihan dan keindahan kampung serta menyeru agar sampah yang dibuang biarlah pada tempat yang betul dan tidak membuangnya sembarangan.

S
e
p
t
e
m
b
e
r

SABTU, 19 SEPTEMBER 2015

Singgah di Kampung Sungai Tilong

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

KAMPUNG Sungai Tilong ialah salah sebuah dari 12 kampung yang terkandung di dalam Mukim Berakas ‘B’.

Menurut Ketua Kampung berkenaan, Pengiran Haji Zainal bin Pengiran Haji Bustamam, kampung tersebut mempunyai keramaian penduduk hampir empat ribu orang dengan jumlah rumah sebanyak 724 buah semasa ditemu ramah di rumah kediamannya dalam Program Sua Muka (Personal Contact) anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri bersama Ahli-ahli MPK yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan bekas pegawai kerajaan yang berpencen.

Antara aktiviti gotong-royong dan kebajikan yang dijalankan ialah penyampaian derma kepada anak-anak yatim, tahlil dan doa arwah sekampung, Majlis Ibadah Korban, sambutan Maulud Nabi, membersihkan tanah perkuburan, Majlis Korban sempena Hari Raya Aidiladha, Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan membersihkan masjid. Dengan adanya aktiviti ini masyarakat kampung akan dapat menanam sikap saling bekerjasama seperti berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing.

PEMEDULIAN KERAJAAN

Sepertimana di kampung-kampung lain di negara ini, Kampung Sungai Tilong tidak ketinggalan untuk menerima kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan seperti bekalan elektrik, air, telefon dan balai raya.

Apa yang membanggakan di kampung ini ialah kepesatan kemajuan seperti berdirinya bangunan-bangunan pusat membeli-belah, klinik dan sekolah swasta.

PRODUK

Sebahagian besar jumlah penduduk bekerja di sektor awam, manakala selebihnya ada yang menjalankan perniagaan sendiri atau berkhidmat dengan sektor swasta.

Dari segi aspek perusahaan swasta, Kampung Sungai Tilong juga aktif dalam perniagaan secara sambilan seperti menerima tempahan kuih tradisional seperti kalupis, kek, biskut hari raya dan membuat serunding.



*KETUA Kampung Sungai Tilong,
Pengiran Haji Zainal bin Pengiran
Haji Bustamam.*



*AHLI-AHLI MPK Sungai Tilong
ketika mengadakan perjumpaan
dengan pegawai-pegawai dari
Jabatan Penerangan.*



SABTU, 19 SEPTEMBER 2015

Lagenda Telaga Raden Bisa di Kampung Tanjong Nangka

Oleh: Norliah binti Md. Zain

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

RASANYA ada generasi baru yang kurang mengetahui akan cerita-cerita rakyat atau cerita lagenda yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Melalui ruangan Kenali Negara Kitani kali ini penulis akan menyentuh mengenai salah satu lagenda Telaga Raden Bisa yang terdapat di Kampung Tanjung Nangka.



KETUA Kampung Tanjong Nangka, Awang Haji Lamat bin Nawang.

PROFIL KAMPUNG

Kampung Tanjung Nangka adalah sebuah kampung yang terletak di Mukim Sengkurong, Daerah Brunei dan Muara. Kampung ini kini di bawah pentadbiran Ketua Kampung, Awang Haji Lamat bin Nawang. Menurut Banci Penduduk 2011, kampung ini dihuni oleh 3,058 orang penduduk dengan 1,583 lelaki dan 1,475 perempuan. Sebanyak 509 buah keluarga terdapat di kampung ini dengan 491 buah tempat kediaman.

Antara produk yang terdapat di kampung ini ialah membuat parang dan gasing secara persendirian.

TELAGA RADEN BISA

Kampung ini mempunyai sebuah cerita lagenda, iaitu Telaga Raden Bisa. Dikatakan telaga ini mempunyai air yang boleh menyembuhkan pelbagai penyakit jika mereka mandi atau meminumnya.

Menurut buku The Golden Warisan Brunei Darussalam Volume 2, suatu masa dahulu, diceritakan terdapat sebuah keluarga tiga beradik yang kehilangan ibu kerana meninggal dunia selepas melahirkan anak bungsu di dalam keluarga itu.

Abang yang sulung dipanggil Raden, yang tengah dipanggil Ugang dan yang bungsu bernama Musa. Pada suatu hari, sedang bapa mereka menanak tebu untuk membuat gula, beliau mendapati sejenis tumbuhan tumbuh di dalam api yang sedang menyala yang dikenali sebagai pohon balik angin. Dikatakan ia boleh membawa tuah kepada orang-orang yang memilikinya.

Lalu bapa mereka membahagikan tiga bahagian tumbuhan itu yang mana Raden mendapat akar, Ugang mendapat tangkai, manakala Musa mendapat daun. Kemudian bapa mereka mencadangkan supaya mereka memakan bahagian masing-masing.

Apabila mereka bertiga membesar, Raden merupakan orang yang paling ditakuti oleh orang kampung kerana badannya boleh meracuni orang lain, tetapi tidak kepada keluarganya. Dia boleh meracuni orang dengan menyentuh mereka dan apabila dia berjalan, rumput akan mati. Jika pergi ke sungai ikan boleh mati. Sejak dari itu, beliau dikenali sebagai Raden Bisa.

Ugang pula menjadi seorang yang kuat manakala Musa seorang yang rajin bekerja. Kedua-dua mereka meninggalkan kampung untuk mencari rezeki.

Memandangkan tubuh Raden Bisa boleh meracuni orang mahupun persekitarannya, beliau akhirnya bersetuju meninggalkan kampung halamannya dan tinggal di dalam hutan.

Lama-kelamaan, beliau merasa sunyi lalu meminta adik-beradiknya untuk menamatkan riwayat hidupnya. Adik-beradiknya agak keberatan untuk memenuhi permintaan itu namun Raden Bisa mengancam akan membunuh semua orang di kampung itu.

Dengan berat hati, Raden Bisa dibunuh setelah lembing dilemparkan ke dada Raden Bisa lalu tersungkur dekat telaga. Ada sumber lain mengatakan Ugang yang melemparkan lembing tersebut. Darah Raden Bisa pun menitis ke telaga tersebut.

Walaupun tubuh Raden itu berbisa, namun air telaga yang telah tertitis darah Raden Bisa itu dikatakan menjadi air penawar serta boleh menyembuhkan pelbagai jenis penyakit.

Telaga ini masih lagi wujud hingga kini, iaitu di wasai Kampung Tanjong Nangka. Menurut Ketua Kampung Tanjong Nangka, perancangan akan dibuat bagi menjadikan Wasai Telaga Raden Bisa untuk dijadikan Taman Riadah.

SABTU, 5 SEPTEMBER 2015

Menyusur ke Kampung Sengkurong ‘A’

Oleh: Norliah binti Md. Zain

Foto: Azmah Haji Ahad

RUANGAN Kenali Negara Kitani kali ini memaparkan kisah mengenai Kampung Sengkurong ‘A’ yang terletak di Mukim Sengkurong. Kini, kampung ini ditadbir oleh seorang Ketua Kampung, iaitu Dr. Awang Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman sejak 2 Januari 2013.

Menurut sumber yang diperolehi daripada Ketua Kampung Sengkurong ‘A’, sebanyak sembilan ketua kampung (sebelum Perang Jepun ketua kampung digelar penghulu) telah mentadbir kampung ini dari Abad Ke-19 hingga Abad Ke-21. Mereka adalah Awang Asmat bin Bakar (awal 1900); Awang Haji Tamit bin Asmat (1930-1941); Awang Haji Bakar bin Haji Jamaluddin (1942-1946); Awang Haji Ibrahim bin Budin (1948-1949); Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman bin Haji Tamit (1949) yang kemudiannya menjadi penghulu pada tahun 1950-1986; Awang Sabtu bin Haji Asar (1976-1987); Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Ghafar bin Zaman (1987-1998); Awang Haji Serudin bin Haji Nasir (1999-2012) dan kini Dr. Awang Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman.

Menurut Dr. Awang Haji Abdullah Hanif, dikhabarkan nama Sengkurong berasal dari sebatang sungai yang berlingkar dan mengurungi satu tanah. Kedudukan dan aliran sungai ini seolah-olah membuat bulatan mengelilingi daratan tersebut dan di atas daratan ini dijadikan sebagai penempatan awal. Istimewanya kampung ini ia mempunyai permukaan bumi yang unik, iaitu di sebelah Barat Utara mempunyai permukaan tanah yang sangat tinggi manakala di sebelah Timur dan tengah kawasan rata. Sementara di sebelah Selatan mempunyai kawasan berpaya.



**KETUA Kampung Sengkurong 'A',
Dr. Awang Haji Abdullah Hanif bin
Orang Kaya Maharaja Dinda Haji
Saman.**

Kampung ini bersempadan dengan beberapa kampung lain, iaitu Kampung Jerudong di sebelah Utara, Kampung Mulaut di sebelah Selatan dan Kampung Sengkurong 'B' dan Selayun Tagap di sebelah Timur. Manakala di sebelah Barat pula terletak Kampung Tanjung Nangka, Kampung Katimahar dan Kampung Lugu.

Terdapat beberapa kampung kecil di bawah tадahan Kampung Sengkurong 'A', iaitu Kampung Mengawang, Kampung Limpuan (belakang Masjid Sultan Sharif Ali), Kampung Pasai I, Kampung Pasai II, Sungai Tampoi, Ban 3 dan sekitarnya, dari persimpangan Jalan Jerudong, iaitu kawasan Bukit Bantai/Pantai, Pulau Besar, Lubok Sidayau, Bukit Berangan, Bukit Manis hingga kawasan Durian Tunjung, dan juga dari persimpangan Jalan Mulaut Limau Manis sehingga sebelum kawasan bekas kincir angin.

SEJARAH KEMUDAHAN

Merujuk sumber yang diperolehi daripada Ketua Kampung Sengkurong 'A', sekitar kurun Ke-20, penduduk kampung telah memilih Kampung Mengawang sebagai lokasi bagi membina balai raya yang dikatakan tapak Bangunan Syarikat Melayu Sengkurong sekarang.

Sekitar tahun 1930, atas inisiatif Penghulu Kampung ketika itu, iaitu Allahyarham Haji Tamit bin Asmat serta anak-anak buahnya telah membangun Sekolah Melayu Sengkurong secara gotong-royong yang bahan-bahannya terdiri daripada separuh kekal. Sekolah ini kemudiannya dinaik taraf lapan tahun kemudian oleh pihak kerajaan dengan menggantikannya menjadi bangunan kekal.

PUSAT Kesihatan Jubli Perak Sengkurong.



Kampung Sengkurong ‘A’ menjadi tumpuan perhimpunan orang ramai dan turut menjadi *focal point* dengan terbinanya beberapa bangunan-bangunan kerajaan seperti Rumah Penjara Jerudong pada 1 Mac 1954 dan Pos Polis Sengkurong sekitar tahun 1929.

Aktiviti perusahaan pembuatan bata juga ada di kampung ini yang diusahakan oleh Syarikat Soon Lee Brickworks bermula awal tahun 1940-an dan 1950-an selaku pembekal utama satu ketika dahulu. Pada tahun 1969, atas inisiatif penduduk kampung, Syarikat Melayu Sengkurong telah ditubuhkan dengan tujuan untuk meningkatkan ekonomi para ahlinya.

Ketika ini, terdapat beberapa bangunan cawangan-cawangan jabatan kerajaan di kampung ini seperti Jabatan Perkhidmatan Elektrik Cawangan Sengkurong, Jabatan Perkhidmatan Pos Sengkurong dan Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong.

Kampung ini juga sering menjadi tumpuan bila mana beberapa bangunan komersial turut dibangunkan di kawasan ini bermula pada era 1980-an hingga sekarang. Beberapa prasarana juga telah diwujudkan seperti Dewan Kemasyarakatan, jejantas berdepanan Sekolah Rendah Sengkurong, Bangunan Sekolah Menengah Sayyidina Hussain, gelanggang sukan dan sebagainya.

MASJID Sultan Sharif Ali Sengkurong.



SEJARAH PEMBINAAN MASJID

Penghulu serta penduduk kampung juga telah membuat inisiatif membina Masjid Kampung Sengkurong pada tahun 1929 yang ketika itu bangunannya hanyalah setinggi tiga kaki dari tanah yang dibina di atas tanah yang diwakafkan oleh penghulu kampung sendiri.

Dengan pertambahan penduduk, masjid ini telah dibesarkan oleh pihak kerajaan dengan pembinaan masjid baru (diperbuat daripada batu) telah dilaksanakan pada tahun 1966 dan siap setahun kemudiannya. Bangunan masjid baru berkenaan telah diundurkan sedikit dari jalan raya sekitar 10 kaki dari tapak asal, iaitu termasuk kawasan Awang Haji Ibrahim bin Budin yang telah mewakafkan menjadi sebahagian daripada kawasan masjid.

Seiring dengan pertambahan penduduk dan waktu, dari masjid kayu bertukar menjadi masjid batu dan seterusnya bertukar wajah menjadi masjid Jame'. Melihat kepada keperluan jemaah yang semakin meningkat, masjid Jame' ini tidak lagi mampu menampung kepadatan jemaah. Atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sebuah masjid baru telah dibina di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-4 (1980-1984), iaitu bermula pada 25 Februari 1984 dan telah siap pada bulan Januari 1986.

**JABATAN Perkhidmatan Elektrik
Cawangan Sengkurong.**



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan merasmikan masjid ini.

Masjid ini telah dinamakan sebagai Masjid Sultan Sharif Ali Mukim Sengkurong. Kedudukan tapak masjid yang berkeluasan empat ekar itu adalah lebih kurang berhadapan dengan tapak masjid lama. Tanah bagi tapak masjid ini diwakafkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Noor bin Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Abdul Razak.

PENDUDUK

Menurut Banci Penduduk 2011 yang dikelolakan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), jumlah penduduk Kampung Sengkurong ‘A’ keseluruhannya 4,553 orang yang terdiri daripada 2,398 lelaki dan 2,155 perempuan. Sebanyak 790 tempat kediaman yang terdapat di kampung ini.

Penduduk asal Kampung Sengkurong ‘A’ adalah puak Kedayan beragama Islam. Keberadaan puak Kedayan di kampung ini sudah wujud sejak ratusan tahun lamanya kerana ia merupakan penempatan awal nenek moyang mereka. Oleh itu, penduduk yang ada ketika ini adalah susur galur keturunan para penduduk yang terdahulu yang mewarisi tanah pusaka secara turun-temurun. Bolehlah dikatakan penduduk asal perkampungan ini adalah berasal dari satu rumpun keturunan yang sama. Sebab itulah dalam kalangan penduduk aslinya pertalian keluarga tersebut masih belum begitu jauh dan saling berkaitan.

Walau bagaimanapun, sekitar tahun 1980-an, percampuran penduduk mula kelihatan kerana adanya perkahwinan campur di antara penduduk kampung ini dengan orang yang bukan berasal dari kampung ini. Faktor kemajuan tanah seperti penyewaan rumah dan penjualan tanah kepada orang luar juga turut menyumbang kepada percampuran penduduk. Ditambah lagi dengan aktiviti perniagaan semakin rancak menjadikan kampung ini sebagai penampungan para pekerja dari bangsa-bangsa asing. Sehingga sekarang Kampung Sengkurong ‘A’ bukan lagi didominasi oleh puak Kedayan malahan turut dihuni oleh puak-puak lain seperti puak Melayu Brunei, Tutong, Belait dan tidak terkecuali tenaga kerja asing seperti dari Indonesia, Cina, India, Bangladesh dan sebagainya.

Menurut Dr. Awang Haji Abdullah Hanif, ketika ini kebanyakan penduduk kampungnya adalah bekerja dengan kerajaan di samping sebahagiannya bekerja sendiri seperti membuat kalupis dan kraf tangan antaranya membuat tongkat, alat perhiasan, parang dan keris.

HARAPAN

Dr. Awang Haji Abdullah Hanif ketika ditemui melahirkan rasa syukur kerana sudah ramai penduduk kampungnya memiliki taraf pendidikan yang tinggi selain ramai kalangan bekas pegawai-pegawai kanan kerajaan yang bermastautin di kampung ini.

Walaupun kampung ini agak maju dari segi pembangunan, namun ketua kampung turut menyimpan hasrat untuk melihat adanya tempat untuk melaksanakan pertanian kelompok di kampung ini, iaitu di kawasan belakang Sekolah Menengah Sayyidina Hussain. Menurut Dr. Awang Haji Abdullah Hanif, jika perkara ini boleh dilaksanakan ia boleh menjadi satu *landmark* bagi Kampung Sengkurong ‘A’ selain boleh menjadi sumber pekerjaan tetap kepada generasi yang akan datang.

Selain itu, pada Simpang 159 di kampung ini terdapat sebuah tadahan air yang agak berpotensi dijadikan sebagai taman rekreasi.

Tidak dinafikan pembangunan yang terdapat di Kampung Sengkurong ‘A’ adalah hasil usaha generasi sebelumnya yang kemudiannya diteruskan oleh generasi yang ada pada masa ini. Selain itu, pihak kerajaan juga berperanan penting dalam memajukan dari segi infrastruktur di kampung ini.

Mudah-mudahan segala kemudahan yang terdapat di kampung ini memberikan banyak manfaat kepada penduduk kampung, di samping dapat meneladani jasa-jasa penduduk kampung yang sebelumnya.



SABTU, 12 SEPTEMBER 2015

Keindahan flora, fauna Mukim Labi

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Koleksi MPK Labi

MUKIM Labi mempunyai keluasan 36,390.74 hektar yang dibahagikan kepada dua kawasan, iaitu Kampung Labi I dan Kampung Labi II. Suasana dan persekitaran di kawasan ini masih lagi kekal dengan alam semula jadi serta flora dan faunanya juga bukit bukau yang serba menghijau.

Kampung Labi I mempunyai keluasan 136.9 kilometer persegi dengan keramaian 581 orang penduduk yang terdiri daripada 293 lelaki dan 288 perempuan.

Ketua Kampung Labi I ialah Awang Hanapi bin Mohd. Siput juga menjawat jawatan sebagai Pemangku Penghulu Mukim Labi.

Di dalam Kampung Labi I terdapat lapan buah kampung kecil, iaitu Kampung Bukit Puan; Kampung Sungai Petai; Kampung Tapang Lupak; Kampung Tenajor; Kampung Ratan; Kampung Terunan; Kampung Gatas dan Kampung Kenapol.

Manakala Kampung Labi II mempunyai keluasan 224.9 kilometer persegi dengan keramaian sebanyak 578 orang penduduk yang terdiri daripada 303 lelaki dan 275 perempuan.

Di dalam kampung ini terdapat enam buah kampung kecil, iaitu Kampung Terawan; Kampung Rampayoh; Jalan Labi Lama; Kampung Mendaram Besar; Kampung Mendaram Kecil dan Kampung Teraja yang dipimpin oleh Ketua Kampung Labi II, iaitu Awang Haji Metussin bin Matzin.

Para penduduk di kedua-dua buah kampung ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan puak seperti Belait, Kedayan, Dusun, Iban dan Cina dan menganut pelbagai agama termasuk Islam, Kristian, Buddha dan lain-lain.

Di Mukim Labi ini ada disediakan banyak kemudahan asas seperti jalan raya,



MASJID Mukim Labi, Daerah Belait.

sekolah rendah dan menengah, masjid, balai polis, balai bomba, dewan serbaguna, bekalan air dan elektrik, flat dan berek untuk kakitangan dan pegawai kerajaan dan tempat-tempat peranginan.

Kebanyakan warga penduduk kampung di kawasan ini masih lagi berpadi yang mana ia adalah merupakan kegiatan biasa yang dilakukan oleh masyarakat di kampung ini kerana beras adalah makanan utama mereka sejak zaman-berzaman. Kegiatan berpadi biasa dilakukan setahun sekali tertakluk pada jenis padi yang ditanam, iaitu sama ada jenis padi paya atau padi bukit.

Dusun-dusun buah-buahan tempatan seperti durian juga masih banyak terdapat di kedua-dua kawasan ini yang mampu menjadi penambah sumber rezeki mereka selain berkebun dan bercucuk tanam.

Antara tempat-tempat peranginan yang menarik di Mukim Labi ini ialah Taman Rekreasi Luagan Lalak dan Wasai Wong Kadir.



SEKOLAH Chung Hwa Labi.

Taman Rekreasi Luagan Lalak terletak kira-kira 25 kilometer dari Sungai Liang di sepanjang Jalan Labi di mana taman ini meliputi kawasan seluas kira-kira 270 hektar di Hutan Simpan Bukit Labi. Ia merupakan sebuah tempat yang menarik dan diseliputi tanah paya dan air tawar. Apabila musim hujan, tasiknya akan dipenuhi air dan apabila musim surut, ia akan menjadi kering. Di taman ini juga mempunyai beberapa kemudahan seperti pondok rehat dan laluan pejalan kaki sejauh 200 meter di sepanjang tepi tasik.

Untuk pergi ke Wasai Wong Kadir, ia mengambil masa 45 minit dari simpang permulaan Jalan Labi. Tempat ini sesuai untuk mereka yang sukakan cabaran seperti *jungle trekking* dan *camping*. Wasai ini terdapat air terjun yang juga merupakan tempat perkelahan yang popular. Para pejalan kaki akan melintasi beberapa kawasan curam dalam perjalanan ke air terjun. Di tempat ini awda dapat menikmati keindahan hutan yang masih asli dan air suci yang mengalir dari tasiknya.



RUMAH Panjang Rampayoh.

Di sepanjang Jalan Labi ini lagi, terdapat beberapa buah Rumah Panjang yang unik dan salah sebuah darinya ialah Rumah Panjang Rampayoh yang mempunyai 16 pintu terletak di kawasan perkampungan Labi. Rumah Panjang ini didiami oleh kaum Iban yang mana zaman sekarang lebih aktif dalam aktiviti pertanian. Para pelawat yang ingin berkunjung ke Rumah Panjang ini sentiasa disambut mesra oleh Ketua Rumah Panjang dan seisi penduduk rumah.

Bagi memudahkan para penduduk di sekitar kawasan ini untuk beriadah, Dewan Serbaguna juga telah dibina dan banyak kemudahan yang disediakan seperti gelanggang takraw, badminton, bilik mesyuarat, tandas dan bilik mandi, ruang rehat dan sebagainya.

Para pelawat yang berkunjung dan ingin bermalam di Mukim Labi ini juga boleh menginap di Rumah Tumpangan atau tempat tinggal ‘Homestay’ yang disediakan.



*BALAI Polis
Labi.*



*TAMAN
Rekreasi
Luagan Lalak.*



*DEWAN
Serbaguna
Mukim Labi.*

SABTU, 26 SEPTEMBER 2015

Pulau buah, haiwan liar tarikan utama Taman Agri Katimahar

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Hamzah Mohidin
dan Ihsan Awang Haji Zainal Safar

PERJALANAN sejauh 25 kilometer dari Bandar Seri Begawan sememangnya berbaloi dengan pemandangan alam semula jadi dan hirupan udara segar dari Taman Agri Katimahar. Berpeluang menyaksikan keadaan kebun buah-buahan di taman ini membuatkan pengunjung dapat merasakan susah senang pekerjaan sebagai seorang pekebun.

Walaupun pada awalnya ketika pada tahun 2010, pokok buah-buahan yang ditanam hanyalah seluas 10 ekar dengan tenaga kerja seramai 15 orang, namun kini Taman Agri Katimahar diusahakan oleh 158 pengusaha yang terdiri daripada penduduk Kampung Katimahar dengan keluasan tanah lebih dari 100 ekar.



PAPAN tanda mengalu-alukan kedatangan pengunjung ke taman ini.

LOKASI

Taman Agri Katimahar ketika ini dibiayai sepenuhnya oleh Restoran Soto Rindu. Taman ini terletak di Kampung Katimahar, iaitu kampung di bawah pentadbiran Ketua Kampung Lugu dan Katimahar, Awang Salim bin Adi.



ANTARA kolam ikan air tawar yang diusahakan di Taman Agri MPK Katimahar.

DUKUNG SERUAN KERAJAAN

Menurut Ketua Kampung Lugu dan Katimahar, Awang Salim bin Adi, pembinaan taman adalah bagi mendukung seruan kerajaan, iaitu Satu Kampung Satu Produk. Selain itu, objektif taman ini ialah bagi memberi peluang pekerjaan kepada pencari kerja terutama kepada generasi muda dan penduduk kampung.

MEMULIHARA TANAMAN DAN HIDUPAN LIAR

Dengan keadaan muka bumi yang sesuai untuk bercucuk tanam, maka beberapa jenis buah-buahan tempatan diusahakan di taman ini. Menurut Pengurus Taman Agri MPK Katimahar, Awang Haji Zainal bin Safar, antara yang terdapat di taman ini ialah 5,000 batang pokok durian, 2,000 pohon buah tibadak dan 2,000 pohon buah tarap. Ini termasuklah buah-buahan tempatan yang hampir pupus seperti meritus, nenggalau, lakang, dadaran, mata kucing kampung. Selain itu, terdapat juga buah rambutan, longan,



BEBERAPA ekor kerbau turut dipelihara di taman ini.



JALAN sepanjang dua kilometer dibina di Taman Agri MPK Katimahar.

mambangan, santol, sukang, durian salat, belimbing, belunu dan binjai. Di samping itu, herba asli seluas lima ekar juga terdapat di taman ini.

Beberapa ladang haiwan hidupan liar yang dipelihara oleh penternak persendirian juga terdapat di sini antaranya lebih 200 ekor kerbau dan beberapa ekor buaya. Selain haiwan yang dipelihara, terdapat juga lebih 5,000 ekor bangau yang sering kali kelihatan di taman ini sama ada pada waktu pagi, petang atau malam.



PENGURUS Taman Agri MPK Katimahar, Awang Haji Zainal bin Safar.

Taman ini turut menempatkan 50 kolam ikan segar air tawar. Ikan yang dipelihara adalah dalak, karuk, haruan, bantang, patin, pacu, jelawat, keli, baong, daun buluh, sepat, putian, talipia merah dan hitam.

Taman ini juga mempunyai dua kawasan untuk berkhemah, akan tetapi belum mempunyai kemudahan asas seperti air dan elektrik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa mata air semula jadi di kawasan tersebut.

Terdapat jalan sepanjang dua kilometer di dalam taman ini di mana para pengunjung boleh menggunakan kereta sebagai kemudahan bagi mereka menikmati keindahan taman agri ini.



SEBAHAGIAN daripada tanaman buah-buahan yang terdapat di taman ini.

PENGUNJUNG

Sepanjang lima tahun taman ini diperkenalkan, taman ini telah menerima beberapa pengunjung dalam kalangan kerabat diraja antaranya cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raqeeqah Raayatul Bolqiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-Ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil.

Turut mengunjungi taman ini ialah para pelancong dari luar negeri seperti Jepun dan Malaysia berskala kecil.

Di taman ini para pengunjung berpeluang memancing ikan di kolam, di samping mengenali buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan yang ditanam di persekitaran taman berkenaan. Bagi pengunjung yang berkeinginan membawa pulang buah-buahan mahupun ikan air tawar, mereka bolehlah membelinya pada kadar harga yang telah ditetapkan mengikut kuantiti yang ingin dibeli oleh pengunjung.



ANTARA buah-buahan yang terdapat di taman ini.

LANGKAH BIJAK

Penanaman berskala besar pokok buah-buahan adalah satu langkah yang bijak yang dibuat oleh Majlis Perundingan Kampung dalam mempelbagaikan ekonomi, di samping mengurangkan import buah-buahan itu. Membuat taman dengan mengusahakan tanah kerajaan yang terbiar untuk menjana ekonomi penduduk seperti ini merupakan satu usaha yang murni.

Awang Haji Zainal bin Safar berkata, pihaknya ketika ini sedang dalam percubaan mewujudkan ‘Night Safari’. Keberadaan haiwan semula jadi di taman ini memukau para pengunjung kerana dapat menyaksikan kehidupan haiwan ini pada waktu malam. Antaranya dapat melihat kulimpapat (kunang-kunang), buaya dan burung bangau.

Selain itu, untuk perancangan masa hadapan, usaha juga akan dibuat untuk penanaman padi secara tradisional agar generasi baru dapat menyaksikan sendiri penanamannya.

Taman ini juga dilihat berpotensi untuk dijadikan pusat penyelidikan buah-buahan tempatan memandangkan terdapatnya usaha untuk menanam buah-buahan yang hampir pupus.

Buat masa ini, yuran kemasukan ke taman ini belum lagi dikenakan namun pembayaran untuk penyediaan sajian makanan untuk rombongan pelawat dan penjagaan keselamatan untuk aktiviti berkhemah dikenakan pada kadar yang minima dan berpatutan.

O
k
t
o
b
e
r

SABTU, 10 OKTOBER 2015

Kampung Tamoi terkenal kejaguhan berlumba perahu

Oleh: Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto: Ak. Jefferi Pg. Durahman dan Jabatan Penerangan

MUKIM Tamoi merupakan salah sebuah daripada 38 mukim yang terdapat dalam Negara Brunei Darussalam, dan Mukim Tamoi juga merupakan satu daripada 17 mukim yang terletak dalam pentadbiran Daerah Brunei dan Muara.

Tambahan pula kedudukan Mukim Tamoi khususnya Kampung Tamoi Ujong memang begitu menarik bahkan ia berupaya untuk menarik pelancong luar datang berkunjung ke kampung ini memandangkan ia berhadapan dengan Kampung Burong Pingai Ayer dan tidak jauh dari situ terletak Istana Darul Hana. Itu juga menjadi tarikan pelancong untuk menikmati keindahan istana dilihat dari Sungai Brunei, di samping melihat flora dan fauna yang ada di sekitarnya.

ASAL USUL KAMPUNG TAMOI

Mengikut cerita dulu-dulu yang diperolehi, Kampung Tamoi ini dapat nama dari peristiwa mempertahankan kampung itu dari amukan orang luar. Akibat dari amukan orang luar itu yang berkemungkinan berhasrat untuk merampas atau membuat huru-hara ramailah orang kampung yang terkorban dan menjadi mangsa. Ada seorang yang bernama Liau Haris di mana saat orang mengamuk beliau tiada di rumah, dia sedang mencari kayu di Lumadan, yang kini merupakan tempat kedudukan Istana Nurul Iman sekarang, apabila diberitahu tentang peristiwa orang mengamuk Liau Haris pun balik ke rumah. Saat berlakunya pertempuran, Liau Haris yang mengikut cerita merupakan seorang ‘pemandai dan berisi’ berusaha melawan musuh yang sedang mengamuk. Oleh kerana sama-sama handal saat bertarung, air pula mula pasang dan sampai ke punggung lalu Liau Haris menikamkan kerisnya ke tanah lalu musuh pun rebah.



PASUKAN Mukim Tamoi muncul juara bagi Kategori Lumba Perahu Tradisi Marathon sebagai acara kemuncak bagi Pesta Air Seri Tanjung 2015.

Melihat kehandalan yang dimiliki Liau Haris maka orang kampung menggelar beliau ‘Tamamur Liau Haris atau eh’ bermakna gagah sungguh Liau Haris atau eh. Makna dari kata Tamamur tersebut diambil dan menjadi Tamoi. Begitulah asal usul Kampung Tamoi yang diperolehi. Tetapi terdapat juga cerita yang berbeza tentang asal nama Kampung Tamoi ini.

Apa yang istimewanya mengenai penduduk di Kampung Tamoi? Walaupun Mukim Tamoi ini tidaklah terlalu menonjol dengan hasil produknya namun ia masih mengeluarkan beberapa hasil produk yang diusahakan oleh penduduk kampung berkenaan seperti keropok, kuih-kuih kering, ikan-ikan kering dan sebagainya.

Namun jelas Ketua Kampung Tamoi Tengah dan Tamoi Ujong, Awang Tarip bin Haji Asgar, penduduk Kampung Tamoi memang terkenal dengan kejaguan dalam berlumba perahu ini terbukti sejak dulu lagi.



PASUKAN Mukim Tamoi muncul juara bagi Kategori Lumba Perahu Tradisi Marathon sebagai acara kemuncak bagi Pesta Air Seri Tanjung 2015.

Kejaguhan ini menurut beliau adalah hasil sifat kesepakatan dan kesungguhan serta semangat kerjasama yang diamalkan oleh para penduduk berkenaan. Selain daripada itu, teknik dan pengalaman yang mereka perolehi terutama dalam ‘mengusaha’ perahu membantu kemenangan mereka. Kesepaduan semangat peserta dan teknik berkayuh serta perahu yang dihasilkan membuatkan penduduk Kampung Tamoi sentiasa mengungguli perlawanan.

Selain aktiviti bersukan juga turut diadakan beberapa aktiviti lainnya yang bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim antara Jawatankuasa Perundingan Kampung Tamoi Tengah dan Tamoi Ujong dan menggalakkan belia-belia kampung berkenaan melibatkan diri dengan aktiviti keagamaan.



GABENOR-Jeneral Australia, Puan Yang Terutama Quentin Bryce dan suami, Tuan Yang Terutama Michael Bryce ketika melawat ke rumah Penghulu Mukim Tamoi, Pengarah Haji Mokti bin Haji Md. Salleh.



KEMPEN gotong-royong yang pernah diadakan di kawasan Mukim Tamoi.

Keseluruhan penduduk yang mendiami Mukim Tamoi ini terbahagi kepada dua di mana Tamoi Tengah mempunyai keramaian penduduk 421 dengan 63 buah rumah, manakala Tamoi Ujong mempunyai penduduk seramai 262 dan 32 buah rumah.

Selain turut memiliki kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti masjid untuk para penduduk di sini mengerjakan perintah Allah, sekolah-sekolah, bekalan air dan elektrik. Bagi mereka yang sudah mencapai usia 60 tahun juga turut diberikan perhatian dengan menerima pencen tua mereka di mana seramai 49 penerima pencen tua terdiri daripada penduduk Tamoi Tengah, sementara 20 pula dari Tamoi Ujong, manakala penerima kebajikan kedua-duanya pula lebih daripada 30 penerima.



DALAM KENANGAN ... Sebuah rumah yang telah roboh di Kampung Tamoi Ujong sekitar tahun 2012.

Sementara itu jelas ketua kampung ini pula seramai empat orang dari Tamoi Tengah juga turut menerima rumah bantuan dan tiga orang pula dari Tamoi Ujong di mana penerima bantuan rumah ini terdiri daripada penduduk tetap dan yang di luar dari Mukim Tamoi.

Mengakhiri perbualan bersama ketua kampung, beliau turut melahirkan harapan agar para penduduk di mukim tersebut terus mengamalkan sikap bersatu padu, tolong-menolong dan sentiasa bersikap pemedulian di antara satu sama lain dalam sama-sama mengekalkan kesejahteraan mukim berkenaan.



SABTU, 17 OKTOBER 2015

Mukim Bangar terima arus pembangunan

Oleh: Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto: Jabatan Penerangan dan Ihsan Jabatan Daerah Temburong

TERLETAK pada kedudukan yang strategik di Daerah Temburong, Mukim Bangar, salah sebuah daripada lima buah mukim di Daerah Permata Hijau bumi Darussalam ini tidak ketinggalan menerima arus pembangunan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Ini dapat dilihat dengan terbinanya beberapa buah bangunan kerajaan bagi melicinkan lagi hal ehwal pengurusan dan pentadbiran di daerah yang kaya dengan hutan hujan tropika ini, di mana di Mukim Bangarlah terletaknya Pekan Bangar yang merupakan Pusat Pentadbiran Daerah dan berfungsi sebagai persinggahan dan pusat perhubungan.

Antara kemajuan yang dapat dinikmati oleh penduduk di mukim ini amnya dan penduduk di Daerah Temburong khasnya ialah dengan terbinanya bangunan Kompleks Pemeriksaan Imigresen Ujung Jalan, Mukim Bangar; bangunan baru bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong, terletak di Pekan Bangar dan tidak ketinggalan terbinanya Jambatan Persahabatan menghubungkan Kampung Ujung Jalan, Mukim Bangar, Daerah Temburong dengan Daerah Limbang, Sarawak.

Selain itu, kompleks bangunan-bangunan kerajaan juga terletak di Pekan Bangar, di samping bagi memudahkan lagi urusan dan pentadbiran para penduduk di daerah ini. Ini menjadikan Mukim Bangar sebagai sebuah mukim yang agak sibuk dengan pelbagai aktiviti berbanding mukim-mukim lain di Daerah Temburong. Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar juga dibina di Mukim Bangar yang sering kali digunakan bagi mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi di daerah ini, di samping beberapa buah balai raya di kampung-kampung di bawah tадahan Mukim Bangar.



*ANTARA prasarana
yang menandakan arus
perkembangan pembangunan
di Mukim Bangar.*

Dengan keluasan 113 kilometer persegi atau 43 perpuluhan 6 batu persegi, di Mukim Bangar jugalah terletaknya kedai-kedai yang setentunya membantu menggerakkan ekonomi di daerah ini antaranya Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, Tamu Muhibbah aneka selera dan deretan kedai-kedai yang telah lama wujud di Pekan Bangar bagi memudahkan para penduduk di daerah ini mendapatkan keperluan harian mereka.

Pada tahun ini, Mukim Bangar telah berada di bawah kepimpinan akar umbi yang baru, Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin, yang telah menerima Sijil Lantikan Penghulu Mukim Bangar dan seterusnya membacakan Ikrar dan menandatangani Ikrar Penghulu Mukim Bangar pada 15 Mei 2015 dalam satu



**PENGHULU Mukim Bangar, Awang Haji
Abdul Rahman bin Merusin.**

majlis yang berlangsung di kediamannya di Kampung Ujong Jalan, Mukim Bangar. Ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, Awang Haji Abdul Rahman menjelaskan, Mukim Bangar mempunyai sebanyak 19 buah kampung dan Penghulu Mukim Bangar mempunyai tадahan ketua kampung sebanyak empat buah iaitu Ketua Kampung Menengah, Ketua Kampung Batang Tuau, Ketua Kampung Puni dan Ujong Jalan dan Ketua Kampung Belingos dengan keramaian sejumlah 2,558 orang penduduk, terdiri dari pelbagai bangsa termasuklah Melayu, Murut, Iban, Cina dan bangsa-bangsa lainnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, ke arah memastikan perkembangan bidang pendidikan tunas bangsa di Mukim Bangar, Kementerian Pendidikan telah membina dua buah sekolah rendah di mukim berkenaan iaitu Sekolah Rendah Puni dan Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar. Selain itu, dua buah sekolah pendidikan swasta juga terdapat di Mukim Bangar iaitu Sekolah Suria Jaya dan Sekolah Pai Yuek. Manakala satu-satunya sekolah menengah di daerah ini iaitu Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar juga dibina di Mukim Bangar. Sementara itu, bagi memastikan syiar Islam tidak diabaikan, beberapa buah masjid dan sekolah agama juga dibina di Mukim Bangar.



TELUR masin antara produk yang terdapat di Mukim Bangar.

GOLONGAN wanita di kampung-kampung di bawah tадahan Mukim Bangar bergiat aktif menghasilkan produk di bawah program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) antaranya pembuatan Karipap Mini MPK Menengah.

PENGLIBATAN BELIA

Golongan belia di kampung-kampung di bawah tадahan Mukim Bangar bergiat aktif menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan di daerah tersebut baik aktiviti dari segi keagamaan, kesukanan, mahupun kemasyarakatan. Menurut Awang Haji Abdul Rahman, mereka malahan turut dilantik menjadi Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) di bawah tадahan Mukim Bangar ke arah menjayakan dan mengembangmajukan lagi Mukim Bangar dan kampung masing-masing.

Selain itu, golongan wanita di Mukim Bangar juga tidak berdiam diri, malah sebaliknya aktif mengusahakan beberapa produk di bawah program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) antaranya pemprosesan telur masin yang dikendalikan oleh Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Puni dan Ujong Jalan dan pembuatan Karipap Mini MPK Menengah yang diusahakan hasil penglibatan aktif Biro Wanita MPK Menengah, di samping perusahaan-perusahaan lain seperti kraf tangan dan sebagainya. Mengakhiri temu bual, Awang Haji Abdul Rahman melahirkan harapan agar para penduduk di Mukim Bangar akan saling bekerjasama dan bersatu padu ke arah meningkatkan dan memajukan lagi mukim berkenaan khususnya dan Daerah Temburong amnya dari semasa ke semasa. Beliau juga berharap para penduduk Mukim Bangar akan terus komited bagi mengembangluaskan lagi penghasilan 1K1P di bawah tадahan Mukim Bangar bagi membantu pihak kerajaan menjana ekonomi di negara ini.



SABTU, 24 OKTOBER 2015

Warta Mukim Berakas ‘A’ wajar dicontohi

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Mohd. Mahdi Haji Marsidi

MUKIM Berakas ‘A’ merupakan antara sebuah dari 17 mukim yang terdapat di Daerah Brunei dan Muara di negara ini. Selaras dengan pertambahan penduduk dan perkembangan infrastruktur dari tahun ke tahun, Mukim Berakas telah mula dipecahkan kepada Mukim Berakas ‘A’ dan ‘B’ pada tahun 1996. Penghulu pertama bagi Mukim Berakas ‘A’ adalah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husin, sementara penghulu pertama bagi Mukim Berakas ‘B’ ialah Allahyarham Haji Ismail bin Apong.

PROFIL

Seramai sembilan orang ketua kampung yang bernaung di dalam Mukim Berakas ‘A’. Kampung-kampung yang terdapat di dalam Mukim Berakas ‘A’ ialah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lambak Kiri dan kawasan sekitarnya, Kampung Lambak ‘A’, Kampung Lambak ‘B’, Kampung Pancha Delima/ Anggerek Desa, Kampung Orang Kaya Besar Imas/Pulaie, Kampung Jaya Setia/Jaya Bakti, Kampung Burong Pingai Berakas, Kampung Delima Satu dan Kampung Serusop. Menurut Laporan Awal Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2011, Negara Brunei Darussalam, Mukim Berakas mempunyai 31,180 orang penduduk dengan 5,321 buah tempat kediaman.

Mukim ini juga menikmati banyak kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti masjid, sekolah-sekolah, klinik, bekalan air, elektrik, telefon dan jalan raya. Kemajuan dari segi infrastruktur di mukim ini juga nampak menonjol dengan adanya bangunan-bangunan kerajaan dan pelbagai bangunan pusat membeli-belah yang sering menjadi tumpuan orang ramai.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husin, penghulu pertama bagi Mukim Berakas 'A'.

Menurut Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad, selaku Penghulu Mukim Berakas 'A', antara produk-produk yang diusahakan di mukim ini ialah kain tenunan, pembuatan songkok, kuih-muih dan kimpalan (welding). Tambah Yang Berhormat lagi, antara perusahaan yang sering menjadi tumpuan di mukim ini ialah menyewa pakaian pengantin.

Salah sebuah kampung yang terdapat di mukim ini juga pernah terpilih menyertai Anugerah Kampung Cemerlang peringkat kebangsaan iaitu Majlis Perundingan Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lambak Kiri. Kampung ini telah memperkenalkan produk Minyak Tamu Lawak pada anugerah tersebut. Produk ini telah berjaya mendapat banyak permintaan sama ada dari dalam maupun luar negeri yang mana ia sering digunakan sebagai minyak urut.

Produk-produk Mukim Berakas 'A' juga pernah dipamerkan sempena keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah dan Rumah Teres Meragang, Rumah Kembar serta Rumah Teres Tanah Jambu dan Kampung Panchor (Mengkubau) di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) serta Rumah Kembar dan Rumah Teres Kampung Mata-Mata (Katok 'B') serta Rumah Teres Kampung Lugu di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STK RJ) bagi Daerah Brunei dan Muara, pada 24 Januari 2015. Pameran itu diadakan di rumah Ketua Kampung Pancha Delima/Kampung Anggerek Desa, iaitu Awang Haji Zulkifli bin Haji Awang Ya'akub yang juga Pemangku Ketua Kampung Orang Kaya Besar Imas/Pulaie, iaitu sejurus selepas menganugerahkan anak-anak kunci rumah.



PENDUDUK Mukim Berakas ‘A’ juga pernah mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-29 Tahun yang berlangsung di kawasan lapang Sekolah Rendah Datu Mahawangsa Lambak.

yang boleh memberikan sumbangan ke arah meningkatkan kemajuan mukim, kampung, kawasan, daerah dan negara.

Mukim ini juga aktif dalam mempersembahkan kesenian Melayu Brunei seperti berdondang, syair, deklamasi puisi, tarian asli, lagu-lagu Melayu asli bagi mempertahankan dan mengangkat martabat kebudayaan orang-orang Brunei. Antara lagu-lagu asli yang diperkenalkan ialah Ting kumala tikus, Usin satu sen jadi seratus, Perapat buahnya buntar, Linggayung buah bangkita, Kalau rapat jangan diunjar, Cucu marhum anak pendeta dan Bang inambang telayu-layu utai.

Sementara itu, bagi menyemai rasa patriotik terhadap negara, penduduk Mukim Berakas ‘A’ juga pernah mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-29 Tahun yang berlangsung di kawasan lapang Sekolah Rendah Datu Mahawangsa Lambak.

Antara produk Majlis Perundingan Mukim (MPM) Berakas ‘A’ yang mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika itu ialah ubat-ubatan tradisional, kuih-muih tempatan, songkok dan kain songket.

Sebagai Ahli MMN, Yang Berhormat juga aktif meninjau perkembangan kampung di dalam mukim yang ditadbirnya misalnya mengadakan Majlis Ramah Mesra dan Sesi Dialog Penghulu dan Ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di Mukim Berakas ‘A’ dan Mukim Berakas ‘B’ Bagi Zon I yang telah berlangsung pada 30 Disember tahun lalu. Tujuan majlis itu adalah bagi mendengar dan menerima pandangan dan nasihat serta permasalahan yang ada sekiranya dapat disampaikan dan diterima pada Persidangan MMN. Ia juga adalah bagi membincangkan dan melahirkan idea dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan pandangan



*SEBAHAGIAN daripada
Warta Mukim Berakas 'A' yang
diterbitkan.*

WARTA MUKIM BERAKAS 'A'

Mukim Berakas 'A' sungguh bertuah kerana mempunyai seorang penghulu yang mempunyai minat mendalam di dalam bidang penulisan. Bakat yang ada tidak disia-siakan dengan adanya usaha menerbitkan Warta Mukim Berakas 'A' yang rasanya tidak banyak mukim lain yang mampu berbuat demikian.

Tambahan lagi mukim ini juga aktif mengadakan acara-acara sama ada pada peringkat mukim ataupun kampung membuatkan warta ini dapat diisi dengan bahan-bahan berita mengenai aktiviti-aktiviti tersebut.

Warta Mukim Berakas 'A' telah dilancarkan pada 29 Januari 1997 oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara ketika itu, Dato Paduka Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan. Warta ini memaparkan bahan-bahan berita mengenai aktiviti-aktiviti sekitar Mukim Berakas 'A'. Warta ini merupakan antara media maklumat Penghulu dan Ketua-ketua Kampung Mukim Berakas 'A' dalam mengetengahkan kegiatan-kegiatan yang diadakan, di samping memuatkan sejarah-sejarah dan kejayaan yang dicapai oleh penduduk kampung.

Bermula dengan cetakan hitam putih dan sekarang berwarna, warta yang mengandungi 12 muka surat ini lazimnya dicetak sebanyak 3,000 naskhah dengan perbelanjaan sendiri yang kemudiannya diagih-agihkan kepada ketua-ketua kampung, para penduduk dan juga jabatan-jabatan kerajaan.

Dengan adanya usaha menerbitkan warta ini, mudah-mudahan ia dapat menjadi pendorong kepada mukim-mukim yang lain kerana ia boleh menjadi penyambung maklumat kepada para penduduk kampung dan menjadi ristaan kepada anak bangsa.



SABTU, 30 OKTOBER 2015

Asal nama ‘Tanjong Maya’

Oleh: Noraisah Muhammed

Foto: Jabatan Penerangan

MUKIM Tanjong Maya terletak kira-kira 12 Kilometer dari Pekan Tutong. Kampung ini bersempadan dengan Kampung Lubok Pulau, Kampung Penapar dan Bukit Udal, hampir keseluruhan penduduk kampung adalah terdiri daripada puak Tutong.

Menurut Penghulu Mukim Tanjong Maya Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, sejarah awal kampung tersebut bermula lebih kurang 300 tahun yang lalu apabila beberapa buah keluarga dari puak Tutong yang tinggal di Kampung Lurah Saban yang terletak di Sungai Tutong telah berpindah ke kampung tersebut bagi meneroka kawasan-kawasan baru untuk bertanam padi.

Perpindahan tersebut diketuai oleh Bendahari Talip bin Bendahara Tengah, iaitu setelah terjadinya peristiwa harimau jadian melarikan pengantin perempuan yang merupakan isteri anak Bendahari Talip sendiri. Kejadian tersebut telah mendorong keluarga Bendahari Talip Ali berpindah dari kampung halamannya ke kawasan pedalaman sungai Tutong.

Di samping itu juga mereka ingin meneroka tempat-tempat baru untuk bercucuk tanam seperti bertanam padi dan berburu binatang. Perpindahan mereka ke sana telah membuka lembaran baru dalam kehidupan puak Tutong yang sebelum itu lebih tertumpu berkampung di atas air Sungai Tutong. Keluarga Bendahari Talip Ali dipercayai generasi terawal puak Tutong yang meneroka kawasan pedalaman Sungai Tutong dan seterusnya berkampung di sana.

Sebelum mereka tiba ke Kampung Tanjong Maya mereka terlebih dahulu menetap di dua tempat di sepanjang sungai menuju ke kampung tersebut, iaitu di sebuah kawasan yang diberi nama Ngorbuat (Sungai Panjang) dan kemudian berpindah lagi ke tempat yang bernama Nyumbung (Tanjong Panjang).



MASJID Kampung Lubok Pulau yang terletak di Mukim Tanjong Maya.

Disebabkan keinginan untuk meneroka kawasan-kawasan yang lebih sesuai untuk dijadikan tempat tinggal mereka telah berpindah ke satu kawasan yang diberi nama Pengkalan Ipa, suatu tempat yang sesuai untuk mereka mengintip binatang buruan dan musuh. Sementara beberapa keluarga yang lain terus menetap di dua tempat tersebut. Perpindahan kaum keluarga Bendahara Talip Ali ke Pengkalan Ipa telah berjaya mewujudkan kehidupan yang harmoni dengan puak Dusun yang menetap di kawasan-kawasan berdekatan seperti Bukit Penulud, Bukit Nibong dan Meranti. Bendahari Talip Ali sendiri telah berkahwin dengan seorang puak Dusun bernama Yuntus (Afsah).



ANTARA produk Mukim Tanjong Maya yang terkenal ialah Minyak Kelapa Dara.

Apabila kehidupan di sana dirasakan sesuai untuk dijadikan tempat tinggal maka mereka terus menetap di sana sehingga tempat tersebut akhirnya dikenali sebagai Kampung Tanjung Maya. Pada awalnya mereka hanya membina sebuah rumah yang berbentuk rumah panjang dan diberi berpetak-petak untuk setiap kelamin dalam keluarga itu.

Kehidupan secara berkumpul dalam sebuah rumah panjang ini merupakan cara hidup awal orang-orang Tutong yang sudah wujud sejak mereka tinggal di Lurah Saban. Bentuk rumah tersebut juga dirasakan lebih selamat bagi menghindar dari ancaman ayau (pemburu kepala) yang berlaku pada waktu itu.

ASAL USUL NAMA TANJONG MAYA

Kampung Tanjung Maya mempunyai cerita yang menarik mengenai sejarah lahirnya nama kampung tersebut. Sebelum itu kampung berkenaan hanya dikenali sebagai Pengkalan Ipa dan bertukar menjadi Tanjung Maya setelah terbinanya sebatang parit di kampung tersebut.

Pembinaan parit itu adalah atas cadangan Bendahari Talip Ali yang menjadi ketua kampung pada ketika itu untuk dijadikan jalan pintas di kampung tersebut, kerana sungai yang sedia ada yang menjadi jalan utama penduduk-penduduk kampung begitu panjang dan bersimpang siur.

Apabila cadangan itu dipersetujui oleh penduduk kampung mereka bersepakat membina parit tersebut secara bergotong-royong. Akhirnya mereka berjaya membina sebatang parit sepanjang kira-kira lima rantai dan lebar kira-kira enam kaki yang membentuk satu anak sungai.



DALAM KENANGAN... Keadaan banjir yang pernah melanda Sekolah Menengah Tanjong Maya beberapa tahun yang lalu dapat ditangani dengan baik berkat kerjasama dari beberapa agensi yang berkenaan serta para sukarelawan.

Dengan terbinanya parit tersebut penduduk kampung dapat memendekkan masa perjalanan tanpa perlu menggunakan jalan sungai yang sedia ada. Dalam usaha penduduk kampung membina parit tersebut mereka telah membawa orang-orang Dusun yang tinggal berhampiran untuk ikut serta, akan tetapi mereka menolaknya.

Penolakan mereka itu dinyatakan oleh puak Dusun dengan kata-kata ‘inde ku maya’ yang bermaksud ‘inda ku ikut’. Dari perkataan itu lahirlah nama kampung tersebut yang awalnya diberi nama Kampung Inde Ku Maya.

Memandangkan nama Kampung ‘Inde Ku Maya’ tidak elok didengar maka Bendahari Talip Ali mencadangkan agar nama tersebut diubah kepada Kampung Tanjong Maya.



PRODUK Mukim Tanjung Maya pernah dijual pada pameran sempena Hari Keluarga bagi mukim tersebut yang berlangsung beberapa tahun yang lalu.

Antara kampung-kampung yang terletak dalam Mukim Tanjung Maya ialah Kampung Tanjung Maya; Kampung Banggunggos; Kampung Bukit Udal; Kampung Lubok Pulau; Kampung Penapar; Kampung Sebakit dan Kampung Sungai Damit Pemadang. Mukim Tanjung Maya merupakan salah satu dari 38 mukim yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Dari segi pentadbiran, Mukim Tanjung Maya terletak dalam Daerah Tutong.

Produk kelapa dara antara produk yang terkenal di mukim ini.

Sepertimana di mukim-mukim lain di negara ini, mukim berkenaan tidak ketinggalan untuk menerima kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan seperti bekalan elektrik, air, telefon, masjid dan sekolah.



SABTU, 31 OKTOBER 2015

Bantu kerajaan tingkatkan ekonomi melalui pertanian

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim

KENALI Negara Kitani keluaran kali ini menyusur ke Daerah Temburong, membuat tinjauan ringkas ke sebuah kampung yang terletak di bawah tадahan Mukim Bangar. Kampung Batang Tuau, mungkin tidak dikenali oleh kebanyakan masyarakat di negara ini, namun kampung yang aman damai ini tidak kurang juga memainkan peranan membantu kerajaan untuk meningkatkan ekonomi di bumi tercinta ini khususnya dalam bidang pertanian.

Ini jelas terbukti dengan penglibatan para penduduk kampung dalam mengusahakan pengeluaran tanaman buah-buahan tempatan di ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB), di Kampung Seri Tanjung Belayang, yang juga merupakan kawasan di bawah tадahan Ketua Kampung Batang Tuau, Awang Haji Jainih bin Haji Tahir. Sejak dilantik menjadi Ketua Kampung Batang Tuau pada tahun 2005 beliau melihat kesungguhan para penduduk kampung dalam mengusahakan tanaman buah-buahan tempatan terutama melalui ladang berkelompok di kawasan ladang KPLB.

“Terdapat sebuah ladang kelompok berkeluasan 48 hektar yang telah menghasilkan beberapa buah tempatan seperti durian, rambutan, membangau, belunu dan sebagainya yang kebanyakannya diusahakan oleh warga kampung yang telah bersara dari Perkhidmatan Awam,” jelasnya.

Hasil tanaman warga kampung itu, katanya lagi, bukan hanya dipasarkan di Daerah Temburong malahan juga dipasarkan ke luar daerah terutama sekali ketika musim buah-buahan.



KAMPUNG Batang Tuau sebuah kampung yang terletak di bawah tадahan Mukim Bangar.

Selain untuk aktiviti dan menjana pendapatan harian, penglibatan para penduduk kampung dalam pengeluaran buah-buah tempatan itu juga adalah sebagai mendukung usaha berterusan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi meningkatkan hasil pengeluaran tanaman buah-buahan tempatan. Penglibatan mereka itu juga diharap akan dapat memberi kesedaran generasi baharu mengenai kepentingan pemuliharaan kepelbagaiannya buah-buahan tempatan dari pupus disebabkan oleh kepesatan arus pembangunan negara. Apa yang diharapkan para peladang akan mengusahakan ladang mereka secara teratur dan lebih bersistematik mengikut kaedah dan teknik serta amalan pertanian yang baik agar ia menjadi salah satu sumber pendapatan yang menguntungkan, di samping menjadi pemangkin kepada penjanaan dan peningkatan ekonomi negara.

SEJARAH KAMPUNG



Menurut Awang Haji Jainih, nama Kampung Batang Tuau berasal dari satu perkataan puak Murut yang mana orang-orang dahulu mengatakan bahawa puak Murutlah yang mula bermastautin di kawasan berkenaan.

“Sebenarnya Batang Tuau menurut orang Murut adalah batang pangkat, iaitu sejenis batang yang bertindih-tindih. Di Batang Tuau juga ada sebuah sungai yang keadaan batangnya bertindih-tindih, manakala di sebelah bukitnya terdapat sejenis burung yang digelar Burung Tuau oleh orang-orang Murut atau burung karuhai,” jelasnya.

KETUA Kampung Batang Tuau, Awang Haji Jainih bin Haji Tahir.

Selain selaku Ketua Kampung Batang Tuau, Awang Haji Jainih mempunyai tадahan sehingga ke Kampung Seri Tanjung Belayang dengan keluasan 759 hektar, manakala penduduknya pula seramai 539 orang terdiri daripada bangsa Melayu, Iban dan Cina di mana kebanyakannya penduduknya terdiri daripada golongan belia, di samping itu juga didiami juga oleh warga asing. Sebilangan penduduk di bawah jagaan Ketua Kampung Batang Tuau itu juga menerima bantuan dari pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti pencen umur tua, bantuan kebajikan, anak-anak yatim dan saudara baru.

Menurut Awang Haji Jainih, para penduduk kampung kebanyakannya bekerja dengan kerajaan, manakala yang sudah bersara pula membuat aktiviti sendiri seperti nelayan dan mengusahakan kebun kecil-kecilan. Dari segi aktiviti belia beliau menjelaskan bahawa golongan belia di kampung-kampung tadahannya memang aktif menyertai pelbagai aktiviti seperti bersukan serta aktiviti bergotong-royong.

Sepertimana kampung-kampung lain di negara ini, Kampung Batang Tuau juga tidak ketinggalan menerima kemudahan asas yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Antara kemudahan-kemudahan asas tersebut termasuklah jalan raya, telefon, bekalan air dan elektrik manakala satu-satunya Sekolah Rendah Tionghua di daerah ini telah dibina di kampung berkenaan, iaitu Sekolah Rendah Pai Yuek.



SEBAHAGIAN suasana ladang kelompok yang berkeluasan 48 hektar.



GAMBAR HIASAN ... Bangkatan bakal menarik perhatian para pengunjung ke 'Rimba Paya'.



SEKOLAH Rendah Pai Yuek satu-satunya Sekolah Rendah Tionghua di Daerah Temburong yang telah dibina di kampung ini.

PERANCANGAN MASA DEPAN

Melihat akan potensi ekopelancongan di kampung berkenaan, Awang Haji Jainih mendedahkan bahawa Majlis Perundingan Kampung berkenaan merancang untuk melaksanakan ekopelancongan yang mana ketika ini mereka telah menghadapkan permohonan untuk menggazetkan kawasan yang difikirkan bersesuaian. Seandainya kebenaran diberikan oleh pihak berwajib, jelasnya mereka berhasrat untuk mengusahakan 'Rimba Paya' yang terletak di kawasan sungai Kampung Batang Tuau. Menurutnya antara yang bakal menarik perhatian para pengunjung ke 'Rimba Paya' itu nanti ialah kehadiran sejenis binatang, iaitu bangkatan. Beliau berharap perancangan tersebut akan dapat dilaksanakan dengan jayanya di mana melalui ekopelancongan itu nanti diharap akan dapat meningkatkan kunjungan para pelancong ke Daerah Permata Hijau Brunei Darussalam ini.

N
o
v
e
m
b
e
r

SABTU, 4 NOVEMBER 2015

Penternak madu kelulut jana pendapatan lebih

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto: Hamzah Mohidin

MENYEBUT perkataan madu pastinya sudah terbayang dalam fikiran masing-masing dengan rasa manisnya yang enak dan hubungannya dengan lebah. Pastinya banyak orang telah merasai dan menikmati anugerah Allah ini namun tidak banyak pula yang tahu apa khasiat dan bagaimana pula ia diperolehi.

Madu yang merupakan sejenis cecair yang keluar dari perut lebah sangat dikenali oleh ramai orang di negara ini dan masyarakat dunia umumnya, ini selain sangat berguna sama ada bagi tujuan kesihatan tubuh badan mahupun bagi menyembuhkan pelbagai penyakit.

Malah khasiat madu ini juga turut disebutkan di dalam Al-Quran di dalam Surah Al-Nahl, ayat 68-69 yang kira-kira tafsirnya: *Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bungaan dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.*

Jelas madu yang berasal dari seri bunga dan tumbuhan ini adalah penawar bagi pelbagai penyakit, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari: *"Madu adalah penyembuh bagi semua jenis sakit dan Al-Quran adalah penyembuh bagi semua kekusutan fikiran (sakit fikiran)."*

Dari Aisyah Radhiallahuanha, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, amat gemar pada makanan yang manis-manis dan madu (Hadis riwayat Al-Bukhari).



KELULUT ketika aktif keluar masuk dari sarangnya.

Justeru pentingnya khasiatnya madu dari dulu hingga sekarang tidak dapat dipertikaikan lagi cuma ini bukan saja memberikan khasiat kepada kesihatan tubuh badan malah dapat meningkatkan perekonomian.

Jika waktu dulu madu diperolehi di hutan-hutan bebas namun kini ia boleh diperolehi dengan menternak lebah di kawasan atau persekitaran rumah.

Perkara ini dapat dibuktikan dengan adanya usaha yang dihasilkan oleh penduduk-penduduk Kampung Tungku/Katok menerusi usaha penternakan atau lebih tepatnya menghasilkan madu kelulut.

Penghasilan madu kelulut ini direncanakan akan menjadi jenama produk kampung berkenaan khususnya dalam menyahut seruan kerajaan untuk menjadikan satu produk satu kampung memandangkan keterlibatan para penduduk yang semakin meningkat dan menggemarinya.



BEGINILAH rupa sarang kelulut di bahagian atas di mana kelulut menyimpan madunya.

“Hasrat untuk menjayakan usaha ini bermula sejak tahun lepas melalui percubaan beberapa orang penduduk kampung dan melihat kejayaannya ia dilaratkan kepada penduduk kampung yang lain,” jelas Ketua Kampung Tungku/Katok, Awang Haji Ismail bin Haji Rajab.

Ketua Kampung Tungku/Katok menjelaskan, melihat perkembangan melalui penternakan itu Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) mencadangkan agar ia dijadikan *trademark* produk kampung berkenaan dan ia telah disambut dengan baik.

Hasil dari kesepakatan tersebut maka ditubuhkanlah satu jawatankuasa bagi penyelarasannya.



ANTARA log atau sarang-sarang kelulut yang diusahakan di kawasan rumah Awang Abd. Malik bin Haji Sijuan.

Awang Abd. Malik bin Haji Sijuan merupakan pesara dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Sebaik saja bersara, beliau telah mengambil masa selama enam bulan untuk mempelajari selok-belok penternakan ini sama ada melalui internet, kawan-kawan malah belajar dari salah seorang pengusaha di Daerah Tutong.

Katanya, penternakan ini sangat menyeronokkan malah madu yang dihasilkan oleh lebah (kelulut) merupakan ubat selain sebagai satu kemudahan penduduk di negara ini untuk mendapatkan madu asli dengan mudah.

Dengan memakan madu setiap hari akan menyebabkan kesihatan diri sendiri bertambah.

Namun beliau menegaskan sikap yang perlu ada pada diri seorang penternak ialah sifat sabar, jujur dan mempunyai pengetahuan dalam menghasilkan madu.

Katanya, rancangan jangka panjang ialah untuk menjadikan anak buah kampung terutama mereka yang berpendapatan rendah untuk bergiat mengusahakan penternakan ini kerana selain mudah diusahakan, tetapi juga menjanjikan pendapatan yang baik.

“Jika usaha ini berhasil saya berharap Kampung Tungku/Katok, akan terkenal dengan madu kelulutnya dan dalam sedikit masa lagi produk ini akan dilancarkan dengan logo pengeluarannya sekali setelah usaha penanaman nenas dan tembikai suatu ketika dulu tidak dapat diteruskan oleh beberapa sebab yang tidak dapat memungkinkan,” ujar beliau.

Dalam menyahut seruan ini salah seorang penduduk kampung yang bergiat aktif dalam penternakan kelulut ini ialah

Menyentuh mengenai pemasaran produk madu tersebut, beliau tidak menemui sebarang kesulitan malah permintaan orang ramai bagi produk berkenaan masih belum lagi terpenuhi sekalipun promosinya hanya melalui keluarga dan kawan-kawan walhal produk luar negeri juga bukan jadi hambatan baginya.

Beliau menyambut baik dengan munculnya penternak-penternak baru dalam penternakan ini namun sedikit mendatangkan keresahan di hatinya apabila orang ramai berlumba-lumba mendapatkan sarangnya di hutan namun kurang mempunyai pengetahuan mengenainya.

“Yang saya takutkan ialah kemusnahan habitat (kelulut) tersebut kerana orang sekarang apabila saja terjumpa sarang akan mengambil madu sepenuhnya tanpa memikirkan masa panjangnya,” ujar beliau.

Justeru bagi rancangan masa depannya beliau berharap semoga dengan pelancaran produk madu kelulut Kampung Tungku/Katok, itu nanti akan terus berjaya dan diperbesarkan penghasilannya serta pemasarannya yang sekali gus mendorong penduduk-penduduk kampung untuk terus aktif terlibat sama.

Katanya, tiada halangan bagi mana-mana penduduk dari kampung lain untuk mempelajarinya asal saja dengan niat yang betul.

Oleh itu, beliau menyarankan kepada penternak-penternak baharu yang akan memulakan usaha ini untuk mendapatkan dahulu pengetahuan termasuk risikonya serta mempelajari cara pengambilan sarang dan madunya.

Beliau yang mempunyai lebih 30 log (sarang) turut mengongsikan pengalaman bahawa bulan Oktober hingga Januari di negara ini kurang mendatangkan hasil kerana musim pendebungaan berkurangan namun akan menjadi lebih baik selepas bulan-bulan tersebut.

Katanya di negara ini terdapat lebih 30 jenis spesies lebah trigona (kelulut) dan antara jenis kelulut yang baik atau aktif bagi penghasilan madu ialah dari jenis Trigona Itama dan Trigona Thorasica (antadan), selain madu, dua lagi bahan lain dihasilkan oleh lebah kelulut ialah *bee bread*, iaitu campuran polen dengan madu, air liur dan cairan dari perut lebah yang boleh membantu masalah pencernaan dan fermentasi.

Sementara propolis pula merupakan campuran getah tanaman dan cairan khusus yang dikeluarkan oleh lebah dan ia dikatakan mempunyai khasiat perubatan yang tinggi.



SABTU, 7 NOVEMBER 2015

Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda masa kini

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman
dengan kerjasama Pusat Sejarah Brunei



SALAH satu pembangunan infrastruktur yang ketara di Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda ialah pusat komersialnya yang menawarkan pelbagai keperluan.

TAHUKAH awda pada mulanya Berakas merupakan sebuah kampung yang sangat luas namun sejak pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ia telah dibahagikan kepada dua bahagian menjadi Mukim Berakas ‘A’ dan Mukim Berakas ‘B’ disebabkan oleh kepesatan sektor pembangunan termasuk pembangunan perumahan.

Mukim Berakas ‘A’ mempunyai beberapa buah kampung termasuk beberapa kawasan perumahan yang dipimpin oleh Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husin dan salah sebuah kampung yang terkandung di dalamnya ialah Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda.

Menyebut tentang kampung ini masyarakat di negara ini pada umumnya lebih mengenal nama panggilan Kampung Delima atau Kampung Delima Satu sahaja berbanding dengan nama penuhnya itu.

Untuk mengetahui lebih lanjut, Ketua Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda, Pengiran Roslan bin Pengiran Haji Tuah menceritakan.



KETUA Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda, Pengiran Roslan bin Pengiran Haji Tuah ketika menceritakan susur galur ketua kampung berkenaan dari dulu hingga sekarang.

MENGENALI ASAL USUL

Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda merupakan sebuah kampung yang tapak kawasannya adalah kurnia Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien (Al-Marhum Seri Begawan) bermula pada tahun 1952.

Bermula saat itu sebahagian daripada para penduduk di Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda di Kampong Ayer sedikit demi sedikit mula berpindah bagi mendapatkan kawasan perumahan tersebut seluas dua ekar bagi setiap satu keluarga.

Awang Sugut bin Mahat dan Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Sulaiman merupakan orang yang bertanggungjawab ke atas kawasan yang telah diberikan itu untuk perlaksanaan wujudnya kampung berkenaan.

Luas kawasan bagi kampung tersebut pada ketika itu bermula dari kawasan Pusing Keliling dan Stesen Minyak TAIB, Berakas sehinggalah membawa

ke kawasan Bangunan Hua Ho Mall Manggis di Jalan Muara, manakala lebarnya pula menjangkau ke sebahagian kawasan Kampung Orang Kaya Besar Imas.

Pada mulanya, kebanyakan kawasan yang dianugerahkan ditanami dengan tanaman padi.

Menyentuh dengan nama Kampung Delima Satu ia diambil bersempena dengan nama sepohon pokok buah delima yang ditanam oleh Awang Sugut bin Mahat di belakang rumahnya.

Nama delima tersebut telah dibawa dalam perbincangan bersama penduduk-penduduk kampung yang akhirnya dipersetujui untuk menamakan kampung berkenaan sebagai Kampung Delima Satu.

Orang yang diamanahkan untuk memimpin kampung pada ketika itu selaku ketua kampung yang pertama ialah Awang Sugut bin Mahat. Setelah Awang Sugut bin Mahat meninggal dunia pada tahun 1957 dan pada tahun 1958 Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Sulaiman telah mengambil alih tugas selaku ketua kampung berkenaan.

Semasa memimpin kampung tersebut, Pengiran Haji Buntar telah mencadangkan agar nama Kampung Delima Satu dan Pengiran Siraja Muda disatukan dan cadangannya itu telah dipersetujui sehingga ke hari ini dikenali dengan nama Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda.

Malah nama tersebut juga telah mendapat perkenan apabila pada 14 Januari 1964, Al-Marhum Seri Begawan melalui Pegawai Daerah Brunei dan Muara telah memperkenankan nama yang telah dicadangkan itu.

Sejak saat itu maka rasmilah nama Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda. (Tarikh ini adalah berdasarkan tarikh yang didaftarkan daripada Pegawai Daerah Brunei dan Muara yang mana sijil akuan rasminya masih disimpan oleh Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Haji Buntar (anak Allahyarham Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Sulaiman).



KUMPULAN Tausyeh yang terus giat dijalankan oleh kaum wanita di kampung berkenaan.

Sebelum Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda ini diterokai, terdapat satu kawasan tempat tinggal puak Kedayan, ini berpandukan pada tanah perkuburan yang masih ada dan salah satu nama yang masih diingati itu ialah nama ‘Datu Kuncang’ dan tanah perkuburan lama serta batu nisan yang masih ada di Simpang 579, Jalan Kebangsaan Lama dan Simpang 179, Jalan Delima Dua, ujar Pengiran Roslan.

Namun menurut catatan Pusat Sejarah Brunei, iaitu menerusi hasil kajian mereka melalui pengisah cerita, Pengiran Haji Chuchu bin Pengiran Abdul Rahim yang merupakan salah seorang yang terlibat semasa perpindahan tersebut menceritakan asal mula kampung tersebut adalah berpunca daripada sepohon pokok delima yang ditanam oleh Awang Sugut bin Mahat di hadapan rumahnya.

Sebelum bernama Kampung Delima Satu, kampung tersebut dikenali sebagai Kampung Sungai Agat yang dihuni oleh orang-orang darat yang pekerjaan mereka adalah bercucuk tanam.

Pada ketika itu juga kebanyakan penduduk darat ini bekerja sebagai penoreh getah di Kompeni Estate Berakas selain bekerja dengan kerajaan.

Pada tahun 1955, atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien telah mengurniakan lot-lot tanah sebanyak dua ekar setiap satu keluarga bagi rancangan perpindahan pertama penduduk Kampong Ayer, iaitu terdiri dari Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda, Kampung Pandai Besi dan Kampung Setia Pahlawan.

Setelah lebih setengah abad bertapak, Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda kini terus mengalami perkembangan dan pembangunan yang pesat terutama dalam mengharungi saingan kemajuan yang bermula dari sebuah kawasan bercucuk tanam menjadi sebahagian dari kawasan Bandar Seri Begawan bermula 1 Ogos 2007.

Sebagai sebuah kampung dalam bandar, Kampung Delima Satu Pengiran Siraja Muda juga tidak terlepas dari menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam memenuhi tuntutan kebijakan rakyat dan penduduk di dalamnya sebagaimana yang dinikmati oleh kampung-kampung lain di negara ini.

Malah kampung ini juga sangat terkenal dengan kompleks komersialnya yang menawarkan berbagai-bagai pilihan kepada pelanggannya, di samping sering menjadi tumpuan kepada pelancong dari dalam dan luar negeri untuk berbelanja selain mempunyai satu pusat penjagaan kanak-kanak.

Bagi memastikan keselamatan kampung ini sentiasa terjamin, ketua kampung berserta ahli-ahli majlis perundingan kampungnya bersama Pasukan Polis Diraja Brunei sentiasa bekerjasama dalam membanteras sebarang kegiatan jenayah serta perkara-perkara yang menyalahi peraturan dan undang-undang negara dengan melakukan operasi kejiranan, iaitu melakukan rondaan pada waktu malam.

Sementara kumpulan tausyeh yang diwujudkan beberapa tahun lalu merupakan salah satu aktiviti penduduk kampung ini khususnya kaum wanita.

Dengan menerima sambutan yang sangat menggalakkan, kumpulan tausyeh ini sering mengikuti berbagai-bagai pertandingan yang dianjurkan oleh berbagai-bagai pihak selain mendapat tempahan untuk membuat persembahan daripada pihak-pihak tertentu termasuk pihak persendirian dan juga jabatan-jabatan kerajaan.



SABTU, 14 NOVEMBER 2015

Beri sokongan memajukan Kampung Belingos

Oleh: Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto: Ah Chua

TERLETAK kira-kira 5.6 (lima perpuluhan enam) kilometer dari Pekan Bangar, ketika perjalanan menuju ke Ulu Belalong di Mukim Amo, para pengunjung akan melewati sebuah kampung yang kelihatan tenang dan aman damai dikenali sebagai Kampung Belingos. Menurut cerita orang dahulu kala, nama kampung tersebut dinamakan oleh puak Murut bagaimanapun makna perkataan Belingos tidak diketahui. Nama itu mungkin berasal dari sebatang anak sungai yang dinamakan Sungai Belingos.

Kampung Belingos adalah di bawah pengawasan seorang Ketua Kampung, iaitu Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Selain Kampung Belingos, beberapa kawasan lain di sekitarnya, iaitu Kampung Lagau, Kampung Piungan, Kampung Bang Bulan, Kampung Kinalong, Kampung Subok, Kampung Simamang dan Pekan Bangar juga adalah di bawah pengawasan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman.

Keramaian penduduk di Kampung Belingos adalah seramai 58 orang sahaja dengan sembilan buah rumah persendirian yang mana kebanyakan penduduknya bekerja dengan sektor kerajaan dan selebihnya bertani serta bekerja sebagai nelayan. Di kampung inilah ditempatkan Stesen Janakuasa Elektrik yang membekalkan tenaga elektrik ke seluruh Daerah Temburong. Penduduk di Kampung Belingos serta kawasan sekitarnya juga menerima kemudahan asas yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air bersih, talian telefon dan tempat pembuangan sampah tepi-tepi jalan raya selain kemudahan awam seperti balai raya dan jambatan.



STESEN Janakuasa Belingos yang membekalkan bekalan elektrik ke seluruh Daerah Temburong.

MPK BELINGOS

Sepertimana kampung-kampung lain di negara ini, Kampung Belingos juga menubuhkan Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang mempunyai fungsi utama sebagai badan yang menjadi jentera penggerak dalam menyatupadukan masyarakat kampung ke arah kemajuan dan pembangunan yang meliputi pelbagai aspek kehidupan. MPK Belingos antara lain berperanan untuk merancang serta mengusahakan rancangan-rancangan tertentu bagi kebaikan dan kesejahteraan penduduk kampung, di samping membantu kerajaan dalam menjayakan rancangan kemajuan dan pembangunan yang diungkayahkan oleh pihak kerajaan.

ASPEK PEREKONOMIAN

Kampung Belingos juga tidak mahu ketinggalan dalam membantu kerajaan meningkatkan ekonomi melalui pelbagai perusahaan. Antara perusahaan yang dikendalikan di kampung ini ialah projek pertanian iaitu tanaman kulat tiram kelabu. Dengan modal daripada para penduduk kampung, projek bermula sejak bulan Februari 2009 di bawah program ‘Satu Kampung Satu Produk’. Selain itu, bantuan kewangan juga diberikan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



PONDOK di mana Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Belingos mengusahakan Perusahaan Kulat Tiram Kelabu, salah satu produk yang di bawah program ‘Satu Kampung Satu Produk’.



JALAN utama menuju ke Kampung Belingos, Mukim Bangar.

serta bantuan peralatan bangunan dari pihak swasta. Selain itu, penduduk kampung juga mengusahakan projek jeruk limau kasturi yang diusahakan sejak Jun 2014.

Sementara itu, projek pelancongan Inap Desa atau *home stay* juga diusahakan di kampung ini yang bermula sejak Januari 2008, diusahakan oleh Syarikat L & Hajijah dan Anak-Anak. Baru-baru ini projek pelancongan terus berkembang dengan wujudnya sebuah lagi Inap Desa yang diusahakan oleh salah seorang penduduk kampung.

Mengikut peratusan penduduk bagi Kampung Belingos dan kawasan



BALAI Raya Kampung Belingos yang menjadi pusat bagi pelbagai aktiviti yang dikendalikan oleh para penduduk kampung.

sekitarnya, 45 peratus penduduknya bekerja dengan sektor kerajaan. Bagi penduduk yang tidak bekerja dengan kerajaan, mereka bekerja atau berusaha sendiri seperti nelayan, bertanam padi, bertanam sayur-sayuran dan buah-buahan, menternak ayam pedaging (untuk dijual), kraf tangan, membuka restoran, membuat/menjual kuih-muih, membuka bengkel kereta, membuka bengkel enjin motor sangkut/mesin ringan.

KEGIATAN SOSIAL DAN RIADAH

Penduduk Kampung Belingos dan kawasan sekitarnya yang berbilang kaum dan agama dapat hidup dengan aman dan penuh harmoni. Bersatu padu dan tidak camah mata dalam melaksanakan apa jua aktiviti yang berkebaikan seperti mengadakan kempen gotong-royong, menyertai perhimpunan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ataupun majlis-majlis perayaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Hari Raya Korban, menghadiri majlis-majlis suka duka kampung dan sebagainya.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad yang juga selaku Ketua Kampung Belingos.

KEGIATAN SUKAN

Dalam bidang sukan pula, salah seorang penduduk Kampung Bang Bulan telah mengharumkan nama Kampung Belingos dan kawasan sekitarnya malahan mengharumkan Daerah Temburong dan Negara Brunei Darussalam. Menurut Yang Berhormat, penduduk tersebut merupakan pelari yang disegani dan kerap kali menjuarai apa jua acara-acara larian jauh. Antara acara sukan yang pernah beliau serta ialah Cabaran Bukit Patoi. Selain itu, ujar Yang Berhormat lagi antara kegiatan sukan yang nampak ketara diminati oleh belia-belia di Kampung Belingos dan kawasan sekitarnya ialah lumba basikal.

KEGIATAN KEAGAMAAN DAN KEBUDAYAAN

Dalam bidang keagamaan, Yang Berhormat menjelaskan, para penduduk Kampung Belingos yang beragama Islam tidak ketinggalan dari mengikuti acara-acara bercorak keagamaan seperti perarakan Maulidur Rasul, majlis korban sempena Hari Raya Aidiladha dan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung yang diadakan dalam bulan Ramadan dan sebagainya.

Sementara dalam bidang kebudayaan pula katanya, meskipun kurang menonjol, para penduduk Kampung Belingos dan kawasan sekitarnya tetap mengambil perhatian terhadap bidang tersebut dengan memberikan pendedahan kepada anak-anak muda dalam apa jua bentuk hiburan muzik tradisi yang diperlukan. Setiap tahun Ahli-ahli MPK Belingos dan kawasan sekitarnya mengadakan Majlis Ramah Mesra bersama penduduk kampung dan sebagai acara hiburan dijalankan semasa majlis tersebut.

Yang Berhormat melahirkan harapan agar para penduduk kampung memberikan kerjasama yang padu terhadap apa jua perancangan melalui MPK dengan memberikan sokongan dan dorongan semata-mata untuk memajukan dan memberikan kesejahteraan kampung berkenaan. Dengan adanya semangat bersatu padu dan saling bekerjasama sepertimana yang diharapkan itu ujar Yang Berhormat lagi maka Kampung Belingos dan kawasan sekitarnya diharap tidak akan jauh ketinggalan dari kampung-kampung lain dalam apa jua aktiviti yang dirancang.

SABTU, 21 NOVEMBER 2015

Menyelusuri sejarah Kampung Jaya Bakti/ Jaya Setia

Oleh: Norliah Md. Zain
dengan kerjasama Pusat Sejarah Brunei
Foto: Azmah Haji Ahad

KAMPUNG Jaya Bakti dan Kampung Jaya Setia merupakan dua buah kampung perpindahan yang terletak di Mukim Berakas ‘A’. Kedua-dua kampung ini ditadbir oleh Awang Haji Nordin bin Haji Awang Bakar. Ketua kampung ini juga merupakan Pemangku Ketua Kampung Burong Pingai Berakas.

SEJARAH KAMPUNG JAYA BAKTI

Pengiran Haji Damit bin Pengiran Ahmad menjelaskan, beliau berpindah ke Kampung Jaya Bakti pada tahun 1966. Kawasan ini merupakan kawasan perumahan yang diperuntukkan untuk pegawai-pegawai kerajaan sahaja. Tanah yang diberikan adalah seluas tiga suku ekar kepada setiap penerima. Rumah-rumah yang dibangunkan di kampung ini kebanyakannya menggunakan *government loan* (wang pinjaman kerajaan).

Menurut Awang Haji Metali bin Abdul Razak (Allahyarham), bahawa asal usul Kampung Jaya Bakti hanyalah dari sebuah kawasan pokok getah. Sewaktu beliau mula-mula berpindah dahulu bangunan-bangunan kerajaan belum dibangunkan. Walau bagaimanapun, kerajaan mengusahakan segala kemudahan seperti menembok jalan. Sesudah semuanya selesai diusahakan, penduduk kampung dipanggil untuk mencabut undi bagi menentukan kedudukan rumah. Penduduk Kampong Ayer berpindah ke Kampung Jaya Bakti bermula pada 1 Julai 1966 secara berperingkat-peringkat. Penduduk kampung majoriti berbangsa Melayu yang berasal dari Kampong Ayer antaranya dari Kampung Burong Pingai, Kampung Saba dan Kampung Tamoi.

Kampung Jaya Bakti dikhaskan bagi kakitangan kerajaan. Penduduk kampung membina rumah dengan menggunakan pinjaman wang kerajaan masing-masing. Bagi penduduk Kampung Jaya Setia yang tidak bekerja mereka disediakan kedudukan rumah setengah ekar dan pulau getah empat ekar. Pokok getah empat ekar diusahakan bagi membayar hutang rumah tersebut. Bagi penduduk kampung yang hendak menambah rumah hendaklah membuat pelan terlebih dahulu dan dirujuk kepada Jabatan Perpindahan Perumahan.



KETUA KAMPUNG Jaya Bakti dan Kampung Jaya Setia, Awang Haji Nordin bin Haji Awang Bakar, yang juga selaku Pemangku Ketua Kampung Burong Pingai Berakas.

SEJARAH KAMPUNG JAYA SETIA

Sementara itu, Dayang Hajah Piah binti Osman (Allahyarham) pula menjelaskan bahawa pada asalnya Kampung Jaya Setia adalah rancangan perpindahan perumahan kerajaan bagi penduduk dari Kampong Ayer ke darat. Penduduk yang berpindah mengikuti rancangan perpindahan perumahan kerajaan itu berasal dari Kampung Sungai Kebun, Kampung Saba dan lain-lain kampung. Pengisah sekeluarga adalah berasal dari Kampung Sungai Kebun. Rancangan perpindahan ini bermula pada tahun 1965, yang diberikan kepada pemohon-pemohon dengan keluasan setengah ekar, sementara empat ekar adalah diperuntukkan untuk berkebun dan bercucuk tanam di mana hasilnya nanti untuk membayar balik hutang rumah tersebut kepada kerajaan. Semua kemudahan seperti jalan raya, bekalan api elektrik dan air bersih disediakan oleh kerajaan. Rancangan perumahan perpindahan ini didirikan satu tingkat sahaja dengan berdindingkan kayu. Kemudian barang siapa yang mempunyai kemampuan boleh berbuat demikian dengan menambah di bawah rumah.

Awang Haji Ibrahim bin Haji Abdul Rahman (Allahyarham) pula menjelaskan, keluarganya berpindah ke Kampung Jaya Setia pada 10 September 1965. Di sini sambil memotong getah di kawasan Berakas Estate sebagai pendapatan sampingan untuk membayar balik hutang dengan rumah beliau. Sebenarnya Kampung Jaya Setia adalah Skim Perpindahan Perumahan Kerajaan bagi



SEORANG penduduk, Awang Haji Abdul Rahim menyatakan, Berakas Estate sudah tinggal kenangan.

penduduk Kampong Ayer yang berpindah ke darat yang terdiri dari Kampung Tamoi, Kampung Saba, Kampung Pandai Besi dan Kampung Sungai Kebun. Rumah-rumah di sini dibina cuma setingkat sahaja sebanyak 50 buah rumah yang berdindingkan papan dengan keluasan tanah tiga suku ekar untuk bercucuk tanam bagi menampung keperluan harian.

Menurut Dayang Hajah Damit binti Lakim (Allahyarham), pada mulanya kawasan Kampung Jaya Setia hanyalah hutan dan merupakan pulau getah. Semasa pengisah berpindah ke kampung tersebut kemudahan seperti bekalan air bersih dan bekalan api elektrik sudah disediakan oleh kerajaan dan hanya terdapat dua tiga buah rumah sahaja ketika itu.

Kebanyakan penduduknya berasal dari Kampong Ayer seperti dari Kampung Pengiran Kerma Indera Lama, Kampung Pengiran Bendahara Lama, dan Kampung Saba. Kebanyakan penduduk masa itu berkebun ubi kayu dan hasilnya dijual kepada penduduk kampung dengan pendapatan lebih kurang BND30 sehari.



MASJID Sufri Bolkiah Perpindahan Berakas.

SEJARAH KAMPUNG BURONG PINGAI BERAKAS

Menurut Awang Haji Metali bin Abdullah (Allahyarham), Kampung Burong Pingai Berakas ialah susulan daripada Kampung Perpindahan Bunut yang diilhamkan oleh dua adik-beradik, iaitu Allahyarham Begawan Mudim Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Pehin Datu Imam Haji Awang Mokti dan Allahyarham Haji Awang Mohd. Yusuf bin Pehin Datu Imam Haji Awang Mokti yang ketika itu menetap di Kampung Burong Pingai Ayer. Dua adik-beradik yang menjadi pengasas dan perancang perpindahan ini telah berjaya mendapatkan tapak perumahan yang menampung 40 keluarga. Tapak perumahan ini terletak di pinggir sungai yang dijadikan sebagai alat penghubung utama pada masa itu. Dalam rancangan perpindahan ini setiap keluarga hanya diperuntukkan setengah ekar dan wang sagu hati sebanyak BND350 untuk perbelanjaan pengangkutan peralatan sementara peruntukan untuk pembinaan rumah adalah biaya peserta rancangan.

Hampir semua penduduk yang menyertai rancangan ini merupakan satu keluarga berasal dari Kampung Burong Pingai Ayer telah bersetuju untuk mengekalkan nama kampung ‘Kampung Burong Pingai’ sebagai nama kampung baharu mereka. Hanya dibezakan dengan perkataan ‘Ayer’ dan ‘Berakas’ sahaja. Rumah pertama dibina di kampung tersebut ialah rumah Allahyarham Begawan Mudim Dato Seri Setia Awang Adanan. Seterusnya pada tahun 1953, rumah Tuan Haji Ghafar bin Abdul Hai pula telah dibina di kampung tersebut.

PRODUK KAMPUNG

Majlis Perundingan Kampung (MPK) ini telah mengenal pasti beberapa projek yang berpotensi untuk dijadikan Satu Kampung Satu Produk (1K1P), antaranya ialah produk daripada kelapa, pertukangan besi/*stainless steel* (beberapa belia telah menjalani kursus dalam kerja-kerja *stainless steel* pada Jun 2013) dan bertani secara fertigasi.

Tumpuan telah diberikan kepada pertanian fertigasi di mana tapak projek telah pun dikenal pasti, iaitu tapak lama pasar. Beberapa orang penduduk yang terdiri dari ahli MPK dan para belia telah pun menjalani pertanian fertigasi ini.

AKTIVITI

Kampung-kampung di bawah pentadbiran Awang Haji Nordin ini juga aktif dalam mengendalikan pelbagai aktiviti.

Misalnya pada 4 Jun 2015, kampung-kampung ini dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Penjara telah mengendalikan Ekspo Jualan 1K1P, dan Hasil Kraf Tangan, Pertanian serta Pameran Jabatan Penjara berlangsung selama empat hari bermula 4 hingga 7 Jun 2015 di ruang legar, Pusat Membeli-Belah Times Square. Ekspo tersebut merupakan anjuran Perundingan Mukim Berakas ‘A’. Pelbagai produk ditampilkan seperti hasil kraf tangan, pertanian dan makanan-makanan kering.



PARA belia ketika menjalani kursus stainless steel.

Ekspo ini bertujuan untuk mengetengahkan dan memperlihatkan kepada masyarakat hasil kerja tangan penghuni-penghuni Penjara Lelaki dan Penjara Wanita yang selama ini mungkin kurang diketahui oleh masyarakat umum, di samping bagi mendukung penghasilan produk mukim dan kampung dan seterusnya membuka peluang perniagaan kepada penduduk-penduduk kampung yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Ke arah sama-sama memupuk semangat patriotik dan menanamkan sifat kecintaan terhadap Negara Brunei Darussalam, MPK Jaya Setia/Jaya Bakti dan Burong Pingai Berakas juga tidak ketinggalan untuk mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 tahun pada 9 Februari 2014.



BERTANI secara fertigasi.

KESELAMATAN

Bagi memastikan keselamatan kampung sentiasa selamat untuk didiami, satu rondaan di kawasan di bawah jagaan Awang Haji Nordin telah diadakan bagi memantau kawasan *hotspot* pada hari Sabtu, 24 Oktober 2015 bermula jam 8.30 malam. Taklimat Situasi Jenayah dan Keselamatan yang sentiasa dipantau di kampung itu telah diadakan di rumah Ketua Kampung Jaya Bakti/Jaya Setia/Burong Pingai Berakas, Awang Haji Nordin bin Haji Awang Bakar. Ketika itu rondaan melibatkan seramai tujuh orang Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung itu dan anggota Balai Polis Berakas.



SABTU, 28 NOVEMBER 2015

Kampung Rimba bakal miliki Taman Rekreasi Bukit Laicupu

Oleh: Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto: Hernie Suliana Haji Othman

KAMPUNG Rimba yang terletak di kawasan Mukim Gadong ‘A’ mempunyai keluasan 583.14 hektar persegi dengan jumlah peratus penduduknya terdiri dari bangsa Melayu 96 peratus bersamaan 6,002 orang penduduk diikuti bangsa Cina 2.40 peratus (150 orang) dan bangsa India 1.60 peratus (100 orang).

Menurut Ketua Kampung Rimba, Awang Puspa Wira bin Haji Md. Noor, 44 tahun dan mula berkhidmat sejak 1 Oktober 2003 menjelaskan, asal usul nama Kampung Rimba adalah dari perkataan rimba (hutan tebal). Dipercayai dari cerita orang tua-tua dari mulut ke mulut, pada masa itu para penduduknya mencari rezeki dengan menerokai hutan rimba untuk bertani dan seterusnya menjadikannya sebagai tapak permulaan kehidupan dari Sungai Baloi dan berpindah randah sehingga sampai berdekatan ke Pantai Tungku dan terus ke tapak kampung sekarang.

“Dipercayai juga masuknya syiar Islam ke Kampung Rimba adalah daripada mubaligh-mubaligh Arab yang sering bermiaga melalui Laut China Selatan dan secara tidak langsung telah menyampaikan ajaran agama Islam yang mana dulunya seorang mubaligh Arab yang belayar melalui Laut Cina Selatan telah dipukul ribut dan karam di Kuala Sungai Pulau Punyit. Dalam masa menunggu bantuan kapal lain, beliau telah mengajarkan ajaran agama Islam dan telah berkahwin dengan anak ketua puak Kedayan pada masa itu,” ujar beliau.

Mengikut keterangan beliau, Perumahan Kampung Rimba terbahagi kepada lima bahagian, iaitu Perumahan Kampung Rimba Asal, Perumahan Skim Perpindahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ), Perumahan Skim Penempatan Semula Kampung Sungai Kedayan, Pemancha Lama, Ujong Tanjong, Perumahan Skim Ekspo 2000, Perumahan Rumah Pangsa Kerajaan, Perumahan Rumah Pangsa Persendirian (Sewa), Bangunan Blok Perniagaan dan Rumah Kedai.



KETUA Kampung Rimba, Awang Puspa Wira bin Haji Md. Noor.

Mengikut bilangan rumah di Kampung Rimba ia terbahagi kepada sembilan jenis, iaitu rumah penduduk Kampung Rimba Asal sebanyak 358 buah, rumah Perpindahan Berkembar 174 buah, sementara rumah Perpindahan Biasa sebanyak 70 buah, Rumah Ekspo 2000 39 buah, rumah Pangsa Kakitangan Kerajaan 32 buah ($32 \times 6 = 192$ pintu), rumah Pangsa Persendirian tujuh buah (60 pintu) dan Bangunan Blok Perniagaan enam buah (60 pintu) serta lima buah rumah kedai dan dua buah sekolah swasta.

Menurut Ketua Kampung Rimba pula sebanyak 690 buah bangunan terdapat di kampung ini, manakala jumlah keluarga yang tinggal di kampung ini pula sebanyak 893 keluarga dengan jumlah penduduknya sebanyak 6,266 orang terdiri daripada 3,817 berumur di bawah 18 tahun dan 18-59 tahun pula sebanyak 2,306 dan 143 mereka yang berumur di atas 60 tahun.

Seperti juga di kampung-kampung lainnya, Kampung Rimba turut mempunyai Klinik Kesihatan, Klinik Buah Pinggang, Institut Perkhidmatan Awam, Pusat Perdagangan Hortikultur, Askar Simpanan Diraja Brunei dan Polis Tentera Diraja Brunei. Selain itu, Kampung Rimba juga mempunyai beberapa kemudahan antaranya masjid, jalan raya, bas awam, bekalan air dan api elektrik, kedai runcit, pasar raya mini, kedai makan, *cyber cafe* dan *hardware store*.

Menyentuh tentang kesejahteraan penduduk kampung ini terutama kepada warga emas pula tambahnya, sejumlah 143 penerima Pencen Tua terdiri daripada 117 warga Melayu, 26 Cina, dan jumlah yang diterima kseluruhan dari penerima-penerima Pencen Tua sebanyak BND35,750, seorang penerima Pencen Buta, lima penerima Pencen Gila dan 10 penerima Pencen Cacat.

TAMAN REKREASI BUKIT LAICUPU

Antara aktiviti yang dilibatkan bersama penduduk kampung ini jelas beliau pula seperti membersihkan dan membuat trek Taman Rekreasi Bukit Laicupu bagi memperkenalkan kepada orang ramai untuk mengadakan tempat riadah bersama keluarga, berjoging, membuat kajian berjenis-jenis tumbuhan dan hidupan serangga yang dilakukan oleh para pelajar sekolah nanti.

Ujarnya lagi, dengan terbinanya taman rekreasi itu nanti dapatlah anak-anak remaja dan belia-belia terhindar daripada gejala-gejala sosial yang tidak berfaedah, lepak di kompleks-kompleks perniagaan.



LALUAN bukit yang dijadikan tempat beriadah di Kampung Rimba.

AKTIF

Selain itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK) ini juga menurutnya aktif dalam membersihkan tanah perkuburan Islam yang terdapat di Kampung Rimba secara bergotong-royong bersama Ahli-ahli Jawatankuasa MPK dengan penduduk Kampung Rimba dalam bulan Syaaban dan Ramadan, mengadakan perjumpaan dengan Pengarah Pengajian Islam mengenai permohonan sekolah agama yang masih belum mendapat jawapan, mengadakan tadarus dan seterusnya majlis berbuka puasa ke rumah-rumah Ahli Jawatankuasa MPK sepanjang bulan Ramadan.

MPK di kampung ini tambahnya, juga aktif dalam acara tahunan Ekspedisi Berbasikal dan Amalan Hidup Sihat kali Ke-4, mengadakan acara korban sempena Hari Raya Aidiladha, menganjurkan acara sukan futsal, menganjurkan acara Sukan Muhibbah Keluarga Mukim Gadong ‘A’ dan membuat lawatan sambil belajar.

Bagi perancangan masa depan dan kesejahteraan penduduk kampung pula menurut Ketua Kampung Rimba, mereka merancang untuk menjadikan Dewan Serbaguna yang terletak di kawasan Perumahan Kerajaan di Simpang 256-23, Kampung Rimba sebagai Pusat Pentadbiran MPK Kampung Rimba bagi menjana ekonomi dan kesejahteraan penduduk kampung selain menyediakan tempat bagi melakukan aktiviti sukan, restoran, tempat pameran kraf tangan dan makanan hasil penduduk kampung. Selain itu, penduduk kampung ini juga mencadangkan bagi rancangan pembinaan Sekolah Ugama Mukim Gadong ‘A’ yang mana cadangan ini sudah pun dihadapkan ke Jabatan Pengajian Islam.

D
i
s
e
m
b
e
r

SABTU, 05 DISEMBER 2015

STKRJ Kampung Katok ‘A’ terus membangun

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md Noor

DENGAN perjalanan kira-kira 11.2 kilometer dari Bandar Seri Begawan, kita akan sampai ke perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Katok ‘A’, Tungku Kawasan 3, Mukim Gadong ‘A’.

STKRJ Kampung berkenaan adalah di bawah pengawasan seorang Ketua Kampung, iaitu Awang Haji Adanan bin Haji Bagol bekas Pengajar Teknik Kanan. Mula dilantik dalam jawatan tersebut pada 2 Jun 2015 dengan berkelulusan akademik Diploma Tertinggi Kebangsaan in Building Studies di Lancashire Polytechnic, United Kingdom pada tahun 1990.



KETUA Kampung STKRJ Kampung Katok ‘A’, Tungku Kawasan 3, Mukim Gadong ‘A’, Awang Haji Adanan bin Haji Bagol.

Dengan keluasan 69.15 hektar (152.13 ekar), kawasan ini mempunyai keramaian penduduk 1,894 sehingga bulan Ogos 2015. Kawasan yang diawasi oleh beliau ialah bermula Simpang 355-21 rumah jenis ‘E’, iaitu 706 orang, Simpang 355-86 jenis rumah ‘D’, iaitu 534 orang, manakala Simpang 355-101 jenis rumah ‘C’ mencatatkan 492 orang dengan jumlah keseluruhan 1,732 orang mengikut jumlah banci 2014. Dari jumlah tersebut penghuni yang berumur 18 tahun ke atas ialah 1,409 orang dan penghuni berumur di bawah 18 tahun ialah 485 orang.

Beliau semasa ditemu ramah di rumahnya di No. 4, Simpang 355-101, Kampung Katok ‘A’ dalam Program Sua Muka (Personal Contact) anjuran Jabatan Penerangan, menjelaskan bahawa di bawah skim yang dicatatkan terdapat rumah sebanyak 272 buah dan 112 pintu berek kerajaan.

Ketua kampung juga menceritakan penerima bantuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu 39 penerima pencen tua dan 38 adalah penerima bantuan kebajikan. Penduduknya kebanyakannya bekerja dengan sektor kerajaan dan selebihnya berniaga sendiri.



SUASANA persekitaran Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Katok ‘A’.

Kawasan STKRJ ini mempunyai penduduk yang majoriti Melayu menubuhkan Majlis Perundingan Kampung (MPK) pada 22 November lepas dengan melantik penasihatnya, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail, Pengurus Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan. Sejauh ini para penduduk kampung berkenaan mengadakan Majlis Menaikkan Bendera Negara dan mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Awang Haji Adanan juga memberitahu bahawa *walkathon* silaturahim kawasan STKRJ berkenaan akan diadakan pada hari Ahad, 6 Disember dengan bertujuan suai kenal untuk mengerakkan perpaduan dan bermula pukul 6.30 pagi.



AHLI-AHLI MPK sedang mengadakan mesyuarat membincangkan aktiviti-aktiviti kampung.

HARAPAN

Beliau juga menyarankan harapan agar para penduduk kampung memberikan kerjasama yang padu terhadap apa jua perancangan dengan memberikan sokongan dan dorongan semata-mata untuk kemajuan dan kesejahteraan kampung berkenaan. Dengan adanya semangat bersatu padu dan saling bekerjasama sepertimana yang diharapkan kawasan STKRJ tidak akan jauh ketinggalan dari kampung-kampung lain dalam apa jua aktiviti yang dirancang dengan misi mengekalkan perpaduan dengan iman dan takwa.



SABTU, 12 DISEMBER 2015

Kampung Menglait pesat membangun

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Haniza Abdul Latif, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



KETUA Kampung Menglait, Haji Awang Mohdar bin Haji Awang Ahmad.

RUANGAN Kenali Negara Kitani kali ini membawa para pembaca ke Kampung Menglait yang merupakan salah sebuah kampung yang terletak di bawah Mukim Gadong ‘B’. Kampung Menglait dan sekitarnya diketuai oleh Haji Awang Mohdar bin Haji Awang Ahmad yang mempunyai lebih 7,000 penduduk di bawah jajahannya. Keluasan Kampung Menglait ini ialah kira-kira 83.15 hektar.

Seperti kampung-kampung lain yang ada di negara ini, Kampung Menglait juga mempunyai kemudahan-kemudahannya tersendiri. Antaranya ialah sebuah sekolah menengah, pejabat pos, kompleks sukan dan stesen minyak.

Kawasan ini sememangnya agak pesat membangun dan menjadi tumpuan perniagaan. Bangunan pasar raya dan kedai-kedai sememangnya tumbuh bagai cendawan. Oleh itu, kawasan ini agak sibuk kerana sering menjadi tumpuan orang ramai.



KOMPLEKS Sukan Menglait tempat berlangsungnya acara-acara sukan yang berprestij antaranya Sukan Asia Tenggara (SEA Games) dan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN.



PAPAN tanda menuju ke Kampung Menglait.

KOMPLEKS SUKAN MENGLAIT

Kompleks Sukan Menglait mempunyai dua buah padang bola sepak, sebuah dewan sukan (gelanggang sukan dalam), gelanggang sukan luar, sebuah dewan seni mempertahankan diri dan sebuah asrama.

Dikompleks ini jugalah berlangsungnya acara-acara sukan yang berprestij antaranya Sukan Asia Tenggara (SEA Games) pada tahun 1999 dan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN yang diadakan pada bulan November yang lalu.

Sukan-sukan yang diadakan termasuk bola sepak, badminton, *netball*, sepak takraw, bola keranjang, bola tampar, pingpong dan sukan-sukan seni mempertahankan diri, iaitu karate, taekwando, silat dan judo.



JALAN dan jambatan penghubung jalan dari kawasan jabatan-jabatan kerajaan di kawasan Lapangan Terbang Lama Berakas menghala ke Kampung Menglait.



BANGUNAN komersial yang pesat membangun.

JAMBATAN PENGHUBUNG

Jalan dan jambatan penghubung jalan dari kawasan Lapangan Terbang Lama Berakas menghala ke Kampung Menglait kini dibuka kepada orang ramai bagi melancarkan perjalanan trafik di persimpangan Jalan Kumbang Pasang dan Lebuhraya Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang sering berlaku kesesakan.

Pembinaan jalan dan jambatan penghubung jalan dari kawasan Lapangan Terbang Lama Berakas menghala ke Kampung Menglait merupakan projek kedua di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) yang mengambil tempoh selama 28 bulan bermula 2 Julai 2012 dengan menelan belanja sebanyak BND8,473,341.

Pembinaan jalan dan jambatan penghubung itu telah dapat meringankan kesesakan jalan raya di kawasan berkenaan di mana lazimnya pengguna jalan raya menggunakan jalan lebuh raya untuk menuju ke destinasi yang dituju. Selain itu, ia juga menyediakan jalan laluan alternatif bagi memudahkan perjalanan di antara kawasan Gadong dan Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan.



SABTU, 19 DISEMBER 2015

Pembangunan pesat Kampung Sungai Kebun

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Foto: Mohamad Azmi Awang Damit.

KAMPUNG Sungai Kebun terletak dalam pentadbiran Mukim Sungai Kebun. Mukim Sungai Kebun juga merangkumi beberapa buah kampung lain termasuk Kampung Bolkiah ‘A’ dan ‘B’, Kampung Sungai Si Amas dan Ujong Klinik.

Kampung berkenaan kini sibuk dengan pembinaan projek jambatan yang menyeberangi Sungai Brunei dari Kampung Sungai Kebun ke Jalan Residency, ia akan dapat menghubungkan dua buah kawasan utama di negara ini iaitu Bandar Seri Begawan dan Mukim Lumapas dan sekali gus masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Bengkurong Masin dan Jalan Tutong akan dapat dikurangkan.

Sesudah selesai projek jambatan itu, para penduduk terutama yang tinggal di Kampong Ayer akan menggunakan kemudahan seperti letak kereta di kawasan Kampung Sungai Kebun dan sekitarnya. Kawasan letak kereta itu bukan sahaja menjadi kemudahan kepada penduduk setempat malah kepada para pelancong sekali gus dapat mempromosikan sektor pelancongan yang berkunjung ke negara ini.

Seperti yang kita sedia maklum, penduduk di Mukim Lumapas dan sekitarnya terpaksa menggunakan laluan yang amat jauh untuk menuju ke pusat bandar dan seringkali mengalami kesesakan terutama di waktu sibuk. Sedangkan kedudukan geografi mukim tersebut lebih dekat dengan pusat bandar berbanding kawasan Bengkurong dan sekitarnya.

Menurut perangkaan Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya, lebih 18,000 buah kenderaan setiap hari yang datang dari Mukim Lumapas dan sekitarnya, menggunakan laluan Jalan Bengkurong Masin untuk menuju ke kawasan-kawasan utama, dengan tujuan menghantar anak ke sekolah atau bekerja. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa. Keadaan ini akan semakin meruncing lagi dengan pertumbuhan Skim Perumahan di Mukim Lumapas dan sekitarnya serta aktiviti-aktiviti perekonomian yang lain.



PEMBINAAN projek jambatan yang menyeberangi Sungai Brunei dari Kampung Sungai Kebun ke Jalan Residency kini rancak dalam pembangunan.

Projek jambatan di Sungai Kebun ini mengambil kira beberapa kriteria yang utama di mana konsep reka bentuk harus memberi impak positif kepada peredaran trafik, reka bentuk yang *iconic* yang dapat dijadikan sebagai mercu tanda di negara ini kerana kedudukannya yang terletak di persekitaran Bandar Seri Begawan serta kos pembinaan yang berpatutan.

Menyentuh mengenai profil Kampung Sungai Kebun ini, ia adalah di bawah pengawasan seorang ketua kampung iaitu Awang Haji Marali bin Haji Matzin dengan mempunyai keramaian 760 orang penduduk terdiri dari 399 orang lelaki dan 361 orang wanita. Rumah-rumah kediaman yang didirikan ialah 118 buah.

Seperti kampung lain, ia mempunyai sebuah sekolah agama dikenali dengan Sekolah Ugama Sungai Kebun yang dibina pada tahun 1963 sebelumnya dikenali Sekolah Melayu Sungai Kebun.

Mulai tahun 1975 sekolah ini berpindah ke bangunan kekal yang masih digunakan hingga masa ini. Kedudukan sekolah ini berhampiran dengan masjid dan balai bomba. Keluasan kawasan sekolah ini ialah 376' x 108'. Ia diperbuat daripada simen dan kayu. Bangunan sekolah ini mempunyai tiga buah blok yang menempatkan Bilik Guru Besar, Bilik Guru-Guru, Bilik Sumber, Bilik ICT, Perpustakaan, Bilik-Bilik Darjah dan Dewan.

Sekolah ini mula digunakan pada 1 Oktober 1975 dan dikenali sebagai Sekolah Rendah Sungai Kebun Kawasan Brunei I. Manakala pada tahun 2004, sekolah ini telah dipilih untuk melaksanakan sistem Penglaratan Sekolah Sehari Suntuk (P3S) iaitu bermula pada 16 Februari 2004.

Ketua Kampungnya semasa ditemu ramah di rumah kediamannya, dalam Program Sua Muka (Personal Contact) anjuran Jabatan Penerangan berkata, kampungnya juga menikmati banyak kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti masjid, sekolah-sekolah, klinik, bekalan air, elektrik, telefon dan jalan raya. Kemajuan dari segi infrastruktur di mukim ini juga nampak menonjol apabila siapnya projek jambatan di Sungai Kebun yang akan menjadi tumpuan orang ramai.

MASJID AL-MUHTADEE BILLAH

Kampung ini juga mempunyai sebuah masjid yang dikenali dengan nama Masjid Al-Muhtadee Billah terletak di pinggir Sungai Brunei telah dibina pada 17 September 1983 di atas tapak tanah seluas 0.56 ekar dan siap pembinaannya pada 27 Mei 1987 dengan perbelanjaan sebanyak \$3,369,653.28.

Masjid ini telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Jumaat, 20 Zulkaedah 1407H bersamaan dengan 17 Julai 1987M bersempena Hari Keputeraan Baginda. Kapasiti masjid ini boleh menampung seramai 1,100 orang jemaah. Salah satu kemudahan yang terdapat di masjid ini ialah bilik kelengkapan menyempurnakan jenazah dan bilik kutubkhanah. Masjid ini juga boleh dikunjungi melalui jalan darat.



SABTU, 19 DISEMBER 2015

Kemakmuran Kampung Bolkiah ‘B’

Oleh: Norliah Md. Zain

KAMPUNG Bolkiah ‘B’ merupakan sebuah kampung yang terletak di Kampong Ayer di bawah Mukim Sungai Kebun. Kampung ini ditadbir oleh seorang ketua kampung iaitu Awang Shamsuddin bin Hajji Maidin.

Menurut statistik banci penduduk 2011 yang dikeluarkan oleh JPKE, Kampung Bolkiah ‘B’ dihuni oleh 1,452 penduduk yang terdiri daripada 752 lelaki dan 700 wanita. Sebanyak 204 buah tempat kediaman yang terdapat di kampung ini. Istimewanya kampung ini ialah ia merupakan sebuah kampung yang dibina di bawah Skim Perumahan Kampong Ayer di bawah seliaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Sepertimana Kampung Bolkiah ‘A’, kewujudan Kampung Bolkiah ‘B’ ini juga untuk menampung keperluan penduduk yang terlibat dalam kebakaran pada tahun 1993.

Pembinaan rumah di Kampung Bolkiah ‘B’ merupakan fasa kedua yang mana ketika itu sebanyak 250 buah rumah dibina. Dua jenis rumah dibina di kampung ini iaitu jenis ‘A’ mempunyai dua bilik tidur, manakala jenis ‘B’ empat buah bilik tidur. Daripada jumlah tersebut cuma 26 buah rumah jenis ‘A’ sahaja yang dibina di Kampung Bolkiah ‘B’ ini.

Dengan rumah berlantai simen, bertiang konkrit, laluan pejalan kaki diperbuat daripada batu serta sistem pembuangan najis yang lebih teratur sudah tentu memberikan keselesaan dan kehidupan yang lebih baik kepada mereka yang tinggal di Kampung Bolkiah ‘B’ ini.

Susunan rumah yang begitu teratur dan rapi juga boleh mengurangkan risiko berlakunya kebakaran, sekali gus menarik minat generasi muda untuk menetap di Kampong Ayer.

Kampung ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi keselesaan penduduk kampung ini. Antaranya ialah penubuhan Sekolah Ugama Kampung Bolkiah yang ditubuhkan pada tahun 1999.



JAMBATAN yang menghubungkan penduduk Kampung Bolkiah ‘A’ dan ‘B’.

Penubuhan sekolah agama tersebut adalah bagi penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar perumahan tersebut khususnya Kampung Bolkiah ‘A’ dan Bolkiah ‘B’.

Sebelum adanya sekolah tersebut murid-murid di kawasan itu belajar di Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar Kampung Setia, Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Kampung Saba, Sekolah Ugama Al-Muhtadee Billah Kampung Lurong Dalam dan Sekolah Ugama Pintu Malim.

Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran sempena Pembukaan Sekolah Ugama Kampung Bolkiah telah disempurnakan oleh Pengarah Pengajian Islam ketika itu, Dato Seri Setia Awang Haji Kassim bin Haji Lamat pada 5 April 1999.

Sekolah Ugama Kampung Bolkiah menggunakan enam buah rumah, iaitu lima buah menempatkan murid yang belajar dari Darjah Pra hingga Darjah 6, manakala sebuah lagi digunakan bagi menempatkan Bilik Pentadbiran dan Bilik Guru Besar.

Kewujudan Skim Perumahan Kampong Ayer ini menunjukkan semangat orang-orang Kampong Ayer untuk terus menetap dan hidup di sana. Dengan usaha ini juga menunjukkan betapa Kampong Ayer itu sebuah warisan yang mesti dipertahankan.

Hanya mereka yang tinggal di Kampong Ayer saja yang mengerti betapa indahnya hidup di permukaan air, yang masih mengekalkan hidup berdangansanak yang kuat dan tahu menghargai warisan nenek moyang mereka.

Semoga Kampung Bolkiah ‘B’ terus menikmati kemakmuran aman damai dan sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata’ala.

